

**KEMAHIRAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL DENGAN
PENGUNAAN *COMIC STRIPS* DALAM KALANGAN
MURID TAHUN EMPAT**

SHANTHINI SREE A/P MATHIALATHAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

KEMAHIRAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL DENGAN PENGGUNAAN *COMIC STRIPS*
DALAM KALANGAN MURID TAHUN EMPAT

SHANTHINI SREE A/P MATHIALATHAN

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERKEMBANGAN DAN KURIKULUM)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SHANTHINI SREE A/P MATHIALATHAN**

No. Matrik: **PGT130012**

Nama Ijazah: **Sarjana Pendidikan (Perkembangan Kurikulum)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**KEMAHIRAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL DENGAN
PENGUNAAN *COMIC STRIPS* DALAM KALANGAN MURID TAHUN
EMPAT**

Bidang Penyelidikan: **Perkembangan Kurikulum**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan :

ABSTRAK

Penggunaan *Comic Strip* sebagai bahan bacaan teks bahasa Tamil mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan. *Comic strip* berperanan sebagai alat yang berfungsi untuk menyampaikan isi pembelajaran yang mana ia mewujudkan satu proses komunikasi antara murid dengan bahan pembelajaran. Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan yang melibatkan murid tahun empat dalam membaca teks bahasa Tamil dengan menggunakan *comic strip*. Reka bentuk kajian ini adalah bentuk kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen yang mana kaedah pemerhatian digunakan sebagai instrumen utama dan kaedah temu bual dan analisis dokumen sebagai instrumen kedua dalam pengumpulan data. Dalam kajian ini, kemahiran membaca teks bahasa Tamil murid tahun empat akan dinilai melalui *Comic Strips* dengan penggunaan aplikasi *storyboard that*. Semasa kajian ini dijalankan, kaedah pemerhatian akan digunakan terhadap sampel yang terlibat. Sampel yang terlibat adalah empat orang murid tahun empat. Pada masa yang sama penyelidik juga akan menemu bual dua orang guru untuk mengukuhkan lagi data yang bakal diperolehi. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di negeri Selangor. Kajian ini merangkumi beberapa cadangan untuk berkhidmat sebagai panduan untuk kajian masa depan. Semoga menerusi kajian ini diharap kualiti pembelajaran Bahasa Tamil dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: Penggunaan *Comic Strips*, teks bahasa Tamil,

THE USE OF COMIC STRIP IN READING SKILLS TAMIL LANGUAGE TEXT AMONG STANDARD FOUR STUDENTS

ABSTRACT

The use of comic strip as a reading material in Tamil language text can create a fun learning environment. *Comic Strips* serve as a functional tool for communicating the content of learning which creates a communication process between students and learning materials. This study is an action study involving year four students in reading Tamil language text using Comic Strip. The study design was a qualitative study using observation method, interview and document analysis where observation method was used as the main instrument and interview method and document analysis as a second instrument in data collection. In this study, the skills of reading among year four students in Tamil language texts will be assessed through *Comic Strips* using the storyboard that application. During this study, the observation method will be applied to the sample involved. The samples involved were year four students. At the same time, researcher will also interview two teachers to further strengthen the data available. This study was conducted at a school located in the state of Selangor. This study covers several suggestions to serve as a guide for future research. Hopefully through this study it is hoped that the quality of Tamil language learning will be improved.

Key Words: Use of *Comic Strips*, Tamil Language Teks

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana dengan limpah dan kurniannya dapat saya menyiapkan tesis ini bagi memenuhi sayarat pengurniaan Ijazah Sarjana (Master), Univrsiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd Shahril Nizam bin Shaharom, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato“Emeritus Profesor Dr Abu Bakar bin Nordin, Dr. Siti Hajar Halili serta Dr. Chin Hai Leng yang sentiasa memberikan panduan dan pelbagai idea untuk menulis ilmiah yang baik.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang tercinta iaitu En. S. Mathialathan dan Pn.M. Ranjani yang sentiasa memberi sokongan, dorongan serta mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya sehingga saya melangkah ke menara gading dan memperoleh Ijazah Sarjana ini. Saya juga tujukan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada adik-beradik saya iaitu M. Karthiga Sree,

M. Suganthini Sree, M. Velavan C. Karthik dan yang turut memberi motivasi yang berterusan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan guru yang banyak membantu serta memberi sokongan dan dorongan yang tidak terhingga iaitu Pn. Malini, En. Isaac Nyanaraj, Dr. K. Ramesh dan Pn. Bavani dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Tidak dilupakan rakan saya S. Rageni serta semua staf teknikal Fakulti Pendidika Universiti Malaya.

Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian semua. Semoga latihan ilmiah ini menjadi titik permulaan baru dalam menghadapi cabaran alaf baru dunia pendidikan dan pembangunan negara.

Nama : Shanthini Sree a/p Mathialathan

Alamat: Unit A-11-01, Masreca 19,

Persiaran Rimba Permai, Cyber 10,

63000 Cyberjaya,

Selangor.

SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah	xix
Senarai Jadual	xx
Senarai Lampiran	xi

BAB 1 : PENGENALAN

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	7
1.3. Pernyataan Masalah	13
1.4. Matlamat Kajian	20
1.5. Objektif Kajian	20
1.6. Persoalan Kajian	20
1.7. Kepentingan Kajian	21
1.8. Limitasi dan Delimitasi Kajian	22
1.9. Limitasi Kajian	22
1.10. Delimitasi Kajian	23
1.11. Rasional Kajian	23
1.12. Definisi Pengistilahan	25
1.10.1. <i>Comic Strips</i>	25
1.10.2. Kemahiran Membaca	25
1.10.3. Mata Pelajaran Bahasa Tamil	26
1.10.4. Tahap dua	26
1.10.5. Penglibatan	26
1.13. Kesimpulan	27

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1. Pendahuluan	28
2.2. Kemahiran Membaca	28

2.3.	Jenis- jenis Bacaan	33
2.4.	Komik.....	35
2.5.	Jenis-jenis Komik.....	37
2.6.	Faedah Penggunaan Komik.....	44
2.7.	<i>Comic Strips</i>	52
2.8.	<i>Comic Strips</i> Dalam Pembelajaran Teks	57
2.9.	Kajian Dalam Negara	64
2.10.	Kajian Luar Negara.....	64
2.11.	Kerangka Teori	69
2.12.	Teori Bahasa Visual.....	70
2.13.	Model Pembelajaran Kurikulum.....	75
2.14.	Model Pemprosesan Informasi	75
2.15.	Kerangka Konsep.....	76
2.16.	Kesimpulan.....	78

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pendahuluan	79
3.2.	Metodologi Kajian.....	79
3.3.	Reka Bentuk Kajian	80
3.4.	Kajian Kualitatif.....	81
3.5.	Kajian Tindakan	85
3.6.	Lokasi Kajian	88
3.7.	Instrumen Kajian	89
3.7.1.	Pemerhatian.....	89
3.7.2.	Temu Bual.....	91
3.7.3.	Senarai semak	93
3.8.	Prosedur Kajian	94
3.9.	Analisis Data	99
3.9.1.	Data Temu Bual	106
3.9.2.	Data Senarai Semak	109
3.9.3.	Data Nota Lapangan.....	109
3.10.	Kesahan dan Kebolehpercayaan	111
3.11.	Etika Kajian	114
3.12.	Kesimpulan.....	115

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1.	Pendahuluan	116
------	-------------------	-----

4.2.	Analisis Pemerhatian	117
4.3.	Analisi Temu bual	124
4.3.1.	Soalan kajian 1: Sejauh manakah penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil?	125
4.3.2.	Soalan kajian 2: Sejauh manakah penglibatan penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat?	127
4.3.3.	Soalan kajian 3: Adakah penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil meningkatkan penguasaan murid?	128
4.4.	Analisis Senarai Semak	129
4.5.	Kesimpulan.....	130
BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1.	Pendahuluan	132
5.2.	Rumusan Hasil Kajian.....	132
5.3.	Perbincangan Hasil Kajian	133
5.4.	Penggunaan <i>Comic Strips</i> Dalam Kemahiran Membaca Teks Bahasa Tamil.	133
5.5.	Penerimaan Penggunaan <i>Comic Strips</i> Dalam Membaca Teks Bahasa Tamil oleh Murid-murid Tahun Empat	136
5.6.	Penggunaan <i>Comic Strips</i> Dalam Kemahiran Membaca Teks Bahasa Tamil Meningkatkan Penguasaan Murid.	139
5.7.	Cadangan Kajian	141
5.7.1.	Cadangan Kepada Guru	142
5.7.2.	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	142
5.7.3.	Cadangan kepada Penyelidik	142
5.8.	Kajian Lanjutan	143
5.9.	Kesimpulan.....	144
	Rujukan	146
	Lampiran	152

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Kerangka Konsep Kajian.....	77
Rajah 3.1 Reka bentuk kajian	85
Rajah 3.2 Model kajian tindakan Kemmis & Taggart (1988).....	86
Rajah 3.3 Kerangka Prosedur Kajian.....	95
Rajah 3.4 Contoh Salah Satu Screen Shot Aplikasi Storyboard That.....	97
Rajah 3.5 Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data (Sumber Lexy, 2007)	103
Gambar 4.1 Aktiviti membaca teks Bahasa Tamil	118
Gambar 4.2 Aktiviti membaca teks Bahasa Tamil	118
Rajah 4.1 Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Tanpa dan Dengan Menggunakan <i>Comic Strips</i>	121
Rajah 4.2 Contoh Petikan Teks Bahasa Tamil.....	122
Rajah 4.3 Contoh Inteprestasi Petikan Teks Bahasa Tamil	123
Rajah 4.4 Aplikasi yang Digunakan untuk Mengubah Teks Bacaan Bahasa Tamil	123

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Pengkodam Video Kajian	106
Jadual 3.2 Draf Temubual Kajian	107
Jadual 3.3 Pengkodan Temu Bual.....	108
Jadual 3.4 Pengkodan Senarai Semak.....	109
Jadual 3.5 Matriks Metodologi Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	110
Jadual 4.1 Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Tanpa Menggunakan <i>Comic Strips</i>	119
Jadual 4.2 Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Selepas Menggunakan <i>Comic Strips</i>	120

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A – Borang Senarai Semak.....	152
Lampiran B – Borang Temu Bual & Protokol Temu Bual.....	153
Lampiran C – Borang Pemerhatian.....	156
Lampiran D – Kebenaran Menjalankan Kajian	157
Lampiran E – Borang Kebenaran Penyertaan Kajian	159
Lampiran F – Borang Akuan Penyertaan Kajian Murid.....	160
Lampiran G – Borang Akuan Penyertaan Kajian Guru	161
Lampiran H – Petikan Bahasa Tamil	162
Lampiran I – Petikan Teks dalam Bentuk <i>Comic Strips</i>	163

BAB 1

Pengenalan

1.1. Pendahuluan

Di Malaysia, bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ibunda kepada kaum India dan sebagai bahasa tambahan kepada kaum lain yang berminat. Sebagai bahasa asal kepada masyarakat India, bahasa Tamil berperanan sebagai alat perhubungan yang terpenting dalam menyatukan kaum India dari segi budaya, tradisi dan falsafah hidup. Oleh itu, pembelajaran bahasa Tamil yang kreatif merupakan antara penyumbang yang penting dalam menarik minat murid untuk belajar bahasa Tamil. Kaedah pengajaran bahasa Tamil yang terancang mampu melahirkan murid yang cemerlang serta dapat membentuk peribadi yang baik. Kaedah pembelajaran yang berasaskan buku teks sepenuhnya dan berpusatkan guru tidak dapat membantu murid mencapai kejayaan sepenuhnya tetapi dengan penggunaan kaedah yang betul serta usaha gigih murid dan guru yang terlibat.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari pelbagai budaya. Hal ini menyebabkan sebelum sesuatu dasar diperkenalkan, organisasi pentadbiran akan mengambil kira kepentingan semua kaum agar ia memberi manfaat kepada semua. Suasana kehidupan yang aman dapat diwujudkan dalam kalangan masyarakat melalui pembelajaran nilai-nilai murni. Keadaan dapat diwujudkan melalui pendidikan yang dipelajari. Nilai-nilai seperti hormat-menghormati, bertoleransi, dan bekerjasama untuk melahirkan masyarakat negara yang berkualiti, berdaya saing, bijak dan mempunyai sifat cinta akan negara dalam kalangan masyarakat. Selain itu, pembelajaran ialah suatu proses yang berlaku sepanjang hayat. Proses persekolahan tidak akan berhenti apabila seseorang murid

tamat zaman persekolahan atau pengajian tinggi tetapi ia akan bersambung sehingga mereka masuk alam pekerjaan dan selamanya (Mior Khairul Jamaluddin, 2011).

Selain itu, bagi meningkatkan kualiti masyarakat dan perkembangan negara kearah yang lebih terancang, sistem pendidikan memainkan peranan yang penting. Perkembangan sesuatu negara tidak bergantung terhadap perkembangan sektor perindustrian dan teknologi semata-mata tetapi sektor pendidikan juga memainkan peranan yang penting. Abdul Said Ambatong (2013) menyatakan bagi memartabatkan nama negara di arena dunia, beberapa aspek pendidikan perlu diberi perhatian supaya dapat merealisasikan pembentukan negara yang lebih produktif serta setaraf dengan peralihan perkembangan dunia. Kenyataan ini selaras dengan pengumuman Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988 dalam menentukan arah tujuan, asas dan sumber inspirasi bidang pendidikan seperti berikut:-

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”

Berdasarkan pernyataan ini boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan negara memberi kepentingan kepada perkembangan kemahiran individu secara menyeluruh dan menyumbang kearah membentuk insan yang baik, berdasarkan prinsip rukun Negara yang menekankan kepercayaan, keyakinan kepada Tuhan (Ganesan, 2013).

Pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dilaksanakan untuk murid-murid tahun satu bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR ialah Sistem Baharu Pendidikan untuk Sekolah Rendah yang

diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KSSR menggunakan Elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara eksplisit dengan memfokuskan kepada 4M iaitu kemahiran Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul (Sumber Rasmi KSSR-KPM, 2011). Kepelbagaian dalam kaedah pengajaran dapat menarik perhatian murid untuk menumpu dalam pengajaran. Cara pengajaran mata pelajaran bahasa Tamil dengan penggunaan kaedah yang lebih inovatif boleh menambah kefahaman murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan dalam menjadikan pengajaran lebih menarik. Kaedah pengajaran yang lebih terancang bahasa Tamil mampu membentuk murid yang cemerlang dan murid akan berusaha dengan lebih gigih. Oleh itu, kajian ini akan menjadi satu usaha dalam menambahkan kaedah pengajaran bahasa Tamil dengan mengaplikasikan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil.

Selain itu, menurut Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Nur Syazwani Abdul (2016) pendidikan ialah asset yang penting sesebuah negara dalam menyediakan dan melahirkan masyarakat yang berkualiti dan mampu bersaing di arena dunia. Sistem pendidikan juga telah melalui perkembangan dan perubahan berdasarkan permintaan pasaran dunia. Pendidikan abad ke-21 atau PAK-21 menjadi amalan utama dalam sistem pendidikan di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia:-

“Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh lalai. Oleh itu, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua murid. Tidak dinaikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Oleh yang demikian, transformasi pendidikan bukan sekadar menambah bilangan kakitangan dan kemudahan, malah perlu menjurus

kepada usaha untuk memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran”
(Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013)

Nurzarina Amran dan Roslinda Rosli (2017) menyatakan Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan inisiatif Pendidikan Abad ke-21 mulai tahun 2014 secara rintis dan mula melakukan secara meluas pada tahun 2015. Oleh itu, guru harus menyediakan diri ke arah pelbagai kemahiran mengajar. Kemahiran abad ke-21 membolehkan guru berinteraksi dengan murid secara aktif (Mardhiah Johari & Rabiatal Ahmad, 2016).

Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir bin Mohamad telah memperkenalkan Wawasan 2020 bagi meningkatkan produktif negara dalam pelbagai bidang. Selaras dengan wawasan 2020, aspek pendidikan lebih diberi penekanan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006–2010 dimana ia merangkumi pembangunan modal insan, meningkatkan kualiti pendidikan dan institusi pengajian. Bagi merealisasikan pelan ini, semua masyarakat perlu berganding bahu dan menjadi nadi menjayakannya (Muhammad Nuruddin al-Banjari, 2007).

Ahamd Rivai dan Nana Sudjana (2007), menyatakan penggunaan media untuk memindahkan bahan pembelajaran untuk mencapai matlamat pengajian dapat meningkatkan pencapaian murid. Di samping itu, penggunaan media sebagai alat dalam arahan sistematik dapat mempercepatkan proses pembelajaran murid. Media adalah komponen utama dan alat seperti risalah, carta, rajah, poster dan brosur yang diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran untuk membantu mewujudkan keadaan yang dimanfaatkan oleh guru untuk memudahkan arahan untuk menyokong murid untuk mencapai matlamat kajian. Selain itu, terdapat begitu banyak fungsi media dalam proses pembelajaran dan pengajaran seperti berikut:-

I. Bahan pengajaran yang menarik perhatian murid

Penggunaan media dalam proses pembelajaran dan pengajaran boleh menjadi lebih inovatif dan murid akan menunjukkan keinginan dalam proses pembelajaran yang direka oleh guru, yang mana ia meningkatkan motivasi mereka dalam mempelajari mata pelajaran tersebut.

II. Untuk membuat pelajaran lebih mudah difahami

Bahan pembelajaran akan lebih mudah difahami dan mudah. Oleh itu, diharapkan murid dapat mencapai matlamat mengajar dan belajar dengan lebih baik.

III. Untuk mengurangkan tempoh masa

Aktiviti pembelajaran dan pengajaran bukan sahaja difokuskan terhadap komunikasi dan lisan. Pengetahuan yang akan dipindahkan kepada murid akan difahami dengan mudah dengan penggunaan media. Oleh itu, tempoh masa yang diperlukan dapat dikurangkan.

IV. Untuk menjadikan murid lebih aktif dalam proses pembelajaran

Apabila proses pembelajaran dan pengajaran berlaku, murid tidak hanya mendengar penjelasan guru tetapi juga melakukan aktiviti lain seperti memerhati, mentafsir, menerangkan, memperlihatkan, mengamalkan dan lain- lain proses yang mana murid belajar secara aktif dan akan menghalang murid daripada berasa bosan.

Merujuk kepada penjelasan di atas, boleh dirumuskan penggunaan media adalah penting dalam pembelajaran dan pengajaran. Dalam proses pengurusan pendidikan, sesetengah aspek menyebabkan pembangunan professional terhad seperti murid yang kurang minat untuk belajar (Georgina, 2013) dan penekanan pada faktor yang berkaitan dengan “mengajar untuk mengurus” daripada “mendidik untuk

mengurus” yang menggabungkan proses pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan (Carla, 2014). Seterusnya, pembelajaran aktif dikaitkan dengan satu set pengajaran, sebagai alternatif yang dicadangkan dalam kajian beliau, untuk menjalankan proses pembelajaran dengan cara yang melibatkan penyertaan aktif murid dalam pembelajaran berasaskan masalah, simulasi dan permainan.

Dalam aktiviti pendidikan proses pembelajaran menjadi salah satu aspek yang penting. Hal ini kerana proses pembelajaran membantu untuk mencapai matlamat pendidikan. Bagi mencapai matlamat pendidikan, proses pembelajaran yang efektif harus dipraktikkan di semua institusi pendidikan. Seseorang guru hendaklah mempunyai kecekapan yang berkualiti dan mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang autentik dan menyeronokkan. Pedagogi ialah satu kemahiran asas dan penting yang perlu dimahiri oleh semua guru. Penguasaan kemahiran ini membolehkan guru boleh menguasai semua mata pelajaran yang diajarnya (Sigit, 2015). Selain itu, Arief (2009) menyatakan terdapat beberapa faktor yang menghalang guru untuk mencapai kecekapan ini, iaitu kurang minat guru untuk menggabungkan dengan pelbagai kaedah yang sedia ada, kekurangan penguasaan mata pelajaran yang diajar, dan guru kurang kreatif dalam merancang proses pembelajaran di dalam kelas. Keadaan ini memberi kesan kepada murid terutamanya dari segi minat, sikap, penjiwaan idea, kecergasan dan pengetahuan di mana masalah ini dikhuatiri akan menjejaskan maklumat yang ingin disampaikan tidak tercapai.

Akhyak (2005) menyatakan seorang guru hendaklah berperanan sebagai mediator dan fasilitator. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan yang ada pada seseorang guru menjadi alat komunikasi untuk menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih berkesan dan sangat penting yang mana ia menjadi asas kepada kejayaan pendidikan di sekolah. Penggunaan pelbagai media

pembelajaran membolehkan penyampaian guru dalam bahan pengajaran lebih kreatif. Selain itu, guru juga dapat mengatasi masalah murid yang kurang aktif atau kurang memberi perhatian semasa waktu pembelajaran berlangsung. Murid akan berasa lebih motivasi jika proses pembelajaran berlangsung dengan efektif dimana murid dapat memahami pelajaran dengan mudah. Hal ini boleh meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran yang dipelajari.

Proses pengajaran yang kreatif mampu menarik minat murid penting untuk perkembangan diri murid dari segi mental dan sahsiah serta perkembangan penguasaan bahasa. Proses pengajaran yang berkesan haruslah mempunyai ciri-ciri yang menarik, bermakna serta mencabar yang selaras dengan perkembangan diri mental dan sahsiah murid yang mana ia secara langsung boleh membina sahsiah serta meningkatkan motivasi murid untuk belajar (Mohammed Azlan Nafiah, 2004). Selaras dengan kandungan pelajaran dalam mata pelajaran bahasa Tamil khususnya komponen sastera seperti *inaimolizhi*, *palamolizhi*, *thirukural*, dan *maraputhuthodhar* diperluas dalam pengajaran bahasa Tamil. Maka, hasil kajian dijalankan bagi mengenal kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan *penggunaan Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat khususnya di sekolah kebangsaan sebagai bahan bantu mengajar.

1.2. Latar Belakang Kajian

Penjajahan British di negara ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap pendidikan di negara ini. Sistem pendidikan bermula semasa zaman penjajahan British dimana ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu sistem pendidikan sebelum zaman pemerintahan British dan sistem pendidikan selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Sistem pendidikan selepas kemerdekaan memberi kesan terhadap bidang politik, ekonomi

dan sosial pada masyarakat. Pengenalan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi asas kepada perubahan sistem pendidikan negara. Selepas kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 1970, sistem pendidikan negara mengalami perubahan yang besar dan dikenali sebagai era penyusunan semula sistem pendidikan (Sufean Hussin, 2004).

Pendidikan awal bahasa Tamil di Tanah Melayu telah bermula secara informal sebagai pendidikan pondok bagi kanak-kanak berbangsa India. Pendidikan bahasa Tamil ini dikenali sebagai „*Thinnai Palli*” yang kebiasanya dijalankan di kaki lima rumah guru. Usaha ini dilakukan oleh masyarakat India untuk mengekalkan budaya hidup yang diwarisi dari negara India. Menurut Chlarine (2016) berlaku perubahan dalam pendidikan bahasa Tamil selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Menurut Meenambigai (2012) di Malaysia bahasa Tamil dimulakan secara formal pada tahun 1816 di *Penang Free School* dan diikuti dengan di *Anglo- Tamil School* di Melaka pada tahun 1834. Pada Tahun 1990, kerajaan membuka sekolah Tamil yang pertama di Bagan Serai. Kerajaan British telah membina sekolah rendah vernakular sejak pertengahan abad ke-19, yang mana sekolah berpengaliran Inggeris ditubuhkan oleh mubaligh Kritian, manakala sekolah Cina ditubuhkan oleh masyarakat Cina dan pemilik ladang getah menubuhkan sekolah Tamil (Sharipah Aini Jaafar, 2018).

Pengajaran bahasa Tamil menjadi bahasa ibunda murid-murid India dalam sistem pendidikan Negara kita selepas implimentasi Laporan Razak (1957). Pemberian peluang kepada murid-murid berbangsa India dinyatakan dalam laporan ini untuk menikmati pendidikan tinggi dalam bahasa Tamil. Dengan implimentasi daripada laporan ini kurikulum yang sama dengan sekolah kebangsaan akan diikuti oleh sekolah-sekolah Tamil kecuali bagi mata pelajaran bahasa Tamil (Utaman,

2009). Bahasa Tamil di Malaysia merupakan mata pelajaran pilihan bagi murid sekolah kebangsaan. Hal ini berbeza dengan mata pelajaran seperti bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, Matematik dan Sains yang merupakan mata pelajaran wajib (Portal Rasmi Kpm, 2014). Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan menyebabkan kebanyakan murid tidak mengambil mata pelajaran ini dijadikan sebagai mata pelajaran pilihan dan tidak ambil langsung mata pelajaran ini. Mata pelajaran bahasa Tamil adalah mata pelajaran yang penting untuk memupuk para murid yang beragama Hindu meminati sastera serta sejarah kelahiran bangsa India.

Menurut Yokammal (2006) bahasa Tamil berasal dari negara India. Masyarakat India menganggap bahasa Tamil sebagai lambang dan identiti mereka. Dravida merupakan bahasa yang utama dalam rumpun bahasa Tamil. Selain itu, bahasa Tamil juga menjadi bahasa pertuturan di negara India Selatan seperti Tamil Nadu, Sri Lanka, Malaysia, Singapura dan Mauritius. Bahasa Tamil dituturkan oleh lebih kurang 77 juta penutur di seluruh dunia menurut sumber dari perangkaan yang diterbitkan dalam „*Wstawide World Languages and Cultures: Top 30 Languages by Number of Native Speaker*” yang diterbitkan pada tahun 2014 (Margaret, 2014).

Menurut Utaman (2009) bahasa Tamil menjadi bahasa pertuturan di negara-negara seperti Singapura, Sri Lanka, Mauritius, Afrika Selatan selain negara Malaysia. Penghijrahan masyarakat dari negara India ke negara-negara ini menyebabkan bahasa Tamil menjadi bahasa pertuturan. Bahasa Tamil boleh dikategorikan sebagai bahasa klasik dan antara bahasa tertua di dunia. Bahasa Tamil antara komponen utama dalam kelompok bahasa Dravidian. Bahasa Tamil di negara Malaysia mengalami kemerosotan disebabkan pertembungan dan mencampuran bahasa lain dalam perbualan harian terutamanya masyarakat India. Kebolehan rakyat Malaysia yang boleh pertutur lebih daripada satu bahasa menyebabkan mereka tidak

menguasai sepenuhnya bahasa Tamil (Janakey, 2006). Selain itu, Paramasivam (2010) juga menyatakan masyarakat India di negara Malaysia yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menyebabkan berlaku pencampuran bahasa dalam komunikasi seharian mereka. Mereka mencampur bahasa Tamil dengan bahasa lain dalam perbualan seharian mereka yang mana mereka tidak menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya.

Malaysia sebuah negara yang terdiri pelbagai etnik. Setiap etnik menurut bahasa yang berlainan. Bahasa Tamil menjadi bahasa pertuturan utama masyarakat berbangsa India. Masyarakat India yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Malayalee dan Telugu juga kebanyakannya boleh bertutur bahasa Tamil. Menurut Margaret (2014) di peringkat sekolah kebangsaan jenis Tamil, mata pelajaran bahasa Tamil menjadi mata pelajaran yang wajib diambil oleh murid. Mata pelajaran ini menjadi salah satu mata pelajaran dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Hal ini berbeza di sekolah kebangsaan yang mana bahasa Tamil menjadi mata pelajaran pilihan. Pada peringkat sekolah menengah, mata pelajaran bahasa Tamil menjadi mata pelajaran pilihan.

Gardner dalam kajiannya menyatakan seseorang yang menunjukkan minat terhadap sesuatu akan menunjukkan perasaan positif terhadapnya yang mana ia proses pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan dengan baik (Muthiah, 2005). Dalam kajian beliau menyatakan minat seseorang murid terhadap bahasa dan kebudayaan yang diminati pengaruhi kecekapan dan penguasaannya dalam bahasa itu.

Pengajaran yang dirancang secara berstruktur merupakan pendekatan yang asas untuk menarik minat murid. Guru harus berteliti dalam perancangan kaedah pengajaran yang baik yang mana ia membantu murid mencapai kecemerlangan yang

baik serta merupakan langkah pertama murid menguasai sesuatu mata pelajaran. Selain itu, kaedah pengajaran sistematik harus dipraktikkan oleh guru (Zulkifli Dahalan, 2010). Pengajaran penggunaan buku teks merupakan satu proses pengajaran yang kompleks kerana kaedah ini tidak mempunyai bahan atau strategi yang konsisten yang akan menjamin proses pembelajaran murid yang baik (Azalina Abdul Wahap, 2013). Oleh itu, kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* merupakan satu pendekatan yang baik untuk para guru bahasa Tamil. Menurut Noel dan Colin (2002) penggunaan kepelbagaian dalam kaedah pengajaran oleh guru dapat membimbing murid ke arah pembentukan pendidikan yang berkualiti.

Menurut Noel dan Colin (2002) penggunaan pelbagai kaedah dalam pengajaran dapat membimbing murid ke arah pembentukan keperibadian murid. Arahan yang diberikan oleh guru membolehkan murid mendapat gambaran yang jelas berkaitan sukatan mata pelajaran, cara untuk berkomunikasi, penyelesaian masalah dan memahami idea baru dalam memahami kepentingan untuk berusaha (Norhana Mohamad Saad, 2016).

Selaras dengan pelancaran program Sekolah Bestari oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada awal tahun 1999, semua sekolah disarankan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif seperti menggunakan media dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Semua guru disarankan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bilik darjah. Kajian oleh Lechner dan Boli (2000), menyatakan perkembangan dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) boleh meningkatkan perkembangan murid dalam cara pembelajaran, penginterpretasian maklumat dan cara pemahaman

murid dalam sesuatu mata pelajaran. Murid dapat meneroka perkembangan baharu dalam sistem pendidikan (Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir, 2003).

Pembelajaran bahasa Tamil sebagai bahasa asing, guru-guru mengaplikasikan kaedah pengajaran yang kreatif membantu murid untuk belajar dengan lebih baik. Penggunaan kaedah pengajaran ini dapat memastikan murid mudah memahami kandungan pelajaran dan akan menguasai sepenuhnya. Deria dalam diri seseorang murid akan merangsang dengan penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai dan maklumat yang disampaikan akan mudah difahami oleh murid. Thordike (1971), dalam kajiannya menyatakan kemahiran berfikir murid berfungsi melalui melalui proses pembacaan. Pendidikan menjadi asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat. Oleh itu, pendidikan harus diberi penekanan sejak zaman kanak-kanak lagi. Meskipun, masih ada segelintir murid yang ketinggalan dalam pendidikan. Penguasaan murid dalam tiga kemahiran seperti kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mengira masih menunjukkan penurunan. Beliau turut menyatakan keupayaan murid dalam membaca, berinteraksi dan memahami bentuk tulisan harus dijadikan sebagai matlamat utama dalam pengajaran (Muhammad Saiful Haq Husin et al, 2016).

Kajian oleh Azura, Zakaria , Mohd Hasan dan Bahaman (2009) murid yang berisiko pembelajaran sering dikaitkan dengan pencapaian mereka yang rendah semasa sesi pembelajaran. Murid yang berisiko tidak dapat bersaing dengan murid yang lain. Hal ini secara langsung memberi kesan di mana mereka tidak dapat mencapai matlamat program pendidikan. Selaras dengan matlamat Sumber Pembangaunan Pendidikan 2001-2010, penggunaan kaedah pengajaran yang kurang inovatif serta teknik pengajaran tradisional juga menjadi salah satu punca pencapaian yang rendah. Penggunaan kaedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

yang masih kurang digunakan oleh guru juga menjadi punca pencapaian murid rendah. Hal ini kerana, kaedah pengajaran yang berfokus kepada buku tidak mampu merangsang proses pembelajaran murid dan kurang minat untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. Kaedah pengajaran ini juga dikenal pasti menjadi sebab murid lemah dalam pembelajaran dan kurang memberi perhatian terhadap pelajaran (Zaidatul Akmaliah, 2005).

Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca mempercepatkan proses penerimaan murid mengenai pesanan yang disampaikan oleh guru. Masalah ingatan menjadi salah satu masalah yang dihadapi oleh murid. Selain itu, masalah ingatan boleh menyekat kebolehan murid untuk berbahasa (Mohamad Sabri Satar, 2001). Hal ini boleh menyebabkan murid mengalami masalah untuk mengingat apa yang dipelajarinya serta akan mengambil masa seperti sebulan, setahun dan sebagainya (Nur Azura Mohd Zaki, 2008).

1.3. Pernyataan Masalah

Bagi berjaya dalam bidang akademik, murid perlu menguasai kemahiran asas dalam pendidikan seperti kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran menulis dan kemahiran menaakul. Selaras dengan matlamat umum yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2007) yang mana murid harus menguasai empat kemahiran asas dalam pembelajaran mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Penyelidik berpendapat diantara keempat-empat kemahiran tersebut kemahiran membaca perlu diberi perhatian yang mendalam agar murid boleh mencapai pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Terdapat kajian (Anderson, 2003) yang menjelaskan membaca menjadi peranan penting dalam pembelajaran bahasa Inggeris kerana murid boleh merealisasikan apa yang murid

pelajari (Suganthini Sree, 2014). Murid cenderung membuat kemajuan yang drastik dalam pembelajaran melalui kemahiran membaca. Selain itu, penjejasan prestasi murid dalam sesuatu mata pelajaran juga dapat diatasi melalui penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai. Seperti yang dinyatakan Mahzan Arshad (2003) dan Yahya Othman (2008) dalam kajian menyatakan proses membaca dapat membantu murid menambahkan ilmu pengetahuan (Tamam Timbang, Zamri Mohamad & Afendi Hamat, 2011).

Proses pembelajaran dikenali sebagai proses tingkah laku yang mana perubahan tingkah laku murid berlaku secara berperingkat dan perubahan ini boleh diperhatikan dalam diri murid. Proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif mampu membolehkan tingkah laku murid dan dipengaruhi oleh faktor-faktor pembelajaran yang terbahagi kepada dua iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran memainkan peranan penting dimana proses perubahan berlaku pada diri murid seperti pengalaman, persekitaran sosial, cara pembelajaran, strategi pembelajaran, kemudahan belajar serta sikap guru yang mengajar manakala faktor dalaman merangkumi minat murid, sikap dan pencapaian prestasi yang lalu (Shamini, 2015).

Pencapaian akademik yang baik termasuklah penguasaan kemahiran-kemahiran asas dalam pembelajaran. Murid akan menghadapi masalah pembelajaran jika tidak menguasai kemahiran-kemahiran ini dan akan menjejaskan pencapaian dalam akademik. Menurut Yahya Othman (2008) proses membaca boleh membentuk ilmu seseorang murid dan membentuk peribadi yang baik. Selain itu, melalui membaca murid dapat memahami teks bacaan dengan lebih jelas dan memahami kandungan yang dipelajarinya (Abdul Rashid Jamian, 2011). Menurut Hasnalee Tubah dan Zulkifley Hamid (2011) kemahiran membaca merangkumi proses

pencerapan ilmu pengetahuan. Kemahiran membaca membolehkan murid menguasai penyebutan kosa kata dengan betul dan tepat. Murid dapat memahami petikan yang dibaca dengan lebih cepat. Murid perlu menguasai kemahiran membaca bagi melancarkan proses pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum (2010).

Pembaca yang baik mempunyai keupayaan untuk memanipulasikan sebarang teks bacaan. Murid akan menjadi pembaca yang aktif dan berminat jika mereka dapat memotivasikan diri mereka dengan sifat ingin tahu, menerima cabaran, dan sebagainya. Menurut Mohd Jafre Zainol Abidin (2011) guru boleh melakukan pengubahsuaian kepada kandungan buku teks sekolah untuk membangkitkan semangat murid dalam kemahiran membaca dengan melibatkan mereka dengan bahan-bahan bacaan seperti carta, kad imbasan, poster dan *bigbook*. Pendekatan baharu dalam kemahiran membaca adalah penting dan perlu digabungkan dengan kaedah visual bagi membolehkan lebih ramai murid menunjukkan minat dalam membaca (Suganthini Sree, 2014).

Menurut Wan Zailan Kamaruddin (1990) kelemahan murid untuk tidak menguasai kemahiran membaca boleh menyebabkan prestasi mereka merosot. Hal ini kerana, murid akan mengalami kesukaran bagi mengikuti pelajaran yang diajar yang mana mereka akan ketinggalan mata pelajaran tersebut (Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Jamaludin Badushah, 2010). Kesukaran membaca memberi impak yang negatif terhadap pencapaian murid terutamanya dalam pembelajaran. Murid kurang dapat mengembangkan cara fikiran mereka (Daud Taha, 2000). Zulkafli Kamaruddin (2008) menyatakan murid akan mengalami kemerosotan dan minat terhadap mata pelajaran akan berkurang jika mereka tidak menguasai kemahiran membaca. Hal ini kerana mereka mengalami kesukaran untuk mengenali huruf dan akhirnya tidak

dapat membaca suku kata, kesukaran mengenal pasti huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, penyebutan kosa kata yang tidak betul, melangkah perkataan yang tidak boleh disebut semasa membaca petikan dan sebagainya (Abdul Rasid, 2006).

Pembelajaran bahasa merupakan satu proses penyusunan dan perancangan yang dilakukan pada peringkat awal supaya murid dapat menguasai intipati proses pembelajaran dan pengajaran yang dilakukan dalam kelas (Razman Mohamad, 2015). Menurut Zamri Mohamad, Kamiliah Ayu Ab Ghani dan Wan Muna Ruzannan Mohammad (2016) bagi menguasai sesuatu bahasa setiap individu mempunyai cara yang tersendiri. Mereka akan menggunakan pelbagai kaedah dan strategi untuk menguasainya. Murid akan terlibat dengan proses ini tanpa disedari oleh mereka. Hal ini kerana setiap murid akan menentukan kaedah atau strategi pembelajaran mengikut kemampuan masing-masing. Dengan ini mereka akan mencapai matlamat pelajaran seperti yang ditetapkan (Roshidah Hassan, 2017).

Zulkifley Hamid (2006) menyatakan faktor-faktor seperti persekitaran, kecacatan fizikal serta keturunan atau genetik mempengaruhi tahap kecerdasan murid. Hal ini menyebabkan murid mengalami kesukaran untuk mempelajari dan mengingat sesuatu kandungan mata pelajaran. Tahap kesihatan yang rendah serta gangguan dari segi emosi juga menjadi punca dalam pembelajaran murid. Murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang lemah akan mengalami gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan pelbagai perasaan yang boleh menjejaskan tumpuan dan perhatian terhadap pengajaran di dalam kelas (Abdul Rasid, 2011). Seterusnya, beliau turut menyatakan masalah tertentu wujud dalam menguasai kemahiran membaca disebabkan beberapa faktor. Murid akan berasa rendah diri apabila tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis yang mana ia menjejaskan keputusan murid dalam mata pelajaran merosot.

Selain itu, menurut Suganthini Sree (2014) antara cabaran yang dihadapi dalam sistem pendidikan Malaysia ialah kelemahan peranan pihak guru. Sistem pendidikan Malaysia menjelaskan peranan guru dalam Pelan Pembangunan Pendidikan seperti berikut:-

“Teachers are the most valuable resource available in schools, and low-performing students need qualified teachers to help them to improve. PISA finds that low performers in mathematics are more likely than students who perform at or above baseline Level 2 to attend school that suffer from lack qualified teachers”

(Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), 2016).

Mohd Nasiruddin Abd Nasil (2012) dalam kajiannya menyatakan pendekatan guru yang kreatif dalam proses pengajaran mempengaruhi tahap pencapaian murid. Bagi mencapai tahap yang kecemerlangan dalam pembelajaran dan pengajaran, selain penekanan terhadap cara pengajaran, kualiti guru juga harus diberi perhatian. Kelemahan seseorang guru dalam cara pengajaran boleh dilihat apabila guru terbabit hanya menghabiskan sukatan pelajaran tanpa mengambil kira cara penyampaian. Selain itu, pernyataan ini turut disokong oleh Muhammad Affrini Azim Zahari (2015) yang mana beliau menyatakan guru harus memainkan peranan pembimbing yang boleh memberi inspirasi kepada murid. Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (2003) menjelaskan kebolehan, pengalaman, tingkah laku serta amalan setiap murid berbeza dan tidak sama antara satu sama lain. Masalah yang dihadapi oleh murid seperti kesukaran membaca serta tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran menyebabkan mereka tidak dapat membezakan objek dan tidak menguasai kosa kata sepenuhnya.

Kajian Zurina Yasak, Baharom Mohamad, Ahmad Esa dan Shahrizal Shabuddin (2009) menyatakan tahap pembelajaran dan pengajaran yang terlalu padat

menyebabkan murid tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran membaca. Hal ini menyebabkan objektif pembelajaran dan pengajaran juga tidak tercapai. Kegagalan murid untuk menguasai kemahiran membaca akan menjejaskan perkembangan dari segi psikomotor, kognitif, dan efektif dan murid- murid yang terbabit akan lambat dalam melakukan tugas dan kurang bersaing dengan murid yang lain. Selain itu, kaedah pengajaran guru hanya berfokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran juga menjadi salah satu punca masalah ini (Muhammad Natsir Ede dan Khadijah Daud, 2014). Sementara itu, hasil kajian Abdul Rashid Jamian (2011) mendapati murid-murid yang menghadapi kesukaran membaca, biasanya menghadapi masalah dalam mengekalkan ingatan, maklumat yang dipelajari dan mudah lupa. Kesukaran murid untuk menguasai kemahiran membaca dari segi bahan bacaan yang kompleks seperti perbendaharaan kata yang tinggi, isi dan jalan cerita yang panjang juga menjadi kepada murid. Pelbagai cara boleh digunakan untuk mengatasi masalah-masalah seperti yang dinyatakan seperti di atas.

Sementara itu, hasil kajian oleh Shababuddin Hashim (2003) menunjukkan teknik pengajaran menentukan pencapaian matlamat sesuatu mata pelajaran. Proses pembelajaran berlaku apabila sesuatu tugas atau aktiviti berlangsung dalam bilik darjah. Kegagalan proses boleh menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran akan terganggu. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku guru harus merancang pengajaran dengan lebih sistematik dengan mengaplikasikan teknik yang betul bagi menarik minat murid terhadap pengajaran. Selain itu, penciptaan bentuk kurikulum, cara penyebaran kurikulum dan sistem pentaksiran harus diberi perhatian apabila membuat aktiviti pembelajaran. Pendekatan yang digunakan oleh guru seperti pengajaran berpusatkan murid, pameran hasil kerja murid dan penilaian kerja murid

boleh membentuk persekitaran pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Cara menyampaikan maklumat dengan menggunakan grafik telah lama dipraktikkan dalam dunia pendidikan (Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir, 2002). Selain itu, Yusup Hashim dan Raja Maznah (2006) dalam meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran dalam kaedah pengajaran lama, penggunaan bahan grafik digunakan. Jamalludin Harun, Baharuddin Aris dan Zaidatun Tasir (2001), menjelaskan penggunaan bahan pengajaran dalam bentuk grafik membolehkan murid dapat maklumat dengan lebih tepat dan berkesan serta maklumat yang disampaikan dengan berkesan. Melalui kaedah ini, murid dapat mengingat apa yang dipelajarinya.

Singh (2003) menyatakan bahawa pengajaran melalui penggunaan video dan grafik adalah bersesuaian apabila murid mempunyai pengalaman lepas dan mempunyai masalah pembelajaran. Apabila bahan pengajaran seperti video atau grafik digunakan terhadap murid yang mempunyai masalah pembelajaran, ia membantu murid bagi membentuk perkembangan cara pemikiran. Murid dapat menggabungkan pengetahuan yang sedia ada dengan aktiviti yang dijalankan (Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat & Bahaman Abu Samah 2009).

Oleh itu, penyelidik berpendapat penggunaan bahan bantu belajar yang menarik dalam proses pembacaan harus dititikberatkan. Penyelidik berharap kajian ini akan memberi tumpuan kepada penggunaan *Comic Strips* sebagai pendekatan kemahiran membaca yang dapat membantu murid untuk membaca teks bahasa Tamil dengan mudah. Hal ini kerana kajian penggunaan *Comic Strips* masih kurang dijalankan. Thacker (2007) menyatakan *Comic Strips* dapat membantu murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Rashiqah Ilmi (2010) dalam kajiannya menyatakan selain menggunakan *Comic Strips* sebagai bahan interaktif, pemilihan

Comic Strips sebagai bahan bantu mengajar kajian ini juga berdasarkan penggunaannya di negara Jepun dan Korea sebagai bahan interaktif. Kejayaan di negara Jepun dalam penggunaan *Comic Strips* dalam mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah bukan sahaja dapat membantu murid mereka malah dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

1.4. Matlamat Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil.

1.5. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut: -

- I. Menenal pasti penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.
- II. Mengetahui penggunaan *Comic Strips* dalam penglibatan murid untuk membaca teks bahasa Tamil.
- III. Menenal pasti penguasaan murid dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil menerusi penggunaan *Comic Strips*

1.6. Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan yang berikut:-

- I. Sejauh manakah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil?
- II. Sejauh manakah penglibatan penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat.

- III. Adakah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil meningkatkan penguasaan murid?

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengenal pasti kepentingan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca.

Tujuan utama untuk menjalankan kajian ini adalah bagi mengenal pasti *Comic Strips* sebagai kaedah tambahan belajar yang boleh digunakan oleh murid. Oleh itu, kajian ini penting kepada murid, guru dan pihak pentadbir. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik-penyelidik pada masa akan datang. Penggunaan *Comic Strips* diperkenalkan kerana ia mengandungi teks mudah dengan imej yang mampu membantu murid untuk membaca serta mengingat apa yang dipelajari dalam bahasa Tamil. Selain itu, melalui kajian ini juga diharap menjadi asas kepada semua guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil yang boleh dijadikan sebagai rujukan dengan berpandukan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks di sekolah kebangsaan seluruh Malaysia.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, *Comic Strips* dipercayai menjadi tarikan luas kepada semua tahap murid kerana ia dapat menyampaikan sesuatu pesanan dengan mudah. *Comic Strips* merupakan bahan bacaan yang digemari oleh golongan kanak-kanak pada masa kini. Penggunaan *Comic Strips* boleh menyebabkan menghibur dan dapat menenangkan emosi murid. Selain itu, bagi menarik minat murid untuk membaca, penggunaan *Comic Strips* merupakan satu kaedah yang dapat menyumbang kepada pembelajaran teks bahasa Tamil. *Comic Strips* yang terdiri daripada gambar yang berwarna warni dan jalan cerita yang

menarik membolehkan murid lebih fokus terhadap pelajaran yang dipelajari dan akan mengambil usaha untuk membaca teks.

Seterusnya, dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada murid, guru memainkan peranan yang penting. Penggunaan *Comic Strips* dalam teks bahasa Tamil sebagai satu cara pengajaran akan meringankan tugas guru dalam proses pengajaran kerana boleh menyebabkan murid untuk membaca *Comic Strips*. Dengan itu, proses pembelajaran menjadi lebih mudah dan berkesan terhadap murid.

Kajian ini diharap dapat merungkai penggunaan *Comic Strips* dalam pengajaran bahasa Tamil yang masih belum diterokai berbanding bidang mata pelajaran yang lain seperti Sains dan Matematik dan sebagainya yang telah diselidik oleh penyelidik lain. Kajian juga diharap dapat membantu pihak sekolah untuk mengetahui penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan lebih lanjut.

1.8. Limitasi dan Delimitasi Kajian

Kajian ini merangkumi beberapa limitasi dan delimitasi kajian. Limitasi merupakan sesuatu yang tidak mampu dikawal dan manakala delimitasi kajian ialah sesuatu yang boleh dikawal oleh penyelidik tetapi tidak mahu dilaksanakan semasa menjalankan kajian.

1.9. Limitasi Kajian

Penyelidik mempunyai beberapa kekangan untuk menjalankan kajian ini dan yang pertama ialah kekangan masa. Kajian ini hanya terbatas dalam penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah di negeri Selangor. Seterusnya, kajian ini hanya menumpukan kepada empat orang murid tahun empat dan dua orang guru bahasa Tamil. Instrumen kajian

terdiri daripada pemerhatian yang dijalankan dari semasa ke semasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Seterusnya, kajian ini hanya berfokus kepada satu sekolah sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan.

1.10. Delimitasi Kajian

Delimitasi kajian bagi kajian ini ialah hanya bertumpu kepada murid-murid tahun empat sahaja. Murid tahun empat dipilih sebagai responden kajian ini kerana mereka adalah murid yang baru melangkah ke peringkat tahap dua yang lebih mencabar. Kajian ini juga menumpukan terhadap mata pelajaran bahasa Tamil tahun empat. Penyelidik juga memilih *Comic Strips* kerana penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca mempercepatkan proses penguasaan murid mengenai pesanan yang disampaikan oleh guru dan bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini.

1.11. Rasional Kajian

Dalam kajian ini, rasional utamanya ialah kerana bahasa Tamil menjadi bahasa pertuturan murid-murid dalam kajian ini. Penguasaan bahasa pertuturan akan menjadi lebih mudah dengan penggunaannya. Murid-murid ini juga mungkin tidak memberi perhatian penuh semasa pembelajaran dan pengajaran jika guru tidak menggunakan kaedah yang dapat menarik perhatian murid. Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid dalam menjadi mahir sesuatu bahasa. Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca sudah mula dilaksanakan bagi menarik perhatian murid-murid sekolah rendah. Kemahiran membaca adalah salah satu aspek yang penting dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Rendah Kebangsaan. Menurut Abu Bakar Yusof, Abdullah Yusof & Omar Hisham Mohd Baharain (2007) kemahiran membaca

merupakan salah satu kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid selain kemahiran mendengar, menulis dan mengira. Di peringkat sekolah, penekanan kepada kemahiran membaca melahirkan murid yang berketrampilan (Bayrei Asrin, Jered Yutui, Kamilah Mohamed & Siti Salbiah Shafie, 2008).

Menurut Quinn (1993) dan Palinscar (1995) penggunaan bahan interaktif computer dalam proses pembelajaran dan pengajaran boleh menambahkan kemahiran murid untuk menumpu perhatian dan menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini juga, mampu meningkatkan kemahiran membaca murid (Shaharuddin Md Salleh & Salim Pakheri, 2017). Menurut Mayer dan Anderson (1991) melalui penggabungan teks dengan grafik atau animasi membolehkan murid memahami kandungan pelajaran (Siti Maisyarah Ahmad, 2013).

Oleh itu, wajarlah penyelidik mengetahui kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat. Selain sekolah kebangsaan sebagai pemilihan menjadi rasional kajian bagi meluaskan penemuan-penemuan yang baharu bagi menganalisis hasil dapatan kajian ini. Penggunaan *Comic Strips* juga dipercayai dapat meningkatkan keupayaan murid untuk membuat sambungan teks dan maknanya ketika membaca. Kajian ini amat penting dalam memberi maklumat dari segi perspektif membaca teks bahasa Tamil.

Guru memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada murid. Oleh itu, penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil sebagai salah satu kaedah pembelajaran akan membantu guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar kerana murid dapat membaca teks yang mempunyai *Comic Strips*. Kajian ini juga sebagai salah satu usaha untuk membantu guru dalam mempelbagaikan teknik pengajaran mereka dalam kelas agar membolehkan murid belajar bahasa Tamil sebagai subjek pilihan. Diharap kajian ini

akan menjadi salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran bahasa Tamil dan memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat.

1.12. Definisi Pengistilahan

Dalam kajian ini, beberapa konsep yang mempunyai definisi yang terperinci akan diterangkan seperti berikut:-

1.10.1. *Comic Strips*

Comic Strips ialah cerita yang menggunakan gambar-gambar yang mengandungi perbualan watak dalam cerita tersebut. Drolet (2010) mendefinisikan *Comic Strips* sebagai peralihan budaya semasa iaitu dari buku kepada keupayaan murid untuk membaca buku (Suganthini Sree, 2014). Dalam kajian ini *Comic Strips* digunakan sebagai bahan tambahan dalam pembelajaran bahasa Tamil. Keseluruhan teks terpilih akan didedahkan kepada murid melalui gambar bersiri berserta dengan perbualan watak.

1.10.2. Kemahiran Membaca

Proses pembelajaran dan pengajaran terdiri daripada empat kemahiran asas. Kemahiran membaca menjadi asas daripada empat kemahiran bahasa. Kemahiran ini melibatkan proses menginterpretasi simbol-simbol bertulis kepada simbol-simbol bunyi yang seperti kehendak pengarang. Murid-murid dapat menyebut perkataan dengan betul serta dapat memahami maksud perkataan melalui kemahiran membaca. Hal ini juga dapat mengukur kemampuan murid terhadap kefahaman teks yang dibaca (Abdul Rashid Jamian, 2011). Selain itu, kajian oleh Hasnalee Tubah (2011) menyatakan kemahiran membaca dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan murid. Dua faktor yang terlibat semasa proses ini ialah pemahaman teks dan penterjemahan idea daripada penulisan.

1.10.3. Mata Pelajaran Bahasa Tamil

Di negara Malaysia, bagi golongan masyarakat India bahasa Tamil menjadi bahasa ibunda. Masyarakat India yang terdiri daripada pelbagai suku etnik menjadikan bahasa Tamil sebagai bahasa standard walaupun mempunyai bahasa pertuturan yang berlainan. Di peringkat sekolah kebangsaan, bahasa Tamil boleh terbahagi kepada dua bahagian iaitu kesusasteraan Tamil dan tatabahasa. Kesusasteraan bahasa Tamil terdiri daripada novel, sajak, drama dan cerpen manakala tatabahasa bahasa Tamil terdiri daripada kata nama (*peyarccol*), kata kerja (*vinaiccol*), kata tugas (*idaiccol*), kata sifat (*uriccol*), kata adjektif (*peyaradai*), dan kata adverb (*vinaiyadai*) (Janakey, 2006).

1.10.4. Tahap dua

Tahap dua terdiri daripada murid-murid sekolah rendah dari tahun empat sehingga tahun enam iaitu murid-murid yang berumur dari sepuluh tahun sehingga dua belas tahun. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian terhadap murid-murid tahun empat di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Sepang.

1.10.5. Penglibatan

Penglibatan menurut dalam Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud penglibatan dalam sesuatu aktiviti. Penglibatan ini boleh berlaku secara terancang atau tidak dirancang. Penglibatan yang terancang berlaku apabila sesuatu aktiviti yang dilaksanakan berlaku di kawasan yang terancang. Manakala, penglibatan yang tidak dirancang bermaksud aktiviti yang dijalankan di kawasan terbuka. Kajian ini merupakan penglibatan yang terancang kerana melibatkan penglibatan murid-murid tahun empat dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* seperti yang ditetapkan oleh penyelidik.

1.13. Kesimpulan

Kajian ini adalah satu percubaan untuk meningkatkan keupayaan murid sebagai pembaca yang aktif dalam bahasa Tamil. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan murid sebagai pembaca yang aktif kajian ini menekankan murid dengan teks bacaan dalam bahasa Tamil dengan menggunakan *Comic Strips*. Kajian ini akan mewujudkan kesedaran dalam murid dan guru dengan penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Perhatian yang sewajarnya harus diberikan di peringkat sekolah rendah dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Tamil yang menjadi keperluan sebagai bahasa asing.

Kesimpulannya, dalam bab satu ini, boleh dirumuskan mengenai kajian oleh penyelidik beserta dengan matlamat kajian. Dalam bab ini juga, dapat memberi gambaran awal kepada penyelidik untuk membuat kajian dengan lebih terperinci. Penyelidik menerangkan subtopik yang berkaitan dengan kajian seperti latar belakang, masalah kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi pengistilahan. Perbincangan mengenai semua subtopik yang dibincangkan merupakan asas kepada perbincangan dalam bab seterusnya dalam kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1. Pendahuluan

Bab ini memberi penerangan mengenai sorotan literatur berkaitan hasil penulisan dan kajian yang merangkumi kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips*. Dalam bab ini penyelidik akan membincangkan konsep-konsep penting yang berkaitan dengan kajian ini. Di samping itu, bab ini juga membincangkan beberapa hasil kajian berkaitan yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara.

2.2. Kemahiran Membaca

Kemahiran bahasa memerlukan seseorang itu perlu mahir dalam empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Judith dan Nooreen Noordin (2011) menyatakan kemahiran membaca memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Inggeris seperti yang dinyatakan oleh Carell, Deine dan Eskey (1984) dalam pembelajaran bahasa kedua. Mokatsi (2005) menjelaskan kemahiran membaca sebagai alat yang asas dalam bidang pendidikan dan pembelajaran bahasa asing. Isaac (2011) mendefinisikan membaca sebagai interaksi antara pembaca, penulis dan teks. Abdul Rashid Jamian (2011) berpendapat bagi memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran membaca menyumbang kepada pengetahuan dan pembentukan diri murid kerana kemahiran ini melibatkan banyak pengetahuan yang tepat atau dimuridi dan perlu melalui banyak tahap pemprosesan maklumat (Barbara, 2006).

Menurut Kamus Dewan edisi keempat 2008, perkataan membaca bermaksud memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Mahzan Arshad (2008) menyatakan sebelum membuat sesuatu tindakan, membaca menjadi satu proses untuk membentuk dan memberi makna teks yang dibaca oleh pembaca. Leslie (2001) menyatakan maksud membaca sebagai satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan tanggapan terhadap bahan bercetak atau bertulis. Sementara itu, Rushdiy Ahamd (2006) menjelaskan membaca sebagai satu komunikasi pembaca dengan bahan bacaan menggunakan deria penglihatan dan penukaran simbol-simbol bacaan kepada mesej tertentu.

Membaca terdiri daripada pengkodan, pengiktirafan perkataan, pemahaman umum dan kemahiran menyelesaikan masalah (Anderson, 2005). Beliau juga mentakrifkan proses pembacaan yang fasih adalah satu proses yang berterusan, berazam, interaktif, fleksibel dan berkembang secara beransur-ansur. Kenyataan ini disokong oleh Saminathan (2010) yang mana dalam kajian beliau menyatakan bahawa semasa aktiviti membaca, seseorang perlu memahami tiga komponen iaitu memahami isi kandungan yang terdapat dalam teks, sikap pembaca dan proses membaca. Selain itu, pengalaman pembaca yang sedia ada mengenai teks bahan bacaan membantu pembaca untuk memahami teks dengan lebih jelas. Abdul Rashid Jamian (2011) berpendapat keupayaan murid untuk mentafsir maksud teks yang dibaca dalam bentuk visual dengan menghubungkan bunyi dan pengalaman sebagai proses membaca.

Kim dan Anderson (2011) menyatakan bahawa membaca adalah secara umumnya diterima sebagai salah satu langkah bagi mendapatkan info dan maklumat yang baharu. Manakala, Nesamalar, Saratha dan Teh (1995) menekankan proses

pembacaan bukan sahaja melibatkan penghafalan perkataan sebaliknya ia merupakan satu proses pemahaman mesej yang terkandung dalam petikan yang dibaca. Kemahiran membaca melibatkan proses dinamik dan kompleks yang mengandungi keupayaan membaca dengan pantas. Selain itu, pemahaman fakta, pengingatan fakta dan penginterpretasi data juga termasuk dalam proses ini. Seseorang akan berkomunikasi secara langsung dengan bahan bacaan apabila membaca (Suganthini Sree, 2014).

Kamarul Azmi Jasmi (2012) dalam kajiannya menyatakan penyelidikan-penyelidik seperti Goodman (1971, 1973) dan Smith (1971, 1975) menjelaskan proses membaca sebagai proses psikolinguistik yang merangkumi pemerhatian perkataan pada muka surat sehingga pemahaman makna oleh pembaca. Proses ini melibatkan interaksi antara bahasa dengan pemikiran pembaca. Menurut Patel dan Jain (2010) membaca bukan hanya digunakan untuk mengumpul maklumat sahaja malah ia merupakan salah satu cara untuk menyatukan dan memperluaskan pengetahuan seseorang berkaitan bahasa. Dengan ini kemahiran membaca meningkatkan pengetahuan pembaca dalam bidang semantik, sebutan, tatabahasa dan perbendaharaan kata. Kemahiran membaca murid hanya akan meningkat jika murid mempunyai minat terhadap proses pembacaan. Minat murid terhadap kemahiran membaca penting kerana melalui minat, baru guru dapat menjalankan pengajaran dengan baik. Murid boleh belajar dalam keadaan yang selesa apabila mereka minat dengan mata pelajaran yang dipelajari. De Porter Reardon dan Nourie (2008) menjelaskan bahawa otak menerima tekanan yang mempengaruhi cara pemikiran seseorang. Jika cara pengajaran tidak menarik maka murid akan cepat berasa tidak minat terhadap pengajaran.

Menurut Fewell (2011) adalah menjadi tanggungjawab penting guru bahasa untuk mengetahui kaedah pendekatan yang sesuai sebelum mengajar murid untuk membaca. Hal ini kerana, melalui kaedah ini guru bahasa boleh memindahkan pengetahuan mereka dan dapat membantu murid untuk mevisualkan proses pemikiran semasa membaca. Beliau turut menyatakan bahawa guru-guru perlu menggunakan pendekatan yang lebih efiksyen semasa aktiviti membaca supaya ia dapat menarik minat serta menyeronokkan murid. Nur Nadtrah Naim (2015) menyatakan murid jurusan bahasa Inggeris biasanya akan dapat mengingat perkataan baru dan bunyi yang dipelajari dalam pembelajaran bahasa mereka.

Membaca merupakan interaksi yang berlaku secara serentak dengan menggunakan pelbagai maklumat bagi mencapai sesuatu tujuan. Proses membaca bermula dengan pencarian makna yang melibatkan penggunaan pelbagai sumber seperti penggunaan huruf dan membentuk makna. Pembaca perlu mentafsir teks yang dibaca berdasarkan pengetahuan sedia ada mengenai sesuatu topik yang dibacanya (Saminathan, 2010). Menurut Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Roshayati Nasbon dan Norhasanatul Fadzilah Awang (2012) murid akan didedahkan dengan teks dan grafik yang lebih rumit apabila peringkat pembelajaran murid meningkat. Hal ini dapat membantu kemampuan dan kefahaman murid menggunakan maklumat yang terkandung dalam teks. Pemahaman teks dan grafik secara aktif dalam kemahiran membaca membantu pembaca mengetahui yang kandungan yang dibaca.

Hasnalee Tubah dan Zulkifley Hamid (2011) dalam kajiannya menyatakan membaca sebagai proses yang penting dalam pencerapan ilmu dalam diri murid. Dua faktor yang terlibat dalam proses membaca ialah faktor interpretasi data dan pemahaman. Hal ini menunjukkan bahawa proses membaca berlaku secara selari

dengan pemahaman manusia. Guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan aktiviti membaca perlu memastikan elemen-elemen tersebut diajar secara serentak kepada murid-murid. Menurut Safiah (1990) proses penguasaan kemahiran membaca, setiap individu akan memahami dan mengenali simbol bahasa dengan sendiri berbanding dengan penguasaan lisan yang melibatkan mereka perlu mengamati, mengingat dan mendengar serta dapat membezakan bunyi dengan tepat (Zulkifley Hamid, 2007).

Thevaletchumy (2015) menyatakan proses membaca dapat dirumuskan sebagai kemahiran yang mengenal dan memahami. Selain itu, pembaca dapat kefahaman dengan membaca dan proses membaca membolehkan pembaca dapat berinteraksi dengan penulis dan dapat berfikir dan akan cuba untuk menyelami teks yang dibaca. Proses membaca membolehkan pembaca mengetahui tujuan membaca, mengitikan pengetahuan dan pengalaman yang lalu yang dapat dikaitkan dengan teks yang dibaca. Proses membaca juga melibatkan proses mental yang kompleks yang merangkumi proses-proses seperti mengenal pasti perkataan, memilih makna yang sesuai, menghubungkan idea dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada, menyusun idea, membuat generalisasi dan membuat penilaian

Kemahiran membaca harus diberi pemerhatian yang lebih kerana kemahiran ini dapat meningkatkan pemahaman yang berkesan. Dalam suatu proses pembelajaran dan pengajaran teknik membaca yang betul memainkan peranan yang penting. Kemahiran membaca melibatkan proses berfikir secara tersurat dan tersirat, menghubungkan idea, menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan pengaplikasian maklumat baharu ke dalam sesuatu situasi. Pada peringkat sekolah rendah, murid dilatih dan dibimbing untuk membaca sebagai persiapan ke arah penguasaan yang betul (Noresah Baharom, 2012).

Jin Liu (2004) menyatakan pengajaran bahasa mesti meliputi semua kemahiran bahasa terutamanya kemahiran membaca. Membaca adalah satu proses yang penting yang mana ia sentiasa bertambah baik dalam proses pembelajaran bahasa kerana ia adalah satu cara untuk mendapatkan maklumat secara bertulis. Hal ini kerana untuk mendapatkan maklumat melalui proses membaca tidak mudah dan pembaca perlu menggunakan pemikiran dan intelek untuk memahami teks. Sementara itu, Anna (2014) menjelaskan untuk mendapatkan maklumat dari sesuatu teks, pembaca perlu melalui tiga proses iaitu semantik, sintaktik dan *graphophonis*. Dalam proses semantik, pembaca akan mentafsir teks bacaan untuk mendapatkan makna teks dan idea utama. Proses sintaktik semakin meningkat dengan menggunakan penyambungan antara perkataan, ayat dan perenggan manakala proses *graphophonic* ialah pembaca mendapatkan maklumat teks dengan menggunakan visualisasi dan pengkodan.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan ini, boleh dirumuskan kemahiran membaca merupakan satu aspek yang penting dalam penguasaan sesuatu bahasa. Kebolehan membaca membolehkan murid untuk mendapat ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber. Apabila murid didedahkan kepada pendekatan yang betul untuk membaca mereka dapat menjadi pembaca akademik yang baik pada masa hadapan.

2.3. Jenis- jenis Bacaan

Proses bacaan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti yang dinyatakan di bawah:-

I. Bacaan Mekanis

Bacaan jenis dikenali sebagai bacaan bersuara yang mana pembaca dapat menyatakan maklumat dengan jelas dan dapat mengetahui pesanan yang

ingin disampaikan oleh penulis. Kaedah bacaan ini lebih tertumpu kepada cara sebutan dengan betul, cara pembacaan yang tepat. Dalam kaedah pembacaan ini bahan bacaan seperti teks yang mudah dan ringkas akan digunakan. Pembacaan ini lebih tertumpu kepada cara sebutan semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung.

II. Bacaan Mentalis

Bacaan ini dikenali sebagai bahan tanpa suara yang melibatkan ingatan visual. Pembacaan ini berfokus pada perolehan maklumat dan pemahaman pembaca. Bacaan ini lebih tertumpu kepada cara sebutan, intonasi dan nada bacaan (Senu, 2015).

III. Bacaan Intensif

Bacaan jenis ini berfokus pada cara bacaan pantas tanpa sebarang kesalahan sebutan perkataan. Bacaan ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu membaca dengan memahami isi dan memahami bahasa. Dalam proses membaca dengan memahami isi, pembacaan teks secara teliti, kritis dan kreatif diberi penekanan. Selain itu, bacaan intensif juga memberi penekanan terhadap tatabahasa, suku kata dan bahasa dalam konteks yang berlainan.

IV. Bacaan Ekstensif

Bacaan ekstensif ialah jenis bacaan yang merangkumi kaedah pembacaan yang berlaku diluar kelas. Bacaan ekstensif tertumpu kepada aspek-aspek seperti pengukuhan, asas pembacaan, kemahiran pemahaman teks dan penaklukan isi teks yang dibaca. Bacaan ini juga meningkatkan kelancaran pembaca dan boleh meningkatkan minat pembaca dengan memahami isi-isi penting dalam teks.

V. Bacaan Rekreasi

Bacaan rekreasi ialah satu proses membaca yang tidak melibatkan cara pemikiran pembaca. Bacaan jenis ini boleh dilaksanakan pada bila-bila waktu tanpa mengira tempat. Bahan bacaan rekreasi terdiri daripada bahan yang ringkas yang dapat menghiburkan pembaca. Contoh bahan bacaan rekreasi ialah majalah, komik, maklumat dalam bentuk informasi, buku cerita dan sebagainya.

VI. Bacaan Kritis

Bacaan ini ialah proses yang melibatkan pembaca untuk menganalisis teks yang dibaca secara mendalam dan teliti. Bacaan kritis membolehkan pembaca dapat mencari kesalahan yang terdapat dalam bahan yang dibaca.

(Sumber dari WaJIP, 2012)

Bacaan jenis mekanis dan mentalis akan diberi perhatian pada peringkat sekolah. Hal ini kerana, pada peringkat awal, murid akan didedahkan kepada pengenalan huruf, sebutan dan intonasi. Guru akan mengajar cara sebutan huruf dengan betul dan jelas. Murid akan melalui proses pembacaan ini sebelum membaca teks yang lebih kompleks. Murid akan menyebut sesuatu huruf atau perkataan secara individu diikuti dengan secara berkumpulan. Selain itu, murid juga akan diberi masa untuk meneliti dan menghafal huruf atau perkataan yang dibaca. Selepas murid mahir dalam penyebutan huruf dengan betul pelajaran akan diteruskan dengan cara menjawab soalan (Thevaletchumy, 2015).

2.4. Komik

Menurut Will Eisner (1985) pakar buku komik di Amerika, menyatakan komik ialah satu jalan cerita yang mengandungi susunan gambar dan teks yang ringkas. Komik ini mengandungi susunan gambar-gambar yang tidak bergerak yang berbentuk seni

mengikut urutan cerita. Komik mampu menarik perhatian pembaca terutamanya golongan kanak-kanak disebabkan kandungannya yang memenuhi citarasa mereka (Yohanna Silalahi, 2015). Komik juga membawa maksud cerita lawak yang mempunyai ungkapan atau dialog yang berkait rapat dengan watak dalam sesuatu cerita dalam urutan yang menjadi hiburan kepada para pembaca (Aliya, 2012). McCloud (1993) menjelaskan komik sebagai media yang boleh menarik minat semua golongan masyarakat disebabkan kandungannya yang mudah difahami.

Komik pada awalnya banyak menimbulkan kontrovesi di negara Barat. Di Amerika Syarikat, komik secara tradisinya dianggap sebagai “medium rendah” (Robin. & Christina, 2001). Selain itu, Leong dan Amir Hamzah Sharaai (2009) menyatakan ramai orang dewasa beranggapan buku komik hanya sesuai untuk golongan kanak-kanak sahaja. Sejak tahun 1940-an pustakawan telah bimbang mengenai kepesatan pembacaan buku komik dan menganggap sebagai musuh bahan bacaan lain. Dalam kehidupan kanak-kanak pada abad ke-21 kehidupan mereka didominasi oleh media visual seperti televisyen, permainan video, dan internet. Pendekatan penggunaan komik menyebabkan kanak-kanak lebih cenderung untuk terlibat dengan aktiviti membaca secara tidak langsung. Mesej yang terdapat gambar yang disertakan dengan teks pendek menyebabkan ia mudah dibaca dan difahami. Format gambar dan teks boleh mengambil perhatian kanak-kanak lebih lama.

Menurut Mohd Aswari Md Saleh dan Jasni Dolah (2016) komik dianggap sebagai media yang boleh berhubung dengan pembaca berdasarkan pemikiran dan persekitaran individu yang dibentuk melalui cerita yang disampaikan oleh bahasa visual dari komik. Komik secara dasarnya mewujudkan persepsi berbeza terhadap setiap individu berdasarkan linguistik bahasa komik yang bersifat visual grafik yang mewujudkan pandangan yang berbeza mengikut individu. Komik jenis editorial

memainkan peranan dalam membentuk budaya dan politik serta meningkatkan sikap masyarakat dalam kalangan keluarga, masyarakat dan individu. Pembangunan komik jenis ini juga berkait dengan kognitif sosial yang membentuk kelakuan dan sikap pembaca (Mulyadi Mahamood, 2004). Selain itu, Amy, Julia, Peter, Camilia dan Judy (2013) dalam kajiannya menyatakan mengenai kaedah pembelajaran, cerita grafik yang terdiri daripada buku komik dan novel grafik memberi kesan terhadap pembaca dari segi penglibatan, pengingatan dan pembelajaran yang berbentuk konseptual. Hal ini disokong oleh Mansoor dan Dowse (2003) yang mana murid yang mempunyai masalah membaca tahap rendah menunjukkan minat pembelajaran terhadap bahan belajar yang berbentuk bergambar. Mereka menunjukkan pemahaman yang tinggi terhadap cara penyampaian teks dalam bentuk bergambar.

Edmund (2006) dalam kajiannya menyatakan seorang kanak-kanak sebelum bersedia untuk membaca teks, komik yang mempunyai gambar yang berurutan dapat memberi mereka amalan untuk memahami makna dari bahan yang dicetak pada halaman, mentafsir simbol dan mengikuti urutan peristiwa dalam cerita. Cerita dalam bentuk urutan menyediakan banyak peluang untuk menyambung cerita kepada golongan pembaca. Kelebihan ini membolehkan kanak-kanak tidak perlu membaca kod teks untuk belajar dan mengamalkan kemahiran pemahaman. Selain itu, ibu bapa akan membeli buku-buku komik bagi menggalakkan membaca, terutamanya bagi kanak-kanak yang mengalami kesukaran membaca teks.

2.5. Jenis-jenis Komik

Komik adalah media yang mudah, jelas dan mudah difahami yang membolehkan ia menjadi satu media maklumat dalam pendidikan. Komik pada asalnya merupakan hasil kreativiti manusia dan inisiatif yang beralih dari gabungan cerita dan imej,

sehingga ia digunakan sebagai media pembelajaran. Selain itu, komik juga mempunyai daya tarikan yang luar biasa supaya mesej yang disampaikan mudah diterima dan difahami oleh semua orang. Boleh dikatakan penggunaan komik sebagai pembelajaran inovatif yang boleh membangunkan kualiti pembelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan yang komprehensif untuk murid (Zainullah Syamsuri, 2017).

Kim (2012) menjelaskan gambar-gambar dalam sebuah komik sebagai naratif visual dan perkataan sebagai teks. Mario (2003) menyatakan komik boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu gabungan kedua-dua perkataan dan gambar, dengan bilangan kata yang agak kecil dan urutan imej yang teratur ke dalam unit secara berasingan dan dipisahkan antara satu sama lain. Beliau turut menyatakan komik terdiri daripada beberapa komponen seperti panel, balut, belon dan *caption* seperti panel yang mana setiap halaman biasanya terdiri daripada beberapa bingkai segiempat yang dinamakan sebagai panel. Setiap panel dipisahkan dari yang lain dengan ruang kosong yang disebut sebagai balut. Penggunaan belon, yang mana teks dimasukkan ke dalam panel yang mengandungi gambar, merupakan salah satu ciri utama komik. Jenis cetakan lain seperti buku dan iklan kanak-kanak juga menggabungkan imej dan kata-kata, tetapi penggunaan belon adalah unik untuk komik (Khordoc, 2001). Belon mengandungi ucapan secara langsung, tetapi sebilangan besarnya adalah teks. Ia menunjukkan bahawa watak bercakap dan ini menjadikan penglibatan pembaca dalam cerita lebih mendalam. Belon diisi dengan ucapan atau teks manakala hujungnya menunjukkan watak yang bercakap atau berfikir. *Caption* tidak berada di dalam panel, tetapi sentiasa berada secara berasingan di bahagian atas atau bawah panel. Teks dalam *caption* mewakili suara naratif dan menambahkan maklumat kepada dialog dalam belon.

Eco (2005) dalam kajiannya menyatakan komik sebagai budaya media massa yang mempunyai semantiknya sendiri seperti tanda atau bentuk yang khusus untuk membentuk bahasa sendiri. Belon atau kotak ucapan digunakan untuk menunjukkan dialog dan menyebarkan maklumat, sementara panel, susun atur, tempat boleh membantu menunjukkan aliran cerita. Penggunaan teks, simbol, reka bentuk, grafik dan unsur-unsur seni yang lain juga membantu membina makna atau semantik. Selain itu, beberapa bukti mengenai peranan positif penggabungan komik ke dalam amalan membaca di sekolah pada tahun-tahun awal disediakan oleh hasil kajian Marsh di dua buah sekolah di *Sheffield* di United Kingdom (Marsh&Millard, 2000). Komik boleh digunakan di dalam bilik darjah dalam pelbagai cara. Komik mempunyai keupayaan untuk membentangkan bahan yang kompleks dalam teks yang boleh dibaca dan boleh membantu dalam pengajaran subjek seperti Sains dan Kajian Sosial. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa saintis dan seniman buku komik telah menggabungkan fakta saintifik dalam format komik, contohnya buku-buku komik oleh Jay Hosler, seorang ahli biologi, di beliau menerangkan dalam salah satu bukunya mengenai teori evolusi Darwin (Covert, 2009).

Krashen (2005) menyatakan buku-buku komik telah menjadi sebahagian daripada budaya popular pada tahun 90-an apabila komik jenis *Superman* ditayangkan dan memperkenalkan dunia kepada *Superman* pada tahun 1938. Hal ini disokong Nor Sakinah Ismail Zawawi (2015) yang mana beliau menyatakan komik merupakan bahan bacaan kegemaran semua lapisan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak. Masdiono (1998) yang menyatakan komik sebagai susunan gambar cerita bersama dengan penyampaian kata-kata kepada pembaca yang mana ia menjadikan komik sebagai salah satu bahan unik, menarik dan kreatif. Menurut Berkowitz & Packer (2001) sejak komik diperkenalkan perniagaan komik telah

berkembang di kalangan dewasa dan kanak-kanak dan menjadi bahan penting dalam kehidupan mereka (Zimmerman, 2009).

Edmunds (2006) menyatakan membaca adalah proses kompetensi yang penting dalam abad ke-21 untuk bertahan dalam dunia ekonomi global. Para guru, pustakawan dan ibu bapa menghadapi cabaran besar dalam mencipta budaya membaca. Di negara Afrika Selatan, kajian menunjukkan masih terdapat kanak-kanak yang buta huruf pada kadar yang tinggi. Komik adalah sebahagian daripada cetakan dalam bidang percetakan. Komik menjadi media popular yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat. Selama bertahun-tahun komik hanya dianggap sebagai bahan bacaan hiburan, tetapi ia menjadi lebih popular sebagai bentuk seni dan kesusasteraan yang sah dan banyak digunakan bilik darjah.

Menurut Ong dan Ahmad Nizam (2009) kekuatan pendidikan yang terkandung dalam komik dapat memotivasikan murid disebabkan sifatnya yang visual serta cara penghantarannya yang popular. Leong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) menyatakan bahawa komik juga memupuk daya kreativiti kanak-kanak untuk belajar. Chiera-Macchia dan Rossetto (2011) menyatakan bahawa pembelajaran visual adalah salah satu kaedah pembelajaran yang terbaik kerana ia membolehkan murid menjadi kreatif sambil belajar dan boleh meneroka cara-cara untuk memulakan penulisan berpandu dalam pembelajaran bahasa kedua melalui penggunaan komik. Aliya (2012) menyatakan media pembelajaran komik sebagai salah satu contoh jenis media pembelajaran media. Versaci (2001) dalam satu artikelnya menyatakan komik mempunyai plot yang rumit dan komponen visualnya dapat menarik minat pembaca tanpa mengira usia (Zimmerman, 2009).

Nana Sudjana (2002) mendefinisikan komik sebagai satu bentuk kartun menggambarkan watak dan memainkan cerita dalam urutan lukisan yang memberi

keseronokkan kepada para pembaca. Komik juga megandungi beberapa cerita yang berterusan dalam bentuk ringkas dan menarik. Royanti (2007) dalam kajian menyatakan beberapa kekuatan penggunaan komik dalam pembelajaran seperti Motivasi yang mempunyai keupayaan untuk memberi motivasi kepada murid. Penggunaan komik sebagai medium yang membolehkan guru memberi motivasi kepada murid untuk belajar bahasa Inggeris dengan lebih menarik. Murid, terutamanya suka membaca komik. Sekiranya mereka diberi peluang untuk membaca teks atau membaca komik sebagai medium dalam mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris, murid akan memilih komik. Murid akan lebih bermotivasi untuk belajar mata pelajaran bahasa Inggeris dengan gambarnya. Penggunaan warna, nama haiwan dan mengenal pasti bahagian-bahagian utama anggota badan manusia boleh dikaji dan difahami dengan senang melalui komik. Komik terdiri daripada gambar ialah medium visual yang asasnya. Kepentingan murid dalam gambar komik menekankan potensi medium visual. Sones (2008) dalam kajiannya membandingkan komik dengan teks mendapati kualiti visual komik meningkat. Hasil kajiannya mendapati kumpulan murid yang menjalani ujian dengan menggunakan visual menunjukkan keputusan yang meningkat. Komik boleh digunakan sebagai medium perantaraan kepada mata pelajaran yang sukar dikuasai oleh murid. Ramai guru bahasa Inggeris menggunakan komik dalam kelas khas atau murid yang lemah. Ia membuktikan perbincangan dalam kelas bahasa Inggeris lebih meriah dan aktif apabila guru menggunakan komik. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa komik dapat menggalakkan murid-murid belajar bahasa Inggeris untuk berfikir kritis menerusi buku sastera. Komik adalah bacaan yang popular dalam kalangan kanak-kanak. Jika kita bertanya kepada murid sama ada mereka pernah membaca komik atau tidak, kebanyakan mereka akan berkata “ya”. Komik sangat popular kerana mempunyai

cerita yang menarik dan penuh dengan warna. Dengan komik, murid boleh belajar mengenali budaya, guru boleh memperkenalkan budaya popular di dalam bilik darjah dengan mudah dan berkesan.

Fauzi Fajar (2015) menjelaskan komik sebagai bahasa lisan yang disampaikan dalam bentuk gambar dan panel dan berbeza dari buku. Buku komik menyediakan bahasa lisan yang berkaitan dengan realiti yang wujud dalam kehidupan sebenar. Cary (2004) menyatakan bahawa *Comic Strips* boleh digunakan sebagai alat untuk membantu murid menghadapi kesulitan dalam bahasa yang kompleks dalam pembelajaran bahasa. Menurut Rofiah Fikrotur (2015) komik ialah satu bentuk media komunikasi media visual yang mempunyai kuasa untuk menyampaikan maklumat dengan mudah dan senang difahami. Hal ini kerana, komik menggabungkan kekuatan imej dan penulisan yang disusun dalam urutan cerita yang membolehkan maklumat lebih mudah disampaikan. Teks itu menjadikannya lebih mudah difahami, diikuti dan diingati.

Smith (2006) dalam bukunya yang bertajuk „*Everything You Need to Know to Start Teaching With Comics*” menyatakan salah satu ciri komik ialah ia mestilah menggabungkan imej-imej yang statik. Beliau menyatakan dalam menentukan ciri-ciri komik beberapa istilah perlu dititikberatkan seperti *Comic Strips*, *comic book*, *trade paperback*, *graphic novel*, dan *webcomics*. Smith (2006) dalam bukunya menyatakan buku komik secara umumnya ialah jalur komik atau *Comic Strips* yang mempunyai beberapa muka surat (22 muka surat berdasarkan standard industri). Yohanna Silalahi (2015) berpendapat buku komik terdiri daripada 32 hingga 48 halaman termasuk isi cerita, iklan dan lain-lain. Walaupun cerita-cerita yang terkandung dalam buku komik terdiri daripada jalur komik @ *Comic Strips*, buku komik memerlukan pembaca yang mempunyai pengetahuan tentang isu terdahulu

yang berkaitan. Buku komik dihasilkan oleh seorang pencipta sahaja. Keperluan minimum untuk menghasilkan buku komik ialah mempunyai seorang penulis, pelukis, *inker* (pendakwat), pewarna dan editor. Buku komik jenis ini biasanya berbentuk komik *super hero*. Smith (2006) menyatakan komik jenis *comicstrips* ini banyak terdapat dalam surat khabar. *Comic Strips* menggunakan satu panel dan selalunya mempunyai tiga atau empat panel (ruang yang mempunyai garisan dimana gambar dilukis di dalamnya). Komik jenis ini lebih tertumpu kepada watak yang sama dengan cerita yang digambarkan. Komik jenis ini banyak mengandungi unsur-unsur lucu. *Comic Strips* dihasilkan oleh seorang pencipta sahaja. *Trade Paper Back* boleh diklasifikasikan sebagai koleksi buku komik yang dijilidkan dalam satu edisi atau buku. Komik jenis ini biasanya terdiri daripada satu cerita yang mempunyai beberapa edisi. Sebagai contohnya, *Marvel Comic's Amazing Spiderman* (Smith, 2006). Smith (2006) dalam bukunya menyatakan novel grafik agak sama dengan *Trade Paper Back* dihasilkan dengan cara yang sama, sama seperti buku dan mengandungi cerita dari mula sehingga penamat. Watak dalam novel grafik muncul dalam edisi yang seterusnya. Komik jenis ini ditujukan untuk golongan dewasa. Cerita novel grafik sangat kompleks dan lebih bebas seni tidak tersekat dalam kotak *panel*. Novel grafik mempunyai cerita yang mempunyai unsur kesusasteraan berbanding dengan komik jenis lain. Komik web ialah komik yang direka dan diterbitkan dalam internet. Bermula tahun 90-an, komik jenis *strip* muncul dalam internet untuk perhatian umum (Smith, 2006). Komik web tidak mempunyai penerbit dan penulis untuk menerbitkan cerita. Komik jenis ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan dan masa untuk menghasilkan *strip* sendiri. Kandungan komik web berbeza-beza dan sesuai untuk semua peringkat masyarakat. Komik web biasanya mempunyai *genre* yang berbentuk jenaka. Akan tetapi menurut

Smith, komik web ini mungkin mengandung unsur keganasan, kasar dan seks. Boleh dikatakan komik web ini memberi kesan negatif kepada masyarakat kerana ia tidak mempunyai sebarang sekatan dan bebas.

McCloud (2001) menjelaskan pembaca boleh menghasilkan komik mengikut kesesuaian masing-masing. Contohnya dengan menggunakan genre, belon dialog, panel dan sebagainya pembaca boleh menghasilkan cerita dengan menggunakan aplikasi. Pembaca juga boleh menggunakan pergerakan grafik mengikut cerita yang dibentuk atau direka untuk membaca. Dengan ini pembaca akan lebih berminat untuk membaca teks. Pada tahun 1995, novel grafik Sinkha dihasilkan dengan menggunakan imej janaan 3D dan animasi bergerak disertai dengan muzik latar belakang dan teks (Mohd Ekram Al Hafis Hashi, 2014). Berdasarkan Mila (2014) menyatakan sikap dalam membaca komik melibatkan pemahaman pembaca melalui imej dengan teks atau dialog yang digabungkan. Selain itu, gambaran imej-imej beserta dengan dialog yang mewujudkan hubungan diantara pembaca dengan cerita yang dibaca oleh pembaca menjadi faktor utama dalam pemahaman cerita berbentuk komik.

2.6. Faedah Penggunaan Komik

Komik digemari semua golongan masyarakat disebabkan bentuknya yang visual serta maklumat yang disampaikan dalam bentuk mudah difahami oleh pembaca. Komik merangkumi gambar dan tulisan yang dijadikan dalam satu rangkaian cerita bergambar supaya lebih mudah menyampaikan maklumat. Teks dalam bentuk komik lebih ringkas dan senang diingati (Nur Mariyanah, 2005). Menurut Heru Dwi Waluyanto (2005) komik sebagai satu bentuk pembelajaran berfungsi untuk menyampaikan isi pengajaran dengan lebih tepat. Komunikasi yang berlaku murid

dengan bahan bacaan merujuk kepada satu bentuk pembelajaran. Proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik jika guru menyampaikan maklumat dengan jelas, teliti dan menarik. Selaras dengan itu, bagi mengatasi masalah pembelajaran komik boleh digunakan untuk murid lebih memahami sesuatu pengajaran. Penggunaan analogi dan teknik penggambaran cerita dalam kehidupan seharian dapat membantu murid untuk memahami sesuatu dengan tepat. Teks atau sukatan pelajaran yang kompleks, situasi atau bahan –bahan yang bahaya boleh ditunjukkan dalam bentuk komik supaya murid memahami dengan lebih mudah (Rofiah Fikrotur, 2015).

Menurut Trimo (2002) melalui Nur Mariyanah (2005) media komik boleh dibahagikan kepada dua iaitu *Comic Strips* dan *comic book*. *Comic Strips* adalah suatu bentuk komik yang terdiri daripada beberapa gambar dengan teks yang dimuat dalam surat khabar atau majalah, di mana cerita bersambungan manakala, *comic book* adalah komik yang berbentuk buku. Heru Dwi Waluyanto (2005) menyatakan komik yang digunakan dalam jenis ini terdiri daripada beberapa lembaran dan dijadikan satu bentuk buku. Antara faedah penggunaan komik adalah penggunaan komik meningkatkan motivasi murid untuk belajar dan proses pembelajaran dan pengajarnya dapat dijalankan dengan lancar. Komik meningkatkan minat murid untuk membaca. Komik dihasilkan dengan menggunakan gambar dan teks yang mudah. Keadaan ini membolehkan guru meningkatkan kaedah pengajaran. Komik tidak akan mengalami sebarang perubahan dan bersifat tetap. Penggunaan komik juga meningkatkan minat murid yang lemah untuk membaca. Asal usul komik dari budaya moden membolehkannya ia digemari oleh pelbagai golongan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak.

Mohd Aswari Salleh dan Jasni Dolah (2016) komik digunakan dalam menyebarkan isu-isu moral dengan lebih mudah. Penggunaan komik dalam isu-isu seperti keganasan di rumah dan sekolah, ponteng, masalah kanak-kanak menyebabkan maklumat disampaikan dengan mudah. Komik digunakan dalam bahan pengajaran sains, psikologi dan hiburan secara berleluasa. Dengan ini golongan remaja dapat maklumat dengan mudah. Elemen seperti realistik dan ilustrasi dapat mempengaruhi minda dengan mudah (Neil, 2000). Dalam menyebarkan maklumat dan membentuk budaya dan politik komen jenis editorial digunakan supaya maklumat disampaikan dengan tepat kepada masyarakat. Komik berkait rapat dengan sifat kognitif yang mana ia membentuk kelakuan dan sikap masyarakat (Mulyadi Mahamood, 2004). Menurut kajian yang dijalankan oleh Amy , Julia, Peter , Camilia dan Judy (2013) impak yang kuat dapat dilihat terhadap pembaca dari segi penglibatan, pengetahuan dan pemahaman konseptual dengan penggunaan cerita grafik, buku komik dan animasi terhadap kaedah pembelajaran.

Kajian oleh Gardner (1992), mengenai komik walaupun mencetuskan banyak kontroversi, kebanyakan guru berpendapat bahawa mereka dapat mengamati gaya-gaya yang berbeza-beza di dalam kelas. Mereka juga menyatakan bahawa mereka melihat hasil yang lebih konsisten daripada murid apabila menggabungkan tugas dan aktiviti yang memanfaatkan kecerdasan yang pelbagai, kerana pembelajaran yang berbeza ini membolehkan lebih ramai murid mencapai kejayaan. Beliau juga menyatakan salah satu cara untuk menangani pelbagai kecerdasan dalam tugas atau aktiviti adalah dengan membina pilihan yang akan membolehkan murid yang berbeza untuk memperlihatkan pembelajaran mereka dengan lebih berkesan. Kaedah ini boleh meningkatkan peluang mereka untuk berjaya dalam kelas. Tugas atau aktiviti di mana murid membuat novel komik atau grafik sendiri boleh meneroka

semua teori kecerdasan pelbagai seperti linguistik yang mana murid belajar dengan baik melalui perkataan dan bahasa, dan menghasilkan kerja bertulis. Kebanyakan komik atau novel grafik memerlukan penggunaan bahasa untuk menceritakan kisah tersebut. Dalam mewujudkan sesuatu kerja, murid boleh memberi tumpuan kepada apa yang dikatakan dan difikirkan oleh watak-watak dalam komik. Tiada had untuk apa yang boleh dilakukan dalam komik. Visual Ruang / *Spatial* membolehkan murid belajar dengan baik melalui elemen visual, dan dalam menghasilkan karya seni dan reka bentuk. Komik mesti mengandungi gambar yang mana ia boleh diceritakan tanpa perkataan. Selain itu, meletakkan aksara dalam set dan latar belakang juga menggalakkan pembelajaran *spatial*. Logikal matematik menyebabkan murid belajar dengan baik apabila bekerja dengan nombor atau strategi. Komik mempunyai sejarah formalisme yang panjang, yang mana ia melibatkan susunan matematik panel. Selain itu, merancang plot juga melibatkan penggunaan logik dan strategi. Kinestetik membolehkan murid belajar dengan baik dengan menggabungkan pergerakan. Dalam mencipta buku komik, banyak pencipta sama ada mempelajari model langsung, atau menggunakan badan mereka sendiri untuk mewujudkan ekspresi muka dan kedudukan fizikal untuk menarik watak-watak. Murid dapat memikirkan apa yang dilakukan oleh watak mereka dengan mengalami watak itu sendiri. Murid yang enggan menggambar boleh menggunakan model fotografi dan kedudukan sebagai watak. Interpersonal membolehkan murid terbaik dalam pembelajaran apabila bekerja dalam kumpulan dan boleh menghasilkan kerja yang melibatkan emosi. Aktiviti yang bersifat kolaborasi boleh menyebabkan *brainstorming* yang berkesan dalam mewujudkan komik. Pembelajaran interpersonal akan mencipta watak yang lebih kuat dengan mengkaji hubungan sosial watak. Selain itu, murid yang bersifat intrapersonal mempunyai

pengalaman belajar dengan baik apabila mencerminkan diri sendiri dan menerapkan emosi mereka sendiri kepada keadaan persekitaran. Mereka akan meneliti mood dan motivasi watak dengan teliti dalam menghasilkan komik mereka. Murid bersifat naturalis belajar dengan baik apabila menyalin sesuatu kepada persekitaran mereka sendiri. Mereka akan memasukkan butir-butir mengenai persekitaran fizikal watak dan bagaimana ia berkaitan dengan tindakan cerita. Mereka juga boleh menggunakan fotografi untuk menghasilkan latar belakang kerana mereka memindahkan watak-watak mereka dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Murid ini mempunyai sifat belajar yang baik apabila menggunakan corak muzik atau *rhythmical*. Komik semenangnya mempunyai irama melalui pengulangan panel atau unsur panel. Di samping itu, murid dapat memasukkan muzik ke dalam cerita komik mereka.

Manfaat dari penggunaan komik di dalam bilik darjah adalah sangat berkesan, sama ada dalam meningkatkan pengenalan huruf dan dalam menangani keperluan pendidikan bagi murid yang terdiri daripada tahap yang berbeza. Dewasa kini, kebanyakan sekolah berjuang untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran, maka guru perlu menyesuaikan diri dengan kelas yang memenuhi keperluan murid seperti penggunaan kaedah dan peralatan pengajaran yang berbeza. Pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan oleh Gardner (1992) dan penggunaan komik dan novel grafik dapat memberi peluang kepada murid lebih berjaya, baik di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah (Jennifer 2012).

Selain itu, komik juga berperanan sebagai media yang menyampaikan maklumat yang mempunyai fungsi tertentu. Sesuatu mesej juga dapat disampaikan dengan mudah dan jelas dengan penggunaan komik. Dalam bilik darjah, hubungan antara murid dengan bahan bacaan menjadi lebih mudah. Komunikasi antara murid dengan proses pembelajaran berlaku secara optimum jika mesej pembelajaran

disampaikan dengan secara teliti dan ringkas. Maklumat yang disampaikan melalui pembelajaran mempunyai beberapa langkah. Pertama, mesej pembelajaran mesti meningkatkan motivasi murid. Pemilihan kandungan dan gaya penyampaian mesej mempunyai tujuan memberi motivasi kepada murid. Kedua, isi dan gaya penyampaian mesti merangsang murid untuk proses pembelajaran dan memberi rangsangan pembelajaran yang baharu. Ketiga, mesej pembelajaran yang baik akan mengaktifkan murid dalam memberi maklum balas dan juga menggalakkan murid untuk membaca (Heru Basuki, 2006).

Steven dan Paul (2002) menyatakan murid dapat mengingat teks dan menyelesaikan masalah secara kreatif khususnya murid yang lemah dalam pelajaran dengan penggunaan ilustrasi bergambar dan teks ringkas dan padat. Pembacaan komik merangsang pengalaman fizikal melalui interaksi dengan visual di dalam buku itu sendiri atau melalui interaksi imej dengan ciri personaliti individu itu sendiri. Nur Mariyanah (2005) menjelaskan bahawa komik boleh dibahagikan kepada dua, iaitu *comic strip* (jalur komik) dan buku komik. *Comic Strips* berada dalam bentuk komik yang terdiri daripada beberapa jalur lajur yang terkandung dalam surat khabar harian atau majalah, biasanya berkaitan dengan cerita, manakala buku komik berada dalam bentuk buku.

Komik dengan ilustrasi berwarna-warni, cerita dalam bentuk realistik serta watak yang menarik memberi motivasi kepada murid semua peringkat umur (Nana Sudjana & Ahmad Rivai, 2009). Gambar adalah sama dengan keseronokan, minat, dan perkara yang konkrit. Ia boleh menarik pembaca untuk membaca cerita lagi. Jika pembaca adalah bermotivasi untuk membaca keseluruhan cerita, maka tujuan untuk membaca komik tersebut boleh dicapai dengan mudah. Komik yang berwarna-warni

boleh menarik perhatian pembaca terutamanya kanak-kanak (Atik Rokhayani & Aisyah Ririn, 2013).

Paul (2004) menyatakan komik boleh memupuk perkembangan bahasa dalam pelbagai cara. Komik menyediakan peluang pembelajaran bahasa yang sah. Teks komik yang ringkas membuat mereka dapat memahami bahasa dengan mudah. Kemahiran membaca komik menarik minat golongan muda. Bahasa yang digunakan dalam komik adalah bahasa yang digunakan dalam perbualan setiap hari. Bahasa dalam komik biasanya bersifat peribadi dan ringkas di mana ia lebih mudah daripada teks-teks sastra. Komik adalah sesuai untuk pemahaman, serta pengajaran. Isi gelembong biasanya ucapan langsung dan ini dapat mengajar murid-murid apa yang dibincangkan secara langsung. Komik dapat memperluaskan kosa kata murid dengan memberi konteks kepada kata-kata yang biasanya tidak didedahkan kepada kanak-kanak (Grant, 2006).

Lyga (2006) menyatakan bahawa masyarakat zaman sekarang hidup dalam dunia visual. Contohnya, televisyen, filem, internet dan iklan bergantung kepada kekuatan imej dan gambar. Gambar yang ada dalam buku dan komik menyokong literasi visual. Kanak-kanak belajar membaca gambar sebelum dapat membaca perkataan. Komik adalah medium visual yang menggabungkan perkataan bertulis dengan konsep visual dan mempunyai jalan cerita yang grafik dan imej langsung daripada teks bertulis. Pembaca komik perlu belajar cara membaca buku-buku komik dan perlu membangunkan “literasi komik” yang tertentu. Selain itu, untuk membaca komik atau novel grafik, kemahiran kritikal yang diperlukan untuk semua memahami jalan cerita komik termasuk mentafsirkan gerak isyarat non verbal untuk membezakan plot cerita. Steven dan Paul (2002) menyatakan komik boleh merangsang pengalaman fizikal individu melalui interaksi visual yang ada dalam

buku komik. Namun begitu, sesetengah komik mempunyai ciri-ciri keganasan yang mana ia secara langsung merangsang minda pembaca terhadap pelakuan yang tidak baik. Selain itu, ada juga sesetengah komik dimana jalan cerita diisi oleh pembaca sendiri. Hal ini menyebabkan pembaca melibatkan imaginasi yang luar dari realiti yang menyebabkan kepada keganasan dan sifat yang tidak bermoral. Seterusnya Edmunds (2006) menyatakan keupayaan untuk mentafsir makna ilustrasi pelbagai jenis kaedah sama ada dalam bentuk gambar dilihat sebagai sebahagian daripada perkembangan untuk kanak-kanak membaca. Penggunaan kemahiran visual seperti komik juga penting untuk kurikulum sekolah dari segi Membaca imej yang berada di sekeliling kita – sering menjadi komersial, membaca gambar dalam buku, menggunakan imej visual untuk menyokong teks yang dibaca, membaca symbol dan gambar dalam persekitaran sekolah/ bilik darjah untuk menggalakkan celik huruf, mewujudkan imej visual yang bermakna untuk merakam pemahaman tugas, menggunakan gambar dalam teks bukan fiksi untuk menyokong pembelajaran dan membaca halaman dengan cara yang berbeza di mana teks gambar boleh dibentangkan.

Royanti (2007) menyatakan komik telah tersebar secara luas sebagai medium untuk menghiburkan pembaca. Warna yang menarik, ilustrasi, tema, plot yang mudah dan pencirian yang menarik menyebabkan pembaca suka membaca komik. Seseorang guru boleh menggunakan potensi komik sebagai medium untuk mengajar. Seseorang guru juga boleh menggunakan komik dalam memotivasikan murid. Peranan utama buku komik dalam pengajaran adalah kekuatannya dalam memotivasikan murid. Oleh itu, boleh dikatakan lebih berkesan jika menggabungkan penggunaan komik dengan kaedah pengajaran tertentu. Penggunaan komik sebagai medium pengajaran akan lebih berkesan. Seorang guru harus membantu para murid

untuk mencari komik yang baik dan menyeronokkan yang sesuai dengan cara murid itu berfikir. Guru juga harus membantu mereka mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang lebih luas dari komik itu.

2.7. *Comic Strips*

Menurut Liu (2004) *Comic Strips* atau jalur komik ditakrifkan sebagai satu siri gambar-gambar di dalam kotak yang mempunyai cerita. *Comic Strips* atau jalur komik mendapat perhatian yang banyak daripada kalangan penyelidik berbanding dengan *genre* visual yang lain. Hal ini kerana *Comic Strips* popular, mudah difahami dan didapati, senang digunakan untuk berkomunikasi (Harvey, 1994). Liu (2004) menyatakan *Comic Strips* menggunakan dua media yang utama seperti perkataan dan imej. Leong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) menyatakan *Comic Strips* sebagai satu alat pengajaran mampu menarik minat murid. Hal ini kerana *Comic Strips* yang terdiri daripada bahan visual dan grafik membolehkan murid lebih memahami pelajaran berbanding pengajaran yang disampaikan secara verbal. *Comic Strips* dihasilkan dengan menggabungkan gambar dengan teks dalam bentuk urutan atau tetap.

Factmonster (2001) menyatakan *Comic Strips* sebagai gabungan imej dan cerita kartun. Susunan ini terdiri daripada cerita yang digambarkan menggunakan beberapa panel. *Comic Strips* terdiri daripada gambar orang yang ditandakan dengan menggunakan belon dimana terdapat tulisan dari perbualan. Berdasarkan Perpustakaan Penyelidikan Kartun dari *Universiti Ohio State* (2000) *Comic Strips* adalah gambar atau baris imej yang menceritakan kisah yang diterbitkan dalam akhbar dan internet. *Comic Strips* telah wujud sejak zaman Mesir kuno ke- 20, iaitu dengan pengenalan alat untuk membincangkan dengan menggunakan ikon belon.

Comic Strips menceritakan peristiwa, kisah pengebaraan atau misteri dan lain-lain.

Di Amerika *Comic Strips* dibahagikan kepada beberapa bahagian:-

I. *Strips* akhbar

Comic Strips akhbar adalah jenis komik yang pertama diterbitkan dalam akhbar. Pada awal abad ke-20 *Comic Strips* akhbar dikenalkan dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Comic Strips* harian dan *Comic Strips* Ahad.

II. *Strips* Harian

Comic Strips harian adalah komik yang diterbitkan di akhbar pada setiap hari Isnin hingga ke hari Sabtu. *Comic Strips* harian biasanya dicetak dalam warna hitam dan putih. Tetapi pada awal abad ke-20, *Comic Strips* harian diterbitkan dalam bentuk berwarna-warni. Format utama *comic strip* ini adalah menggunakan panel dalam bentuk segi empat persegi atau bulat.

III. *Strips* hari Ahad

Strips Ahad muncul dalam akhbar mingguan, biasanya diterbitkan dalam warna. Sepanjang Perang Dunia 2, kerana kekurangan kertas, saiz *strips* Ahad mulai berkurang. Selepas perang, kesinambungan *Comic Strips* berkurang secara beransur kerana untuk menjimatkan kos percetakan yang menggunakan banyak warna.

Comic Strips menjadi sangat popular pada awal tahun 1930 an dan beberapa penerbit mula menerbitkannya dalam bentuk buku. Di negara Eropah terutamanya di Belgium, Perancis, Itali dan Sepanyol majalah kanak-kanak mula diterbitkan dalam bentuk komik sepanjang tahun 1930 an. Komik-komik ini menjadi sangat popular, dan antara yang paling terkenal ialah *Herint's Tintin*, dimana ia masih menjadi kegemaran pada abad ke -21. Komik superhero *Superman* juga memnbuat

penampilan pertamanya pada tahun 1938 dan diikuti dengan komik *Batman* pada tahun berikutnya (Mario, 2003).

Muhammad Muhajirin (2018) menyatakan terdapat beberapa sebab mengapa *Comic Strips* mempunyai kekuatan lebih daripada bahan pengajaran yang lain. Antaranya *Comic Strips* popular dalam kalangan murid, *Comic Strips* adalah satu bentuk kesusasteraan yang menyeronokkan, murid yang terlibat dalam penerokaan huruf yang lebih besar senang memahaminya, melalui *Comic Strips*, murid dapat menyiasat penggunaan dialog, menyambung semula dan kosa kata dan komunikasi non verbal dan ia membantu untuk memeriahkan kelas yang boleh menghalang kelas yang membosankan.

Dari sebab-sebab seperti yang dinyatakan di atas, dapat dirumuskan bahawa *Comic Strips* penting dan memainkan peranan dalam pendidikan, terutamanya dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Dengan penggunaan medium yang baik seperti *Comic Strips*, ia boleh menggalakkan murid untuk ingin belajar dengan lebih seronok di sekolah.

Ahmah Rivai (2009) menyatakan *Comic Strips* mempunyai beberapa kegunaan lain untuk membantu murid meningkatkan kemampuan dalam menulis satu perenggan atau petikan dan membantu para guru untuk mengajar dengan lebih berkesan. *Comic Strips* terdiri daripada beberapa imej yang menarik dan lucu yang dapat membantu murid mencari idea dalam proses penulisan. Bahagian *Comic Strips* yang telah diatur membantu murid untuk menyusun petikan yang dibaca oleh murid. Setiap bahagian *Comic Strips* memberikan maklumat terperinci mengenai perihalan tempat dan keadaan. Muhammad Muhajirin (2018) menyatakan *Comic Strips* adalah satu kertas bercetak yang terdiri daripada imej dan teks.

Comic strip adalah satu siri lukisan pendek yang mempunyai unsur lucu dengan teks yang biasanya diterbitkan dalam akhbar. *Comic Strips* terdiri daripada satu siri lukisan humor atau kartun dengan perkataan dalam kotak berbentuk belon. Ia biasanya terdiri daripada tiga atau empat gambar dalam kotak yang menceritakan kisah dengan satu atau lebih watak. Beberapa *Comic Strips* terdiri daripada acara yang berbeza setiap hari (Fatimah, 2011). Neil (2012) menyatakan keluarga kartun boleh dibahagikan kepada empat kategori seperti kartun berbingkai tunggal, *Comic Strips*, buku komik dan novel grafik dalam rangka meningkatkan panjang dan kerumitan teks. Beliau menyatakan komik sebagai seni yang berturut-turut yang berkaitan dengan teks dan *Comic Strips* sebagai urutan gambar yang menceritakan secara ringkas. Rota dan Izquierdo (2003) menjelaskan komik sebagai imej bergambar yang diletakkan secara berurutan untuk menghantar mesej.

Banyak artikel dan jurnal telah diperkenalkan dengan penggunaan teknik *Comic Strips* dalam pendidikan khususnya dalam pembelajaran bahasa. Harrison (1998) menyatakan bagaimana *Comic Strips* atau jalur komik boleh digunakan dalam kelas sejarah kewartawanan untuk menerangi subjek dan topik mata pelajaran yang berkaitan. Menurut Wright dan Sherman (1994) sifat-sifat *Comic Strips* harian boleh dijadikan sebagai medium yang sesuai dalam pembelajaran bahasa Inggeris selepas penganalisaan daripada pelbagai sumber. Dalam artikel yang berikutnya, Sherman dan Wright (1996) telah memperkenalkan satu strategi pengajaran yang menggunakan *Comic Strips* dalam akhbar untuk menggalakkan pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Penggabungan perkataan dan gambar untuk mencipta *Comic Strips* menjadikan pemikiran murid menjadi kreatif dan kritis Wright dan Sherman (1999). McVicker (2005) menyatakan *Comic Strips* sebagai struktur teks dengan cerita yang ingin diberitahu sama seperti cerita yang

dicetak memerlukan pemahaman oleh pembaca dengan komik yang memerlukan pembaca untuk memahami unsur cetak dengan grafik. Beliau juga menekankan murid perlu diajar untuk membaca imej visual selain daripada teks bacaan.

Comic Strips juga telah digunakan untuk mengajar bahasa kedua atau asing. Menurut Ousselin (1997) pengajaran budaya perniagaan dan terminologi memerlukan pelbagai sumber pedagogi. Beliau menyatakan penggunaan *Comic Strips* serba boleh, mudah untuk digunakan dan budaya berkaitan boleh melengkapkan buku-buku teks dan aktiviti-aktiviti yang biasa digunakan dalam kursus-kursus perniagaan di negara Perancis. Gary dan Ross (1999) dalam kajian beliau menyatakan mengenai bagaimana buku komik boleh digunakan sebagai bahan pengajaran untuk murid ESL (*English as Second Language*) mendapati penggunaan *Comic Strips* dalam pembelajaran bahasa kedua boleh membimbing para murid untuk membuat hipotesis tentang bahasa kartun serta meningkatkan kesedaran dan ketetapan asas bahasa. *Comic Strips* atau komik adalah sumber yang baik untuk menjalankan aktiviti dalam pengajaran bahasa asing atau ESOL (*English for Speakers of Other Languages*) (Versaci, 2008).

Comic Strips menurut dalam *Planning and Design of Comic Design in the Postmodern Design Style that lifts Moral Values with the True Friendship Theme* (2002) menyatakan bahawa *Comic Strips* adalah sejenis komik harian atau mingguan yang terdiri daripada beberapa panel yang diatur secara mendatar atau menegak. Di negara Indonesia, *Comic Strips* yang direkodkan sebagai komik pertama yang diterbitkan pada tahun 1930 ialah sebuah komik humor oleh Kho Wang Gie dalam akhbar Sin Po. *Comic Strips* adalah satu jenis komik yang wujud secara berterusan (Muhammad Muhajirin, 2018).

Nilai penggunaan *Comic Strips* telah dinyatakan oleh Kabapinar (2005) dalam satu kajian beliau yang mana penggunaan *Comic Strips* dalam pendekatan konstruktivis untuk mengajar konsep-konsep sains. Beliau memberi contoh mengenai penemuan kajian sebelumnya oleh Keogh dan Naylor (1991) yang menyatakan penggunaan konsep kartun dalam pengajaran mata pelajaran Sains meningkatkan motivasi, mengurangkan masalah pengurusan bilik darjah dan memudahkan kerja amali. Perbincangan berfokus dapat dilakukan dan ia membolehkan murid-murid menyiapkan kerja dengan mudah dan para guru dapat mengetahui idea murid-murid sebelum pengajaran dan dapat melaksanakan pengajaran dengan mudah (Josh, 2009).

2.8. *Comic Strips* Dalam Pembelajaran Teks

Thomas (2011) menyatakan bahawa tabiat membaca dalam kalangan murid menunjukkan perbezaan yang ketara di antara proses pembacaan di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah disebabkan penggunaan bahan yang dapat menarik minat murid seperti komik dalam bidang pendidikan. Smith (2006) menyatakan komik sebagai alat yang membolehkan murid cemerlang dalam pembelajaran visual yang mendorong pembangunan imiginasi yang kuat. Nur Sakinah Ismail Zawawi (2015) dalam kajiannya menyatakan penggunaan alat yang sesuai dapat meningkatkan minat murid untuk membaca. Minat murid terhadap watak komik mendorong mereka untuk membaca dimana komik boleh merangsang imiginasi murid kerana kandungan yang mudah, menarik dan relavan. Selain itu, komik juga membolehkan murid untuk mengenal pasti perbezaan emosi berdasarkan perubahan wajah watak komik dimana membantu mereka membaca (Drolet, 2010).

Liu (2004) menyatakan kajian-kajian berkaitan pemahaman teks dengan penggunaan bahan visual atau paparan grafik yang menggambarkan semua atau

beberapa kandungan teks yang disertakan, membantu pembaca untuk memahami teks dengan lebih jelas. Kajian ini akan membandingkan bagaimana pembaca dapat mengingat teks dengan penggunaan visual dan tanpa penggunaan visual dan secara amnya mendapati teks dengan penggunaan visual memudahkan pemahaman dan ingatan pembaca. Penyelidik-penyelidik seperti Levie dan Lentz (1982) Levin, Anglin dan Carney (1987) telah menyatakan lima fungsi utama kegunaan sumber visual dalam kemahiran membaca seperti berikut:-

- I. Perwakilan : Visual yang mengulangi kandungan teks atau isi yang bertindih dengan teks
- II. Organisasi : Visual yang meningkatkan koheran teks
- III. Interpretasi : Visual yang menyediakan pembaca dengan maklumat yang lebih konkrit
- IV. Transformasi : Visual yang memfokuskan maklumat kritikal dalam teks dan menyusunnya semula dalam bentuk yang lebih berkesan
- V. Dekorasi : Visual yang digunakan untuk sifat estetik mereka atau untuk menarik minat pembaca dalam teks

Siti Noliana Ghazali, Roszainura Setia dan Muthusamy (2009) berpendapat bahawa kaedah efektif seperti penggunaan komik untuk membaca akan dapat menukar kaedah pembacaan pasif yang berlaku di dalam kelas dan meningkatkan prestasi murid kerana ia dapat membantu murid untuk baca lebih lanjut. Guru bahasa perlu sentiasa mencari bahan bantu belajar yang baru dan inovatif bagi meningkatkan minat murid untuk membaca (Andrew, 2006). Eco (2005) berpendapat bahawa komik adalah pengembang budaya media massa yang menetapkan semantik tersendiri dimana dalam erti kata lain, ia mempunyai tanda atau konvensyen tertentu

yang membentuk bahasa tersendiri. Teks dalam kotak yang digunakan menunjukkan dialog atau perbualan menyebarkan maklumat manakala panel, susun atar dan jalur menunjukkan jalan cerita. Penggunaan teks, symbol, reka bentuk, dan lain-lain gaya unsur seni membantu membina teks dengan mudah, (Livia, 2013).

Kajian oleh Ahmad Rizal (2009) menunjukkan penggunaan *Comic Strips* dalam proses pembelajaran dan pengajaran dapat menyelesaikan masalah belajar murid. Beliau berpendapat bahawa *Comic Strips* boleh menjadi berkesan kerana ia boleh membuat murid menumpukan perhatian terhadap proses pembelajaran dan pengajaran. *Comic Strips* juga membolehkan guru meningkatkan kemahiran mengajar dan memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan dengan mudah. Kaedah ini sesuai digunakan untuk murid menguasai kemahiran membaca dan menulis. *Comic Strips* mempunyai beberapa ciri yang hampir sama dengan urutan gambar. Brown (2004) menyatakan urutan gambar dalam *Comic Strips* boleh memberikan rangsangan yang sesuai untuk penghasilan penulisan yang baik.

Komik mempunyai keupayaan untuk melibatkan murid dengan teks dan juga pembelajaran di luar bilik darjah. Derrick (2008) menyatakan bahawa komik boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar kerana ia memberi satu rangka modal pembelajaran. Beliau juga menyatakan penggunaan komik mampu memberikan persekitaran pembelajaran yang kondusif yang membantu murid untuk membaca. Lavery (2003) menyatakan *Comic Strips* boleh digunakan dari pelbagai tahap untuk pelbagai aktiviti bahasa dan perbincangan. Beliau menyatakan antara kekuatan *Comic Strips* sebagai alat pengajaran yang efektif ialah seperti cerita yang kompleks boleh dijadikan sebagai cerita yang ringkas dalam beberapa imej, memberi komen dan mencetuskan pemikiran mengenai peristiwa dan isu-isu dalam berita, beri satu contoh perbendaharaan kata yang berkaitan dengan *trend* dan aliran semasa,

menyediakan perwatakan yang boleh dikenal pasti berdasarkan bentuk lakaran dan tunjukkan budaya dalam tindakan dengan cara-cara berkesan.

Menurut Ollers (1983) transkrip yang mempunyai urutan cerita yang baik mampu membangkitkan minat seseorang untuk membaca. Guru-guru boleh mendapat manfaat menerusi penggunaan *Comic Strips* untuk mengajar seperti pembentukan sahsiah, dialog, peralihan, kesimpulan dan sebagainya. Pernyataan ini disokong oleh Casabay (2006) dimana dalam kajian beliau menyatakan *Comic Strips* bersifat pelbagai dengan penggabungan perkataan dan imej. Sifat ini membolehkan murid tertarik dan dapat menggunakan bahasa dan imej dengan cekap. Beliau juga menyatakan pengaplikasian *Comic Strips* dalam kehidupan seperti situasi dengan ungkapan-ungkapan menyebabkan peningkatan pertuturan sesuatu *slang*.

Penggunaan media yang baik dalam pengajaran dapat meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam kemahiran membaca. Media boleh memberi kesan yang baik dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Media adalah alat yang digunakan oleh guru untuk menerangkan pelajaran dan membantu murid memahami dengan mudah (Liu, 2004). Sementara itu, Arsyad (2007) dalam kajiannya menyatakan media sebagai bahan penghantar yang menghantar maklumat dari penghantar kepada penerima dalam bentuk foto, radio, imej, televisyen dan majalah. Media digunakan di dalam kelas bukan hanya untuk guru malah untuk murid juga. Terdapat beberapa jenis media yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran seperti visual, audio dan media audio-visual. Guru perlu mengambil tahu perasaan dan keinginan murid sebelum memulakan sesuatu pengajaran.

Lin (2003) menyatakan bahawa selaras dengan pembangunan teknologi, penggunaan-penggunaan kaedah baru dalam pengajaran seperti multimedia dan komik dapat merangsangkan minat murid terhadap pembelajaran bahasa dan sastera.

Penggunaan *Comic Strips* telah dikaji dalam pendidikan khas dimana ia boleh menangani kebolehan lisan kanak-kanak *autism*. Kanak-kanak dengan kemahiran membaca terhad mendapat manfaat daripada penggunaan *Comic Strips* kerana mereka bergantung kepada bahan-bahan visual (Glaeser, Pierson &Fritschmann, 2003).

Derrick (2008) percaya bahawa salah satu kaedah yang guru ESL (*English as Second Language*) yang boleh digunakan untuk meningkatkan bilangan murid untuk membaca dengan menggunakan komik dan cerita grafik yang mana boleh meningkatkan motivasi murid untuk membaca. Fatemeh dan Parisa (2016) menyatakan komik boleh buat perubahan yang besar dalam kelas bahasa asing dari segi bahasa dan jenis bahasa tetapi mereka sering diabaikan di kebanyakan kelas ELT (*English Language Teaching*) di negara Turki. Setiap hari di kebanyakan kelas di negara Turki berhadapan dengan masalah motivasi murid untuk membaca teks, yang mana kebanyakan mereka letih membaca teks yang panjang dalam format yang sama. Oleh itu, penggunaan *Comic Strips* sebagai alat pembelajaran dapat menambahkan elemen keseronokkan dalam kelas pembelajaran bahasa.

Menurut Muhammad Muhajirin (2018) *Comic Strips* digunakan sebagai salah satu media untuk mengajar dalam kelas. *Comic Strips* juga dianggap sebagai media yang menarik dan bermotivasi dan menarik minat murid untuk belajar. Setiap *Comic Strips* mempunyai pelbagai cerita yang menyampaikan maklumat dalam bentuk humor, tindakan, misteri, *thriller*, pengembaraan dan sebagainya. *Comic Strips* juga sering mempengaruhi emosi dan perasaan kanak-kanak dimana ia menjadi satu medium yang menyeronokkan untuk murid dan mengembangkan imaginasi mereka.

Fakta bahawa *Comic Strips* adalah bahan visual juga menyumbang untuk membuktikan kecekapan komunikasi murid. Dalam *Comic Strips*, situasi dan

ungkapan seperti kehidupan digunakan dalam bahasa seperti bahasa pertuturan harian, *idiom*, *slang* dan ungkapan yang memerlukan pengetahuan budaya bersama. Penggunaan ini membantu murid menangani masalah pertuturan dan juga ketidakfahaman bahasa (Noemi, 2006).

Penggunaan komik dengan kombinasi gambar dan cerita mempunyai kelebihan sendiri di mana penggunaanya dalam proses pembelajaran dan pengajaran dapat meningkatkan minat murid. Komik juga menjadikan murid untuk mudah memahami cerita dari visualisasi. Komik membantu murid untuk melakukan imiginasi semasa proses membaca (Liu, 2004). Nagi dan Scott menerusi Tatsuto Hirai (2009) menyatakan bahasa visual seperti penggunaan grafik, imej dan bahasa isyarat dapat meningkatkan kefahaman murid dalam kemahiran membaca. Ruddell (2005) menerusi kajiannya menjelaskan bahawa aktiviti membaca yang direka oleh Betts (1946) meningkatkan pemahaman murid terhadap teks. Dalam strategi ini terdapat lima langkah yang dapat meningkatkan kefahaman membaca murid seperti berikut:-

- I. Penyediaan bacaan
- II. Pembacaan berpandu secara senyap
- III. Pembangunan pemahaman
- IV. Pembangunan kemahiran
- V. Pelanjutan dan aktiviti susulan

Dengan langkah ini, guru boleh membimbing murid dalam pembelajaran pemahaman teks dengan baik.

Salah satu bahan bantuan visual yang boleh digunakan untuk mengajar bahasa ialah *Comic Strips*. Mesej atau maklumat yang disampaikan melalui visual berkesan kerana gambar yang jelas membantu murid untuk memahami bahan dengan

lebih mudah (Saeed Ahmadibarati & Shahla Salimi, 2013). *Comic Strips* memberikan maklumat yang rumit melalui beberapa bentuk gambar. Hal ini dapat membantu murid untuk memahami teks dengan mudah. Selain itu, *Comic Strips* juga mengandungi urutan gambar yang memberitahu cerita secara langkah demi langkah (Lavery, 2011). Sementara itu, kajian oleh Saeed Ahmadibarati dan Shahla Salimi (2013) menyatakan *Comic Strips* adalah media yang menarik dalam pembelajaran mata pelajaran bahasa Inggeris. Petikan yang ada dalam bentuk *Comic Strips* lebih menarik kepada murid daripada buku teks. Teks dalam buku teks lebih sukar untuk difahami kerana teksnya yang kompleks dengan penggunaan kosa kata yang banyak yang mana berbeza dengan *Comic Strips* yang mempunyai gambar-gambar dengan teks yang ringkas. *Comic Strips* juga mengandungi humor yang dapat menarik minat kedua-dua kanak-kanak dan dewasa.

Atik Rokhayani dan Aisyah Ririn (2017) menyatakan *Comic Strips* sebagai bahan bercetak untuk proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah. Guru boleh menggunakan *Comic Strips* sebagai bahan bantu mengajar dalam bentuk media. Komik terdiri daripada cerita yang menerangkan tentang perkara-perkara persekitaran di sekolah. Kata-kata yang terdapat dalam watak-watak dapat ditiru oleh murid untuk membuat pertuturan mereka. Bahan bantu mengajar dan media yang menarik boleh dikongsi di dalam bilik darjah untuk membantu proses pembelajaran murid. Bagi murid sekolah rendah, *Comic Strips* hendaklah terdiri daripada teks ringkas supaya mereka dapat memahami makna tanpa menghadapi sebarang masalah.

2.9. Kajian Dalam Negara

Leong (2012) dalam kajian beliau bertajuk Penggunaan Strip Komik bagi Meningkatkan Pencapaian Murid dalam Topik Kitaran Air Tahun 5 mendapati peningkatan pencapaian murid dalam pembelajaran mata pelajaran Sains yang memfokuskan terhadap topik „Kitaran Air“. Kajian telah dijalankan sebagai satu jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah pembelajaran dengan menggunakan *Comic Strips* (Ismail Zarwawi, 2015). Dalam kajian terhadap murid yang mempunyai tahap membaca yang rendah, menunjukkan mereka lebih memilih pembelajaran dalam bentuk bergambar. Mereka juga menunjukkan pemahaman yang tinggi terhadap informasi yang kompleks dengan penyampaian bergambar.

Lowe (2005) berpendapat bahawa komik boleh melibatkan murid dalam peringkat bacaan awal dan boleh membantu dalam proses pembacaan berperingkat. Hal ini terbukti apabila Lowe (2005) menggunakan komik untuk menjalankan pengajaran pembacaan dan murid mencapai kefahaman yang lebih baik. Beliau juga berpendapat guru-guru bahasa menggunakan komik dalam proses pengajaran dan mereka sering terlepas peluang untuk menggunakannya (Suganthini Sree, 2014).

2.10. Kajian Luar Negara

Sones (1944) menjalankan satu siri kajian menggunakan buku-buku komik dalam bidang pendidikan di mana dalam kajian tersebut para pendidik mula mereka bentuk kurikulum dengan menggunakan komik. Sebagai contohnya, Thorndike bersama dengan DC Comic dan Harold Downes mencipta satu buku kerja seni yang dibintangi *Superman* (Sones, 1944). Smith (2006) dalam kajiannya menyatakan komik sebagai alat berkuasa yang mempunyai gabungan teks dan ilustrasi yang

membolehkan murid cemerlang dalam pembelajaran visual. Komik mendorong pembangunan imiginasi yang tinggi. Menurut Mangubhai (2001) buku-buku komik menunjukkan peningkatan yang ketara dalam proses pembacaan dan mendengar teks.

Liu (2003) mendapati bahawa komik membantu murid tahap rendah untuk meningkatkan kefahaman bahan bacaan. Hasil kajian tersebut juga disokong oleh kajian Drolet (2010) yang mana beliau mengkaji penggunaan komik pada tahap sekolah rendah dan sekolah menengah murid ESL (*English as Second Language*) di salah sebuah Universiti di United State dan kajiannya membuktikan bahawa pembacaan murid-murid di peringkat sekolah rendah bertambah baik melalui penggunaan komik.

Kajian oleh Popa dan Tarabzan (2015) dengan penggunaan komik dalam pengajaran bahasa Perancis selama lapan minggu menunjukkan murid lebih minat mempelajari bahasa Perancis melalui penggunaan komik. Selain itu, Ranker (2007) juga mendapati komik sebagai alat visual yang paling berkesan berhubung dengan bahasa dan bahan bantu mengajar. Jones (2010) menyatakan bahawa konteks visual yang terdapat dalam teks buku-buku komik membantu murid untuk mengenal pasti makna tanpa menggunakan kamus. Sementara itu, dalam satu artikel keluaran *Readers Digest* Malaysia (2011) menegaskan bahawa komik mampu menyemai minat membaca di kalangan murid. Artikel itu juga menegaskan bahawa pembacaan komik boleh membantu merangsang imiginasi kanak-kanak serta meningkatkan kreativiti mereka. Kanak-kanak lebih suka membaca komik disebabkan unsur-unsur yang menarik, elemen futuristik dan plot yang menarik. Vassilikpoulou (2012) menyatakan bahawa berbanding kaedah tradisional, penggunaan komik dalam pembelajaran memberikan kelebihan kepada kemahiran membaca. Menurut beliau

ciri komik yang menarik dan tidak membosankan serta susunan gambar yang berwarna lebih merangsang otak untuk berfikir secara harmoni.

Dalam satu kajian yang dijalankan di Universiti Colombia oleh Profesor Michael Bitz (2004) yang mana guru menggunakan komik sebagai alat pembelajaran. Murid dalam program pendidikan selepas sekolah telah mula dikenalkan dengan kaedah ini dan kemudian diminta untuk membuat sendiri cerita komik untuk menunjukkan kemampuan membaca dan menulis masing-masing. Banyak faktor dan hasil telah dikaji dan direkodkan dalam kajian ini, tetapi salah satu keputusan yang paling ketara adalah kesannya terhadap kanak-kanak dengan penguasaan bahasa Inggeris yang terhad (Zimmerman, 2009).

Will (2010) menyatakan komik sebagai seni berurutan, alat untuk meluahkan ekspresi secara kreatif, bentuk artistik dan sastera yang berfungsi sebagai strategi mengajar dalam pembelajaran murid. Jensen, Voigt, Piras dan Thorsen (2007) dalam konteks pendidikan menjelaskan bahawa penggunaan lukisan adalah satu kaedah yang boleh memihak kepada dialog tertentu antara orang dan kumpulan dan mungkin mencirikan konteks dalam ucapan. Di samping itu, ia juga dapat membantu murid untuk menyatakan emosi mereka semasa proses pembelajaran.

Versaci (2001) dalam kajiannya yang dijalankan terhadap murid kolej jurusan bahasa Inggeris menyatakan murid mampu membuat kesimpulan berdasarkan gaya visual *Drechsler* dan kaitan antara perkataan dan gambar berdasarkan cerita yang dibaca. Beliau mengulas bahawa dengan menggunakan buku-buku komik di dalam kelas, ia dapat memberi ruang untuk melakukan perubahan dalam pembelajaran sastera. Terdapat beberapa tujuan untuk menggunakan komik dalam pendidikan. Syender (2000) menggunakan komik sebagai alat pengajaran sosiologi sukan yang melaporkan pengalamannya sebagai seorang guru di sebuah sekolah menengah di

kawasan pinggir bandar. Selain itu, komik juga digunakan untuk pendaftaran, pendedahan dan juga sebagai pengetahuan saintifik (Guimaraes, 2001). Hasil kajian oleh Glaeser, Pierson dan Fritschmann (2003) mendapati komik meningkatkan kebolehan bercakap murid dalam menyampaikan sesuatu ucapan. Komik juga digunakan sebagai alat untuk mengajar kelas sejarah zaman pertengahan supaya menjadi lebih menarik dan menggalakkan penyertaan pelajar dalam bidang matematik dan fizik (Langer, 2009).

Berkowitz (1991) menjalankan kajian mengenai kesan komik pada murid yang mengambil mata pelajaran pendidikan seni menggunakan dua kumpulan murid yang berbeza dan telah dinilai oleh tiga orang hakim. Menurut beliau, kedua-dua kumpulan murid menerima latihan seni menggunakan bahan-bahan seni dan dalam kumpulan kajian buku komik telah diberi penekanan sebagai bahan sumber untuk latihan (Jay & Todd, 2001).

Norton (2003) melalui kajiannya ingin mendapat gambaran mengenai sebab kanak-kanak suka membaca komik *America Archie*. Responden kajiannya terdiri daripada murid dari gred kelima hingga ketujuh, yang mana kurang dari separuh daripada muridnya dikenal pasti sebagai ELL (*English Language Learners*). Bahasa pertama dalam kajian ini ialah bahasa Korea, Sweden, Mandarin, Bengali, Parsi dan Kantonis. Apabila murid terpaksa menjelaskan sebab mereka mendapati komik itu menyeronokkan semasa sesi temu bual dan soal selidik, penyelidik mendapati majoriti murid menjawab bahawa penggunaan komik itu lucu yang merupakan salah satu sebab utama mereka suka gaya komik itu. Penggunaan komik membolehkan murid untuk mencari teks lucu atau menakjubkan, seseorang dapat menyimpulkan bahawa mereka mampu mengenal pasti, menterjemah dan memahami sosial dan budaya dengan mudah.

Humor bukannya satu-satunya sebab murid minat membaca komik berbanding dengan jenis lain selain daripada media grafik. Bruton dan Marks (2004) membandingkan dua kumpulan murid mengenai persepsi murid tentang keperluan dan minat membaca dalam bahasa. Kemahuan dan keperluan adalah pembolehubah yang penting untuk dipertimbangkan kerana jika murid menyedari bahawa keperluan membaca di dalam bahasa menjadi target untuk mencapai matlamat akademik atau peribadi, murid akan termotivasi untuk berjaya. Memandangkan keinginan yang dirasakan, murid lebih cenderung untuk menyelesaikan tugas-tugas yang menyenangkan menarik dan menghiburkan di luar bilik darjah jika mereka didorong untuk berbuat demikian. Satu lagi kumpulan pelajar EFL (*English as a Foreign Language*) di dua buah sekolah di negara Sepanyol, manakala kumpulan lain adalah kumpulan murid dari negara Amerika yang belajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Media membaca yang berbeza digunakan dalam kajian ini seperti fiksyen sains, lagu, puisi, lagu, drama, komik, surat khabar, majalah, risalah, iklan dan surat. Hasil kajian mendapati murid dalam konteks tidak melihat komik sebagai medium yang mereka perlukan untuk membaca, namun mahu apabila membaca bahasa asing. Secara keseluruhannya, keperluan membaca komik lebih tinggi daripada sampel dari negara Amerika berbanding sampel dari negara Sepanyol. Data yang didapati menunjukkan bahawa minat membaca komik cenderung lebih tinggi daripada keperluan membaca komik.

Satu kajian yang dijalankan di Chicago untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kepentingan bacaan umum murid mendapati komik popular dalam kalangan murid lebih kerap membacanya berbanding buku biasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih banyak kanak-kanak lelaki daripada kanak-kanak perempuan dari semua peringkat umur membaca komik (Erika, 2017). Komik mempunyai tanggapan

yang tinggi dalam sistem pendidikan di negara Amerika Syarikat. Komik dan novel grafik menyebabkan murid untuk lebih cenderung untuk mengambil buku dan baca yang mana ia dapat mengembangkan kemahiran membaca (Schwarz, 2006).

2.11. Kerangka Teori

John (2014) menyatakan dalam penyelidikan kualitatif, penggunaan teori adalah bagi tujuan yang pelbagai. Siasatan kajian boleh menghasilkan teori sebagai hasil akhir kajian dan meletakkannya pada akhir sesuatu projek, seperti dalam teori yang berasas. Dalam kajian kualitatif yang lain, ia diletakkan pada mulanya dan menyediakan reka bentuk apa yang dipandang dan soalan yang ditanya seperti kajian jenis etnografi atau dalam penyelidikan jenis transformatif. Dalam penyelidikan kaedah *mix method*, penyelidik boleh menguji kedua-dua teori dan menghasilkannya sama ada pada awal kajian atau akhir kajian. Selain itu, penyelidikan kaedah *mix method* mungkin mengandungi kerangka teori yang mana data kualitatif dan data kuantitatif dikumpulkan. Rangka kerja ini boleh diambil dari feminis, kaum, kelas, atau perspektif lain.

Ghazali Darrusalam dan Sufean Husin (2015) teori membawa maksud pendapat atau idea yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara. Teori ialah rumusan hubungan antara fakta dan konsep kepada satu skema yang benar. Rumusan ini terhasil daripada proses motivasi yang dicetuskan melalui ganjaran dan motivasi yang dicetuskan melalui hukuman. Teori adalah satu set gambarajah yang membantu kepada proses penyelidikan yang menghubungkan antara beberapa idea dan komponen penyelidikan.

Asher dan Herbert (2017) menjelaskan kerangka teori terdiri daripada konsep dan definisi serta rujukannya kepada kesusasteraan ilmiah yang relevan, teori yang

sedia ada yang digunakan dalam kajian. Kerangka teori mengandungi pemahaman tentang teori dan konsep yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan penyelidik dan berkaitan dengan bidang pengetahuan yang lebih luas. Penyelidik seharusnya menyemak bacaan kajian –kajian yang berkaitan dengan penyelidikan untuk teori dan model analisis yang berkaitan dengan masalah penyelidikan yang dikaji. Pemilihan kerangka teori harus berkait rapat dengan kesesuaiannya, kemudahan dan penjelasan penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teori bahasa visual yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji.

2.12. Teori Bahasa Visual

Horn (2001) menyatakan bahasa visual sebagai gabungan kata-kata elemen visual yang mempunyai perwatakan yang digunakan sebagai alat komunikasi. Penyebutan bahasa visual dikaitkan dengan sebutan bahasa verbal-visual yang menjelaskan sintaks, semantik dan linguistik bahasa visual (Noval Sufriyanto Talani, 2014). Neil (2012) menyatakan komik sebagai objek sosial yang terdiri daripada tingkah laku penulis dan lukisan yang dihasilkan oleh penulis. Beliau berpendapat komik sebagai *visual language* iaitu sebagai bahasa yang mempunyai imej yang berterusan. *Visual language* ini adalah satu teori hasil kajian daripada beliau sendiri (Nur Fatin Fariha Zarwawi, 2015).

Kajian oleh Duan, Elsner dan Marneffe (2013) menjelaskan terdapat ruang untuk memahami bahasa visual komik untuk kajian jenis linguistik. Hal ini disokong oleh Nur Fatin Fariha Zarwawi (2015) yang mana penyelidik berpendapat komik mempunyai bahasa visual yang membolehkan seseorang meluahkan perasaan kepada diri sendiri atau orang lain. Lukisan yang terdapat dalam komik mudah difahami, memberi rangsangan dan membolehkan pembaca memahami maklumat yang ingin

disampaikan. Dari segi aspek linguistik, komik dikatakan merupakan bahan yang menggunakan komunikasi verbal dan amat berkait rapat dengan semantik. Gambar yang terdapat dalam komik mempunyai maksud sematik yang dapat memberi gambaran dan maksud yang dapat difahami oleh semua golongan masyarakat.

Kress dan Leeuwen (2006) menyatakan komponen utama dalam membentuk bahasa visual ialah dengan menjadikan bentuk-bentuk visual sama dengan bentuk-bentuk linguistik. Neil (2007) dalam bukunya berjudul „*Comics, Linguistics, and Visual Language: The past and future*” menyatakan manusia menggunakan tiga kaedah untuk meluahkan fikiran di dalam otak seperti dengan menghasilkan bunyi, menggerakkan anggota badan dan melukis imej yang difikirkan. Beliau berpendapat apabila menggabungkan ketiga-tiga kaedah ini dengan urutan yang betul maka ia akan menghasilkan satu bahasa visual dimana bunyi yang dihasilkan akan menjadi bahasa pertuturan, pergerakan anggota badan akan menjadi bahasa isyarat dan imej yang difikirkan akan menjadi bahasa penglihatan.

Komunikasi dalam media menggalakkan kepentingan memahami komunikasi visual supaya kita dapat mengetahui apa yang diceritakan oleh objek visual dan reka bentuk visualnya (Kress & Van Leeuwen, 2012). Kartun sebagai salah satu komponen media massa bukan sahaja menjadi teks hiburan malah menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat. Komunikasi bahasa dan visual boleh digunakan untuk merealisasikan sistem asas makna yang membentuk budaya, tetapi dalam bentuk yang berlainan. Bahasa visual menggunakan tanda-tanda visual dengan menggunakan modal bahasa atau media untuk menyampaikan maklumat kepada penonton dengan menggunakan perkara-perkara yang penting (Rahayu, 2012). Ilustrasi adalah salah satu unsur penting yang sering digunakan dalam pemasaran kerana ia dianggap sebagai bahasa universal yang dapat difahami oleh semua

golongan. Ilustrasi dalam perkara ini termasuk gambar, dapat mengungkap sesuatu dengan lebih pantas berkesan daripada teks (Putra, 2008).

Mohd Aswari Md Saleh dan Jasni Dolah (2016) sejak zaman dahulu lagi, bahasa visual dikenal sebagai satu sistem grafik yang menekankan aspek-aspek animasi yang menghubungkan media dengan pembaca. Perhubungan antara bahasa dengan sistem komunikasi diwujudkan dalam penyampaian visual dengan kognitif dan imej yang berturutan. Hal ini diterangkan oleh McCloud (1993) melalui Saraceni (2003) yang mana cara penyampaian visual wujud dalam pelbagai kesenian budaya. Neil (2014) menyatakan komik sebagai kaedah pemikiran pembaca dengan keadaan sosio budaya dengan kebolehan pembaca yang boleh berkomunikasi dengan sistem bahasa dan bahan grafik. Sistem bahasa juga dikenali sebagai satu proses yang menggabungkan makna teks secara berstruktur dalam urutan yang betul dan sah. Bahasa visual juga merujuk kepada cara manusia menyampaikan sesuatu maklumat dalam bentuk grafik dengan mudah yang melibatkan keupayaan diri dan kognitif seseorang. Bahasa visual juga berkait rapat dengan komik. Komik melibatkan dua proses yang melibatkan individu seperti menulis dan melukis sesuatu objek yang meningkatkan potensi individu dalam bahasa visual dan mereka bentuk teks.

Teori bahasa visual mengikut Neil (2012) menjelaskan hubungan antara seni dan bahasa yang mana seni yang berurutan akan membentuk cerita. Dalam penyelidikan atau pendekatan linguistik terhadap penggunaan komik, beliau menyatakan panduan soalan untuk kajian linguistik yang diterapkan ialah seperti berikut:-

- I. Bagaimanakah perwatakan dalam sesuatu teks disusun?
- II. Bagaimanakah caranya maklumat disampaikan yang berada dalam bentuk komik kepada teks?

- III. Bagaimana pembaca menyimpan maklumat dalam bentuk imej dan teks?
- IV. Bagaimanakah pelukis dapat memahami teks dan imej dan mengaplikasikan dalam bentuk lukisan?
- V. Bagaimanakah pembaca dapat memahami semua maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis?

Menurutnya semua pernyataan di atas adalah persoalan asas kepada pelbagai bidang linguistik dan semua yang termasuk dalam kajian berkaitan komik termasuk fonologi, morfologi, semantik, tata bahasa dan pemerolehan (Sakinah Ismail Zawawi, 2015). Bahasa visual adalah grafik yang disampaikan melalui penyatuan bahasa dan grafik. Penggunaan imej grafik ini bertujuan untuk menyampaikan idea secara dramatik dan berkomunikasi secara visual berbanding dengan secara lisan (Mohd Aswari Md Saleh & Jasni Dolah, 2016). Saraceni (2003) menjelaskan ciri-ciri komik terbahagi kepada dua iaitu gabungan diantara perkataan dan gambar dan teks yang disusun kepada unit berurutan, secara grafiknya terpisah satu sama lain. Pendekatan teks dan imej wujud berdasarkan kepada dua kaedah iaitu gabungan dan kolaborasi. Selain itu, komponen-komponen yang menjadi asas dalam komik adalah seperti berikut panel, longkang (*Gutter*), dialog belon (*Balloon*) dan keterangan (*Caption*.)

Menurut Neil (2016) pemahaman terhadap sesuatu bahan visual mempunyai hubungan yang berkait dengan pemahaman pembaca dengan gaya atau cara imej itu disampaikan. Imej-imej yang digunakan akan memberi menyampaikan maklumat sama ada secara berturutan atau secara tetap dan secara keseluruhan. Pembaca akan memahami makna sesuatu maklumat yang disampaikan secara visual melalui cara ia dihasilkan tidak kira ia berbeza dengan budaya, sejarah atau isu semasa. Konsep diantara pembaca dan naratif bahasa boleh dibahagikan kepada tiga seperti

pendekatan interdidiplin terhadap bahasa visual, psikologi dan pembangunan terhadap bahasa visual dan visual naratif antara budaya.

Sementara itu, Horn (2001) mendefinisikan bahasa visual sebagai hubungan yang kuat dari perkataan dan elemen visual dan memiliki perwatakan yang membezakan dari bahasa sebagai alat komunikasi dengan subjek. Bahasa visual dikaitkan dengan sebutan bahasa verbal-visual dimana sintaks, semantik dan pragmatik bahasa visual yang telah dijelaskan. Penggunaan illutrasi membawa peranan penting bagi penggunaan periklanan, buku, majalah, dan surat khabar (Noval Sufriyanto Talani, 2012). Blain (2013) menyatakan teori bahasa visual dalam membuat filem, video, dan animasi walaupun imej tidak mempunyai gambaran jelas namun ia tetap mempunyai maklumat. Sebagai contoh dalam bidang *cinematography*, salah satu tugas adalah untuk menjadikan imej kepada bentuk bahasa visual kepada penonton supaya ia menyampaikan maklumat dengan tepat (Aryanto, 2012).

Neil (2014) menyatakan bahasa visual sebagai satu bentuk komunikasi dimana pembaca boleh menunjukkan kebolehan mereka dalam bentuk imej dan visual. Penggunaan komik juga digunakan dalam pelbagai bidang contohnya bidang pendidikan, sains dan psikologi dan kajian juga mula dijalankan dalam bidang-bidang ini. Selain itu, pemahaman dalam bahasa visual membolehkan seseorang dapat menyampaikan maklumat dengan lebih mudah terutamanya dalam bentuk komik. Pemahaman dalam bahasa visual juga membolehkan seseorang itu dapat mengembangkan potensi diri mereka dalam pelbagai bidang (Mohd Aswari Md Saleh & Jasni Dolah, 2016).

Oleh itu, penyelidik ingin menjalankan kajian ini untuk mengetahui bagaimana lukisan bahasa bukan verbal contohnya *Comic Strips* membolehkan murid-murid membaca teks bahasa Tamil dengan lancar.

2.13. Model Pembelajaran Kurikulum

Model pembelajaran kurikulum berkait rapat dengan kaedah pembelajaran. Menurut Sofian Amri (2013) model pembelajaran boleh dikategorikan sebagai kaedah pembelajaran yang boleh merangsang akal fikiran murid yang berkait dengan persekitaran seperti warna, strategi, guru, sukatan pelajaran, kaedah pembelajaran sama ada secara berseorangan atau berkumpulan, cara penyampaian isi pelajaran dan sebagainya. Pendekatan yang digunakan juga satu kaedah yang membolehkan guru dan murid dalam mencapai tujuan pembelajaran dengan lebih efektif. Selain itu, model pembelajaran juga berfungsi sebagai alat pengajaran yang dapat digunakan dalam semua mata pelajaran seperti dalam bentuk kaedah ceramah, motivasi, sesi soal jawab dan sebagainya. Teknik pengajaran adalah satu langkah penerapan model pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan dan kebiasaan guru, media pembelajaran dan persiapan murid (Nurdyansyah & Eni Fariyatul, 2016).

2.14. Model Pemprosesan Informasi

Model ini mempunyai persamaan dengan teori pembelajaran kognitif yang mana ia berfungsi berdasarkan dengan kemampuan murid untuk berfikir. Pemprosesan informasi merujuk kepada cara murid menerima maklumat dengan menyusun maklumat atau data, mengelaskan masalah, penemuan konsep dan menggunakan teks dan visual. Semasa pemprosesan informasi, interaksi yang berlaku di antara murid dengan proses kognitif dapat merangsang pemikiran murid dengan lebih baik. Visual yang digunakan juga dapat menarik minat murid untuk belajar (Aminah Rehalat, 2014).


Model pemprosesan informasi ini meliputi beberapa strategi pembelajaran seperti cara pengajaran induktif yang boleh mengembangkan keupayaan berfikir dan

membentuk teori, latihan inkuiri untuk mencari maklumat yang diperlukan, inkuiri keilmuan yang bertujuan untuk meneliti ilmu yang disampaikan, memberi pengalaman, pembentukan konsep yang mampu mengembangkan kreativiti minda, kemampuan untuk berfikir dan membuat analisis, model pengembangan yang boleh menambahkan kelakuan yang baik dan sebagainya. Oleh itu, penyelidik berpendapat model pembelajaran kurikulum bersuaian dengan kajian ingin dijalankan.

2.15. Kerangka Konsep

Fariza (2016) menjelaskan kerangka konsep sebagai sumber panduan kepada para penyelidik dalam mengumpulkan elemen-elemen yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kerangka konsep terdiri daripada faktor-faktor penyebab kepada situasi yang dikaji, pembolehubah, teori yang digunakan dalam kajian serta bagaimana ciri-ciri ini berkait antara satu sama lain. Kerangka konsep dijelaskan melalui dalam bentuk rajah yang mengandungi penerangan visual yang jelas dan mudah difahami, ringkas dan padat.

Seterusnya, Andi (2013) menyatakan kerangka konsep adalah sejenis perlembagaan iaitu sistem yang jelas terdiri daripada matlamat dan konsep asas yang saling berkaitan, yang membentuk asas bagi penetapan standard yang teratur, penentuan sifat, fungsi dan pernyataan kajian. Kerangka konsep sangat berguna dalam pembentukan keputusan yang sesuai dengan konsep yang digunakan sesuatu penyelidikan. Bagi menggambarkan kajian ini dengan lebih terperinci, penyelidik membentuk kerangka konsep seperti yang ditunjukkan di bawah:-



Rajah 2.1 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 2.1 menunjukkan kerangka konsep yang ingin diterangkan dalam kajian ini. Pembelajaran murid dipengaruhi oleh kemahiran membaca dan penggunaan aplikasi. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan aplikasi untuk mereka *comic strip* untuk menyelidik penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid sekolah rendah. Ini akan meningkatkan murid menguasai kemahiran membaca teks Bahasa Tamil serta penglibatan murid untuk membaca teks bahasa Tamil. Penyelidik menggunakan teori bahasa visual oleh Neil (2007), dimana teks bacaan diubah dalam bentuk *Comic Strips* dengan penggunaan aplikasi „*Storyboard That*”. Teori ini digunakan untuk mengenal pasti penguasaan murid dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil menerusi penggunaan *Comic Strips*. *Comic Strips* akan berfungsi sebagai bahasa visual yang memberi rangsangan kepada murid untuk memahami maklumat yang ingin

disampaikan dan memastikan murid dapat membaca dengan lebih mudah dan membantu murid untuk mengingati teks dengan lebih mudah.

2.16. Kesimpulan

Merujuk kepada tinjauan literatur, penerimaan dan penggunaan *Comic Strips* dalam pembelajaran jelas menunjukkan *Comic Strips* mampu meningkatkan tahap keberkesanan pembelajaran teks bahasa. Dalam bab ini juga telah dinyatakan tentang kajian-kajian yang terdahulu yang hanya terbatas kepada penggunaan terhadap sesetengah mata pelajaran sahaja. Secara keseluruhannya tiada kajian yang khusus bagi mengkaji penggunaan *Comic Strips* dalam mata pelajaran bahasa Tamil.

Hasil kajian lepas banyak menunjukkan bahawa penggunaan *Comic Strips* banyak digunakan di sekolah sama ada di luar negara dan juga dalam negara. Oleh itu, penyelidik berharap penggunaan *Comic Strips* dalam pembacaan teks bahasa Tamil akan membantu murid untuk meningkatkan kemahiran serta minat terhadap mata pelajaran bahasa Tamil. Selaras dengan kenyataan yang dinyatakan seperti di atas, penyelidik menganggap tajuk yang ingin dikaji memenuhi kriteria dan sebagai contoh untuk kajian yang dijalankan dalam bidang bahasa Tamil di peringkat sekolah kebangsaan. Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini akan dibincang dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pendahuluan

Dalam bab 3 ini, penyelidik akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini. Penyelidik akan menjelaskan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian adalah penting untuk memastikan kajian yang dijalankan lebih teliti dan tersusun bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan senarai semak untuk mendapatkan maklum balas dari responden.

3.2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah langkah dan cara pemerolehan dan penganalisan data untuk menjawab persoalan kajian yang ingin dikaji. Metodologi kajian menekankan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah tertentu digunakan dalam kajian. Tujuan metodologi kajian ialah bagi memahami dengan lebih terperinci mengenai pengaplikasian kaedah yang digunakan dengan membuat huraian tentang proses kajian. Menurut Rajasekar, Philominathan dan Chinnathami (2013), metodologi kajian adalah cara yang sistematik untuk menyelesaikan masalah. Tujuannya adalah untuk memberi pelan untuk menjalankan sesuatu kajian dengan urutan yang betul.

Kajian ini dijalankan untuk melihat kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan menggunakan *Comic Strips* di sebuah sekolah yang terletak di daerah Sepang, Selangor. Dari segi reka bentuk kajian, penyelidik menggunakan pendekatan

kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan senarai semak. Pada peringkat awal, penyelidik telah berbincang dengan penyelia mengenai tajuk kajian yang akan dijalankan. Pemilihan sampel kajian ini berdasarkan kepada masalah dan objektif kajian. Penyelidik berbincang dengan penyelia untuk membina soalan temu bual akan ditanya kepada peserta kajian dan soalan tersebut digunakan sebagai instrumen kajian. Penyelidik menjalankan kajian rintis untuk menentukan kesahan soalan temu bual sebelum diberi kepada responden dan akan diubahsuai dan disemak semula.

Penyelidik mengumpul responden kajian sepanjang sesi pemerhatian yang dilakukan bagi tempoh 2 minggu selama 8 waktu ke atas empat orang murid tahun empat. Maklumat-maklumat yang diperhatikan dan dikumpulkan secara terperinci bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Sesi temu bual juga diadakan bersama dengan dua orang guru beropsyen bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Kaedah pemerhatian dan temu bual sesuai digunakan oleh penyelidik untuk maklumat secara teliti. Temu bual yang digunakan ialah berbentuk semi struktur dimana soalan-soalan dalam temu bual ditentukan terlebih dahulu. Penyelidik terlebih dahulu telah membuat perancangan bagi setiap sesi temu bual dan pemerhatian.

3.3. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu aspek dalam menjayakan sesuatu kajian. Melalui kaedah yang digunakan dalam kajian penyelidik boleh mendapatkan maklumat bagi persoalan-persoalan yang timbul dalam kajian ini. Sabitha (2006) menyatakan reka bentuk kajian sebagai satu pelan yang menentukan cara sesuatu kajian dijalankan dan berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik untuk mendapat dan menganalisis data yang diperolehi dari kajian. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan meninjau

penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid tahun empat dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Kajian yang melibatkan pemerhatian dalam kelas, perubahan individu, temu bual dan analisis dokumen menggunakan kaedah kajian kualitatif bagi mendapatkan data (Bekalo & Welford, 2000; Brown, 2009). Maxwell (2005) menjelaskan reka bentuk kajian sebagai perancangan dan pemilihan dalam sesuatu penyelidikan memerlukan sumber dan jenis data. Selain itu, reka bentuk kajian juga bergantung kepada tujuan dan soalan kajian (Munirah, 2010).

3.4. Kajian Kualitatif

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Malakoluthu (2010) dalam kajiannya menyatakan kaedah kualitatif merupakan satu kaedah yang dapat meneroka jauh isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan. Chua (2006) dalam kajiannya menyatakan kajian kualitatif adalah kajian yang menekankan beberapa perkara-perkara tertentu seperti pemerhatian yang teliti terutamanya berunsur emosi, motivasi dan empati yang berkait dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi. Menurut Patton dan Cochran (2002) kajian kualitatif merangkumi matlamat yang berkaitan dengan pemahaman, aspek kehidupan sosial dan kaedahnya yang lebih tertumpu kepada fakta berbanding dengan penggunaan nombor untuk dianalisa.

Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini untuk mengenal pasti kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips*. Kajian kualitatif mengambil kira kejadian yang berlaku dalam sesuatu komuniti seperti pandangan dan perubahan seseorang terhadap sesuatu perkara. Perkara-perkara

seperti pandangan atau pendapat seseorang, sifat, perancangan yang dibuat serta kesan daripada perancangan tersebut dikaitkan kajian kualitatif. Kaedah interaksi antara satu sama lain secara bersemuka dengan subjek yang berkaitan dengan penyelidikan tergolong dalam kajian kualitatif bagi tujuan pendekatan induktif dan menjana idea (Gantit, 2013). Kajian ini juga memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji dan tidak dapat menyediakan perspektif yang terperinci (Creswell, 2002).

Kajian kualitatif ialah satu kajian penyelidikan bergantung kepada pandangan subjek kajian seperti tanya soalan yang berkaitan kajian, soalan umum, mengumpul data secara verbal dan non verbal dan menganalisis setiap perkataan atau maklumat yang diberikan oleh subjek kajian dengan teliti (Awang, 2015). Adi (2013) menyatakan kajian kualitatif sebagai kajian yang mengkaji teks, kata-kata tertulis, frasa dan simbol-simbol yang menggambarkan atau menginterpretasi orang, tindakan dan peristiwa sosial yang berkaitan dengan kehidupan.

Fraenkel, Wallen dan Hyun (2011) menyatakan kajian kualitatif merujuk kepada kajian yang menyiasat mengenai hubungan, aktiviti, dan keadaan yang mana kajian jenis ini memberi penekanan kepada penerangan holistik, menerangkan secara terperinci mengenai sesuatu aktiviti atau keadaan dan menggambarkan sikap atau tingkah laku orang. Patton (1990) menyatakan kajian kualitatif sebagai satu proses kajian yang bersifat orientasi melalui pelbagai jenis atau bentuk kajian yang menggunakan pendekatan etnografi, kajian kes, fenomenologi dan sebagainya (Ghazali & Sufean, 2015).

Menurut Van Rensburg (2007) perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan pada tahun 60-an menyebabkan berlakunya perubahan dalam kajian kualitatif. Kaedah kajian berbentuk kualitatif digunakan dalam bidang pendidikan

sebelum tahun 60-an. Kaedah kualitatif berfokus kepada situasi berdasarkan mengenal pasti keadaan dan masalah sosial. Kajian kualitatif menekankan pendekatan sosial yang melibatkan situasi sifat kemanusiaan. Kajian kualitatif melibatkan fenomena interpretif dengan cara memahami interpretasi responden terhadap dunia mereka, dan membentuk teori berdasarkan situasi atau fenomena daripada data kajian (Teh, 2015). Creswell (2005) menyatakan salah satu ciri kaedah kualitatif ialah “*the problems need to be explored to obtain a deep understanding*” dan kajian dapat menghasilkan satu penyelidikan yang mempunyai fakta yang holistik. Kaedah kualitatif lebih tepat untuk menjelaskan kebenaran kerana penyelidik ialah instrumen utama yang mana melibatkan diri secara langsung dalam pengumpulan dan penginterpretasian data. Melalui perbincangan di atas, boleh dijelaskan bahawa kajian yang berkaitan dengan proses pelaksanaan yang mengaplikasikan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif melibatkan deskripsi yang menyeluruh dan pemahaman yang mendalam terhadap masalah yang dikaji.

Jasmi (2012) melalui kajian Lofland dan Sitoris (1998) menjelaskan tiga perkara boleh dipertimbangkan oleh penyelidik jika menggunakan kaedah kualitatif iaitu penyelidik berada dekat dengan orang atau situasi yang dikaji yang mana ia membolehkan penyelidik mempunyai pemahaman yang mendalam tentang hal yang sedang berlangsung. Seterusnya, penyelidik berupaya memahami hal sebenar yang terjadi yang menjadi subjek pengkajian.


Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan senarai semak yang mana kaedah pemerhatian digunakan sebagai instrumen utama dan kaedah temu bual dan senarai semak sebagai instrumen kedua. Franenkel, Wallen dan Hyun (2011) menyatakan penyelidik kajian kualitatif menggunakan tiga kaedah utama untuk mengumpul dan menganalisa data. Pertamanya kaedah pemerhatian yang

mana penyelidik menjalankan aktiviti harian mereka dan merakam apa yang mereka lakukan. Kedua, menjalankan temu bual mendalam dengan orang ramai mengenai idea, pendapat dan pengalaman mereka. Ketiga, senarai semak atau lain-lain bentuk komunikasi. Darusalam dan Hussin (2015) menyatakan data-data kualitatif dikumpulkan melalui unsur-unsur percakapan (temu bual), melihat kejadian sebenar (pemerhatian) dan mendapatkan bukti yang mencukupi (senarai semak).

Jasmi (2012) melalui kajian Patton (1990) menyatakan data kajian kualitatif dikumpul melalui tiga jenis kaedah seperti hasil pemerhatian yang merangkumi maklumat berkaitan situasi, keadaan, perhubungan antara tingkah laku terhadap responden kajian. Hasil perbincangan kenyataan daripada individu yang berkaitan mengenai pengalaman, pandangan, sikap dan gaya pemikiran mereka. Bahan tertulis yang merangkumi keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan sejarah.

Penyelidik memilih kumpulan murid yang telah didedahkan kepada rangka kerja pembacaan teks melalui petikan dari buku teks bahasa Tamil tahun empat. Penyelidik akan menggubah teks bacaan kepada bentuk *Comic Strips* dengan menggunakan aplikasi „*Soryboard That*“.

Berdasarkan Rajah 3.1, reka bentuk kajian menunjukkan bahawa kaedah kualitatif digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian daripada responden.




Rajah 3.1 Reka bentuk kajian

Berdasarkan rajah di atas, kaedah yang digunakan oleh penyelidik akan menggunakan lima peringkat. Pada peringkat pertama, penyelidik akan memberi teks bacaan kepada responden yang terlibat. Seterusnya, penyelidik akan membuat pemerhatian sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran. Penyelidik akan merakam segala aktiviti sepanjang masa. Pada peringkat ketiga penyelidik akan mengubah teks bacaan dalam bentuk *Comic Strips* dan memberi kepada responden. Penyelidik akan merekod semua pemerhatian. Penyelidik juga akan menemu bual dua responden. Seterusnya, hasil pemerhatian akan dikumpul dan dianalisis.

3.5. Kajian Tindakan

Kemmis & McTaggart (1988), menyatakan kajian tindakan sebagai satu bentuk penulisan kesimpulan yang ditulis berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian dan berada di tempat kajian sepanjang penyelidikan dijalankan bagi tujuan meningkatkan amalan dan kefahaman masyarakat terhadap pendidikan. Kajian tindakan boleh dibahagikan

kepada empat bahagian yang terdiri daripada peringkat tinjauan, membuat perancangan, membuat pelaksanaan dan akhirnya membuat refleksi (Deraman, 2012). Crane & O'Regan (2010), menyatakan pelbagai jenis kajian tindakan telah dicadangkan oleh penulis yang berbeza. Setiap jenis mempunyai pemahaman yang berbeza tentang siapa yang menanyakan soalan penyelidikan dan siapa yang memainkan peranan sebagai penyelidik. Namun, mereka menggunakan proses yang sistematik yang melibatkan proses pemerhatian, refleksi, perancangan dan tindakan seperti yang ditunjukkan di rajah bawah:-



Rajah 3.2 Model kajian tindakan Kemmis & Taggart (1988)

Berdasarkan model kajian tindakan Kemmis & Taggart (1988), dalam empat peringkat dalam menjalankan kajian tindakan, pada peringkat pertama, penyelidik akan merancang kaedah sebelum melaksanakannya. Penyelidik akan mengambil kira bentuk aktiviti yang dijalankan, tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti tersebut dan mengenal pasti masalah-masalah yang akan dihadapi sepanjang

menjalankan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik membuat tinjauan mengenai kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid tahun empat. Peringkat kedua melibatkan perancang tindakan yang mana penyelidik menentukan cara penilaian aktiviti atau kaedah yang akan dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik membuat penilaian seperti pemerhatian dan temu bual. Peringkat ketiga melibatkan proses pelaksanaan tindakan dimana dalam kajian ini, penyelidik menggunakan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil dan mengumpul maklumat. Seterusnya, peringkat empat membuat refleksi yang mana dalam kajian ini hasil pemerhatian dikumpul dan dianalisis. Kitaran ini akan berulang sehingga kesimpulan dapat dibuat dalam kajian yang dilaksanakan.

Menurut Gay, Mills dan Airasian (2009) kajian tindakan dalam pendidikan adalah segala penyelidikan yang dijalankan oleh guru, kaunselor sekolah atau pihak berkepentingan lain dalam bidang pembelajaran yang melibatkan diri untuk mengumpul maklumat mengenai cara yang mana sekolah mereka beroperasi, cara pengajaran guru dan pembelajaran murid. Maklumat ini dikumpulkan dengan tujuan untuk meningkatkan amalan yang berkesan, melaksanakan perubahan positif dalam persekitaran sekolah dan meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Di sekolah, kajian tindakan merujuk kepada pelbagai jenis penyelidikan dan analisa yang direka untuk mengatasi masalah atau kelemahan yang melibatkan organisasi, akademik atau para pendidik serta membangunkan penyelesaian yang praktikal untuk menangani masalah dengan cepat dan cekap (Abbott, 2014). Menurut beliau, kajian tindakan juga dipanggil sebagai *cycle of action* atau *cycle of inquiry* kerana ia biasanya mengikuti proses yang diulangi dari masa ke semasa seperti mengenal pasti masalah yang hendak dikaji, mengumpul data, menyusun, menganalisis dan mentafsir data, membuat perancangan untuk mengatasi masalah, pelaksanaan perancangan, menilai

keputusan tindakan yang diambil, mengenal pasti masalah baru dan pengulangan proses.

Gay, Mills dan Airasian (2009) menyatakan tujuan kajian tindakan dalam pendidikan adalah sebagai kaedah penyelesaian masalah kepada para guru berkaitan masalah harian di sekolah supaya mereka dapat meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kajian tindakan adalah penyelidikan yang dilakukan oleh guru, untuk diri mereka sendiri tanpa melibatkan orang lain. Dalam menjalankan kajian tindakan di bilik darjah dan sekolah masing-masing, guru mempunyai peluang untuk membuat model untuk murid bukan sahaja kemahiran yang diperlukan untuk proses pembelajaran yang berkesan, tetapi juga untuk mendapatkan pengetahuan baru.

Selaras dengan penerangan seperti di atas, kaedah kajian yang sesuai digunakan ialah kajian tindakan. Hal ini kerana data yang didapatkan adalah daripada pelbagai sumber yang menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

3.6. Lokasi Kajian

Dalam kajian ini sebuah sekolah kebangsaan dipilih sebagai tempat menjalankan kajian ini. Sebuah sekolah kebangsaan yang terdapat di daerah Sepang di negeri Selangor dipilih untuk menjalankan kajian ini. Penyelidik memilih sekolah untuk menjalankan kajian ini kerana sekolah ini mempunyai opsyen bahasa Tamil sekolah kebangsaan. Selain itu, penyelidik juga merupakan guru bahasa Tamil di sekolah tersebut yang mana ia memudahkan penyelidik menjalankan kajian. Sekolah ini terletak di daerah Sepang dan merupakan sekolah dua sesi yang mempunyai 76 orang guru dan 1020 orang murid. Bilangan murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil dari tahun 1 hingga ke tahun 6 adalah sebanyak 17 orang murid.

Bilangan murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil dalam Tahun 4 adalah sebanyak 4 orang murid sahaja.

3.7. Instrumen Kajian

Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian tindakan. Penyelidik akan menggunakan bentuk instrument yang berkaitan dengan kajian bagi menyokong kajian ini. Bulot (2015), menyatakan penyelidik akan menjadi instrumen utama dimana penyelidik akan mengumpul dengan sendiri data melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Penyelidik telah menyiapkan protokol temu bual seperti di lampiran bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pengalaman guru dalam mengajar mata pelajaran bahasa Tamil dengan menggunakan *Comic Strips*. Soalan temu bual yang disediakan mampu menjawab persoalan penyelidik tentang penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks Bahasa Tamil. Kaedah kualitatif memerlukan penyelidik menemui responden dan memerhati dengan sendiri. Sekolah yang menjadi lokasi kajian menjadi tempat untuk menjalankan pemerhatian dan temu bual. Responden yang terlibat dengan kajian akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum menjalankan pemerhatian dan temu bual. Penyelidik menjelaskan mengenai prosedur kajian, tujuan dan kesan temu bual terlebih dahulu.

3.7.1. Pemerhatian

Menurut Othman (2006), pengumpulan data dengan pemerhatian adalah kaedah primer yang digunakan dalam kajian kualitatif. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengkaji dan menganalisis proses pembacaan teks bahasa Tamil murid-murid tahun empat. Proses pembelajaran telah berlaku di dalam bilik khas untuk mata pelajaran bahasa Tamil. Cabaran penyelidik ialah memastikan peranan penyelidik

tidak mengganggu persekitaran dan responden kajian. Gay, Mills dan Airasian (2009) menyatakan apabila penyelidik yang melakukan penyelidikan kualitatif mendapatkan sesuatu data dengan menonton maka penyelidik itu melakukan pemerhatian. Mariam (1998) menyatakan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif menekankan cara mendapatkan sesuatu maklumat ialah dengan memahami dan menerima pandangan semua orang yang terlibat (Bulut, 2015). Penekanan semasa pemerhatian diberi untuk memahami persekitaran secara semula jadi yang melibatkan sampel kajian tanpa mengubah atau memanipulasi data. Bagi soalan kajian penyelidikan tertentu, kaedah pemerhatian adalah pendekatan pengumpulan data yang paling sesuai dan berkesan. Gillham (2000) mengkategorikan kaedah pemerhatian kepada dua iaitu:-

I. Pemerhatian Melalui Penglibatan (*Participant Observation*)

Pemerhatian jenis ini dijalankan dengan penglibatan menyeluruh penyelidik semasa kajian dijalankan.

II. Pemerhatian Secara Terus (*Direct Observation*)

Pemerhatian jenis dijalankan tanpa penglibatan penyelidik dimana penyelidik akan membuat pemerhatian dari luar dan membuat kesimpulan berdasarkan data yang dikumpul. Kaedah pemerhatian ini tidak melibatkan komunikasi antara manusia.

Jasmi (2012, menyatakan kaedah pemerhatian melalui penglibatan bertumpu kepada kajian tentang kehidupan manusia. Penglibatan penyelidik dalam penyiasatan situasi atau keadaan yang hendak diselidik membolehkan penyelidik memahami dengan lebih teliti mengenai isu yang hendak dikaji. Manakala, kaedah pemerhatian secara terus membolehkan penyelidik mendapatkan data dengan sendiri contohnya pengiraan bilangan murid di sesebuah sekolah.

Menurut Gay, Mills dan Airasian (2009) pengumpulan data secara pemerhatian boleh dibahagikan kepada dua iaitu:-

I. Pemerhatian peserta

Pemerhatian ini melibatkan penyelidik menjadi salah seorang ahli dalam kumpulan yang hendak diperhatikan. Penyelidik mengambil bahagian dalam situasi berkenaan sambil pemerhati dan mengumpul data mengenai aktiviti, orang dan persekitaran.

II. Pemerhatian bukan peserta

Pemerhatian ini tidak melibatkan penyelidik secara langsung dalam keadaan yang sedang diperhatikan. Penyelidik memerhati dan merekodkan tingkah laku tetapi tidak berinteraksi atau mengambil bahagian dalam situasi berkenaan. Alat rakaman seperti kamera video dan rakaman suara juga digunakan semasa membuat pemerhatian.

Pemerhatian telah dijalankan mengikut rangka yang disediakan berdasarkan objektif. Penyelidik telah bertindak sebagai instrumen utama dan melakukan proses pemerhatian di tempat kajian (Cresswell, 2008). Melalui pemerhatian di dalam kelas, penyelidik berpeluang untuk melihat perilaku murid secara langsung semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Dengan ini, penyelidik menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran sambil membuat pemerhatian. Penyelidik menjadikan rakaman video dan gambar sebagai bukti kajian. Rakaman dilakukan semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung tanpa disedari oleh murid.

3.7.2. Temu Bual

Othman (2009) menyatakan kaedah temu bual sebagai satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengetahui pemikiran seseorang. Beliau berpendapat bahawa kaedah temu bual membolehkan seseorang mengetahui perlakuan atau perasaan

seseorang yang tidak boleh dijelaskan secara pemerhatian. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual untuk mengetahui pandangan atau pendapat guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Penyelidik telah menggunakan hasil maklumat temu bual dengan dua orang responden (guru) sebagai data untuk menjawab persoalan kajian. Kaedah temu bual diharap dapat menerangkan masalah dan pendapat responden (guru) terhadap penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dan pembelajaran teks yang sedia ada.

Mann dan Stewart (2000) menyatakan temu bual secara perseorangan melibatkan interaksi antara penyelidik dan responden secara spontan dan responden menjawab soalan dalam masa yang terhad. Sesi temu bual juga membantu penyelidik melihat situasi sebenar dan pendapat atau pandangan responden kajian (Sherman & Webb, 2001). Sesi temu bual secara bersemuka ini melibatkan penyelidik menemui bual 2 orang responden (guru) yang juga mengajar murid-murid tahun empat. Responden-responden yang dipilih mempunyai kelulusan diploma pendidikan dalam bidang bahasa Tamil. Penyelidik terlebih dahulu telah berbincang dengan seorang guru yang berpengalaman untuk menggubal beberapa soalan. Penyelidik menggunakan 6 item soalan untuk menemui ramah responden yang mana soalan terdiri daripada penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil. Sesi temu bual telah dicatat oleh penyelidik untuk mendapatkan pandangan dan pendapat yang jelas. Sesi temu bual dipilih secara rawak tanpa sebarang sifat berat sebelah dan para responden telah dimaklumkan 2 hari sebelum sesi temu bual dijalankan untuk memastikan persediaan baik oleh responden. Hal ini bagi mengelakkan sesi temu bual tidak terganggu seperti gangguan panggilan telefon atau orang lain serta tidak

menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran responden dalam usaha untuk mendapatkan jawapan secara langsung.

Kaedah temu bual yang dijalankan oleh penyelidik berbentuk semi struktur yang mana penyelidik menjalankan temu bual berdasarkan senarai semak yang mempunyai soalan berbentuk aras rendah seperti „Adakah“ yang memerlukan jawapan seperti „Ya“ atau „Tidak“. Selain itu, penyelidik juga mereka soalan temu bual yang berbentuk aras tinggi yang bermula seperti „Sejauhmanakah“, „Bagaimana“ dan „Kenapa“ bagi menjawab soalan secara terperinci. Soalan dilampirkan bersama dengan kajian ini. Disebabkan penyelidik terlibat sendiri dengan kajian ini, item soalan dibina sebagai panduan sahaja. Selain itu, penyelidik juga telah menetapkan data temu bual seperti berikut:-

- I. Data temu bual akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian dan menetapkan bahawa objektif yang dibina dicapai. Oleh itu, data yang dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis senarai digunakan bagi menjawab soalan kajian.
- I. Data asal temu bual akan dikategorikan dalam bentuk jadual.
- II. Teks yang ditranskrip melalui data temu bual akan digunakan untuk menganalisis kod daripada teks.
- III. Data temu bual yang dapat diperiksa oleh seorang pakar yang dilantik oleh penyelidik bagi memeriksa transkrip temu bual. Pakar tersebut akan menjalankan ujian kesahan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kod tersebut.

3.7.3. Senarai semak

Creswell (2009) menyatakan semasa proses penyelidikan, penyelidik boleh mengumpul dokumen yang berkaitan seperti surat khabar, minit mesyuarat, laporan

rasmi, jurnal peribadi, catatan peribadi, surat dan juga e-mel. Bogdan dan Biklen (1998) menyatakan data dokumen mengandungi pelbagai jenis bahan seperti bahan fizikal, bahan visual dan bahan bertulis yang relevan dengan kajian (Darusalam, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik telah menanda (✓) berdasarkan arahan yang terdapat dalam senarai semak. Penyelidik menggunakan dua jenis senarai seperti berikut:-

I. Senarai penghafalan teks bacaan

Dalam senarai ini, penyelidik telah menilai tahap penguasaan bacaan teks murid dalam bahasa Tamil.

II. Senarai bacaan teks *Comic Strips*


Dalam senarai ini, penyelidik telah menilai penguasaan bacaan murid teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips*.

Semua item yang dimasukkan dalam senarai semak mengikuti perkembangan murid sama ada dikuasai atau tidak dikuasai. Antara item yang terdapat dalam senarai penyelidik adalah berdasarkan penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil. Senarai semak yang pertama iaitu senarai penghafalan teks bacaan adalah bertujuan untuk penyelidik menilai tahap bacaan murid-murid. Senarai bacaan teks *Comic Strips* pula adalah untuk melihat penguasaan kemahiran membaca murid setelah penggunaan *Comic Strips*. Item-item yang dimasukkan ke dalam senarai semak adalah mengikut penguasaan murid-murid sama ada yang dikuasai atau sebaliknya.

3.8. Prosedur Kajian

Dalam prosedur kajian ini, penyelidik meneroka mengenai penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil di sebuah sekolah melalui kaedah

pemerhatian, temu bual dan senarai semak. Penyelidik menyediakan satu prosedur kajian bagi menentukan kajian ini dapat dijalankan dengan sistematik tanpa menghadapi sebarang masalah. Rajah 3.3 menunjukkan kerangka prosedur kajian:




Rajah 3.3 Kerangka Prosedur Kajian

Rajah di atas menunjukkan pelaksanaan prosedur kajian penyelidik. Empat orang murid tahun empat yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil di sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di daerah, Sepang, negeri Selangor dijadikan sebagai tempat kajian ini. Kaedah persampelan tujuan (*purposeful sampling*) digunakan sebagai panduan dalam pemilihan responden kajian disebabkan penyelidik memilih subjek dan lokasi kajian yang mempunyai tujuan tertentu seperti yang dinyatakan oleh Cresswell dan Clark (2011). Penyelidik menilai pengalaman untuk memilih sampel secara rawak yang mana hanya sebahagian yang terlibat dalam proses kajian. Salah satu sebabnya adalah penyelidik menjalankan kajian kualitatif menghabiskan masa dalam penetapan penyelidikan sebelum memilih sampel adalah untuk memerhati dan mendapatkan maklumat yang dapat digunakan untuk memilih responden yang mereka tentukan untuk menjadi berpengetahuan dan

berpengalaman dengan topik penyelidikan (Gay, Mills & Airasian, 2009). Selain itu Ghazali dan Sufean (2015) menyatakan *purposive sampling* atau persampelan bertujuan dipilih sebagai responden kajian selepas diselidik oleh penyelidik mengenai kesuaiannya dan memenuhi keperluan dalam kajian. Creswell (2008) juga menyatakan sampel kajian berbentuk *purposive sampling* menepati untuk kajian berbentuk kualitatif. Penyelidik boleh memperoleh maklumat yang diinginkan melalui sampel yang dipilih dengan mudah. Fauziah (2010) menyatakan persampelan tujuan mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang mempunyai kaitan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

Responden-responden yang dipilih untuk kajian ini adalah berdasarkan kepada latar belakang pengetahuan mereka dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Penyelidik ingin melihat kemahiran membaca murid-murid dalam membaca teks hasil daripada penggunaan *Comic Strips*. Persampelan ini sesuai dengan penggunaan *Comic Strips* yang digunakan mengikut tahap umur mereka. Penyelidik telah menjalankan pemerhatian terhadap empat orang murid tahun empat yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil. Penyelidik telah memberi teks bacaan kepada murid-murid yang terpilih. Penyelidik telah menilai cara pembacaan murid-murid yang terpilih. Penyelidik telah merakam segala proses menggunakan perakam video. Penyelidik telah menilai cara bacaan teks murid-murid. Seterusnya penyelidik akan menggunakan aplikasi „*Storyboard That*” dan dengan menggunakan teks yang sama akan diubah dalam bentuk *Comic Strips*. Rajah 3.4 adalah aplikasi perekaan *Comic Strips*.



Rajah 3.4 Contoh Salah Satu Screen Shot Aplikasi Storyboard That

Penyelidik akan menggunakan aplikasi „Storyboard That” untuk menukarkan petikan teks dalam bentuk *Comic Strips*. Aplikasi ini memudahkan penukaran teks ke bentuk *Comic Strips*. Seterusnya, penyelidik telah memberi teks bacaan yang telah diubah kepada murid-murid untuk membaca. Teks bacaan yang dipilih oleh penyelidik adalah antara petikan yang sukar dibaca oleh responden. Petikan yang dipilih mempunyai satu perenggan dan sesuai untuk menilai penguasaan membaca responden. Penyelidik akan menilai cara pembacaan murid-murid dan membuat catatan. Hal ini supaya penyelidik dapat melihat kesan kemahiran membaca murid samada melibatkan *Comic Strips* mahupun kaedah pembacaan biasa yang diberikan kepada murid.

Proses ini akan diulang selama 2 kali sehari maksimum dan dua hari berturut-turut. Penyelidik akan mengambil masa dalam lingkungan 10 hingga 15 minit setiap waktu untuk melihat perkembangan murid-murid yang dinilai

penggunaan *Comic Strips* tersebut. Proses penggulungan ini dilakukan sebab waktu pengajaran Bahasa Tamil hanya 8 waktu pembelajaran untuk 2 minggu. Oleh itu, penyelidik akan menggulang proses ini dua minggu berturut-turut. Penyelidik akan meletakkan kamera sebagai rakaman video yang akan membantu penyelidik menganalisis data dan maklumat daripada pemerhatian dan rakaman video.

Penyelidik juga akan menemu ramah dua orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil tahun empat. Penyelidik membuat temu janji dengan dengan dua orang guru setelah selesai semua pungutan data. Fauziah (2010) menyatakan bahawa penyelidikan bersifat kualitatif berhubung kait dengan sampel dan kajian yang terdiri daripada kumpulan yang ditetapkan berdasarkan beberapa kriteria. Gay, Mills & Airasian (2003), menyatakan populasi sebagai kumpulan sasaran atau kumpulan orang hasil kajian secara umum. Persampelan kajian kualitatif adalah proses memilih sebilangan kecil individu untuk mengkaji sedemikian rupa sehingga individu yang dipilih akan menjadi responden utama yang baik yang akan menyumbang kepada pemahaman penyelidik mengenai fenomena yang diberikan. Ciri-ciri responden utama yang baik termasuk keupayaan untuk menjadi reflektif dan bijaksana, boleh berkomunikasi secara lisan, bertulis atau kedua-duanya dengan berkesan dan selesa dengan kehadiran penyelidik di tapak penyelidikan. Contoh penyelidikan kualitatif secara amnya berbeza, lebih kecil dan kurang mewakili berbanding sampel yang dipilih untuk penyelidikan kuantitatif kerana kedua-dua pendekatan mempunyai tujuan dan keperluan yang berbeza. Oleh sebab minat dari segi perspektif peserta dan topik penyelidikan di bawah kajian, penyelidikan kualitatif memerlukan pengumpulan data yang lebih mendalam daripada biasanya diperlukan dalam penyelidikan kajian berbentuk kualitatif.

Sampel kajian merujuk kepada responden kajian yang mewakili sesuatu populasi yang mana ia memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah sampel yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian (Awi, 2013). Guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lama berkelulusan dalam mata pelajaran yang dikaji dipilih sebagai responden kajian. Selain itu, penyelidik juga berharap pemilihan responden ini dapat memberi maklumat yang boleh membantu penyelidik dalam kajian yang dilakukan.

Penyelidik telah merakam segala sesi temu bual menggunakan pita rakam suara. Menurut Piew (2006) penggunaan alat seperti video digital, audio digital dan camera sangat penting semasa untuk merakam persekitaran ketika proses pengumpulan data agar ia dapat menjadi rujukan penting kepada penyelidik supaya tidak berlaku kekeliruan dan keciciran data ketika di tempat kajian. Penyelidik telah mencatat maklumat penting dalam senarai semak.

3.9. Analisis Data

Analisis data adalah satu bahagian yang penting dalam penyelidikan kerana ia membantu penyelidik untuk memastikan pencapaian objektif kajian dengan sepenuhnya (Suganthini Sree, 2014). Menurut Sahid (2011) dalam kajian kualitatif, data dianalisis dengan mencari dan mengkategorikan data secara sistematik yang diperolehi daripada hasil pemerhatian, hasil temu bual daripada responden dan analisis dokumen seperti senarai semak. Instrumen pengkajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah data pemerhatian dan temu bual. Kedua-dua data akan dibandingkan bagi memastikan kesahan maklumat yang didapati daripada responden.

Analisis data kajian kualitatif melibatkan ringkasan data dengan cara yang boleh dipercayai dan tepat yang membawa kepada penemuan hasil kajian yang tidak dapat dinafikan. Memandangkan data yang dikumpul bersifat naratif dan deskriptif dan bukan dalam bentuk angka maka, data yang dikumpulkan dalam kajian kualitatif tidak dapat menyelesaikan masalah dan berada dalam bentuk yang mudah diurus seperti dalam kajian berbentuk kuantitatif. Analisis data kualitatif memerlukan kesabaran penyelidik dalam memahami banyak sumber data dalam bentuk seperti nota dari pemerhatian dan temu bual, soalan, peta, gambar, transkrip audio dan video (Gay, Mills & Airasian, 2009).

Menurut Creswell (2014) beberapa ciri dalam pengumpulan data kualitatif seperti persekitaran semula jadi yang mana para penyelidik kualitatif cenderung mengumpul data di lapangan di tapak yang mana para responden mengalami masalah. Penyelidik tidak melibatkan responden dengan situasi yang sebenar dan biasanya akan menghantar instrumen kepada responden. Maklumat yang dikumpul bersifat secara bersemuka seperti berbual terus dan melihat kelakuan dan bertindak dalam konteksnya. Penyelidik sebagai instrument utama para penyelidik kualitatif mengumpul data sendiri melalui pemeriksaan dokumen, memerhatikan tingkah laku, atau menemu bual responden. Mereka boleh menggunakan protokol (alat untuk mengumpul data) tetapi penyelidik sendiri akan mengumpul maklumat. Mereka tidak cenderung untuk menggunakan atau bergantung pada soal selidik atau instrumen yang dihasilkan oleh penyelidik lain. Sumber data yang pelbagai para penyelidik kualitatif biasanya mengumpulkan pelbagai bentuk data seperti temu bual, pemerhatian, dokumen dan maklumat audio visual dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber data yang tunggal. Penyelidik akan menganalisis semua data, memahaminya, dan menyusun dalam bentuk kategori atau tema yang bersesuaian


dengan data. Analisis data secara induktif dan dedektif penyelidik kualitatif membina corak, kategori dan tema mereka dari bawah ke bawah dengan menganjurkan data ke dalam unit –unit yang lebih abstrak. Proses induktif ini menggambarkan hubungan antara tema dan pangkalan data sehingga penyelidik telah membentuk satu set tema yang komprehensif. Penyelidik seterusnya akan melihat kembali data mereka dari tema untuk menentukan jika lebih banyak bukti dapat menyokong setiap tema atau sama ada mereka perlu mengumpulkan maklumat tambahan. Oleh itu, semasa proses bermula secara induktif, pemikiran deduktif juga memainkan peranan penting apabila analisis dibuat.

- I. Responden bermakna - Dalam keseluruhan proses penyelidikan kualitatif, penyelidik terus memberi tumpuan untuk mempelajari makna yang disampaikan oleh responden mengenai masalah atau isu, bukan makna yang dibawa oleh penyelidik terhadap penyelidikan yang dilakukan atau pandangan yang dinyatakan oleh penulis lain.
- II. Reka bentuk yang ketara - Proses penyelidikan untuk penyelidik kualitatif amat ketara. Hal ini bermaksud pelan awal untuk penyelidikan tidak boleh ditetapkan dengan tegas dan beberapa atau semua peringkat proses mungkin berubah selepas penyelidik memasuki bidang dan mula mengumpul data. Sebagai contoh, soalan mungkin berubah, bentuk pengumpulan data boleh berubah dan responden yang dikaji dan tapak yang dikunjungi boleh diubah suai. Idea utama di sebalik penyelidikan kualitatif adalah untuk mengetahui mengenai masalah atau isu daripada responden dan untuk menangani masalah tersebut. Refleksi dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik mencerminkan bagaimana peranan mereka dalam kajian dan latar belakang, kebudayaan, pengalaman mereka berpotensi untuk membentuk tafsiran mereka seperti

tema yang mereka majukan dan makna yang dianggap sebagai data. Aspek ini adalah lebih daripada sekadar memajukan bias dan nilai-nilai dalam kajian ini, tetapi bagaimana latar belakang penyelidik sebenarnya dapat membentuk arah kajian. Holistik penyelidik kualitatif cuba mengembangkan gambaran yang rumit tentang masalah atau isu yang sedang diteliti. Ini melibatkan pelaporan pelbagai perspektif, mengenal pasti banyak factor yang terlibat dalam keadaan dan secara khususnya melakar gambaran yang lebih jelas. Model visual juga membantu dalam membentuk gambaran holistik.

Jasmi (2012) menyatakan kaedah seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan dalam pengumpulan data bagi kajian kualitatif. Hal ini kerana ketiga-tiga kaedah pengumpulan seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen saling berkaitan antara satu sama lain. Data yang tidak dapat dikumpul melalui kaedah pemerhatian akan ditanya semasa sesi temu bual dan seterusnya data yang dikumpul melalui kaedah temu bual disokong dengan pengumpulan maklumat melalui analisis dokumen (In'am, 2009). Beliau turut menyatakan tiga kaedah tersebut merupakan bahagian yang terlibat dalam proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat (Mohd & Nana, 2005).

Yusoff (2001) menyatakan dalam mengumpul data melalui kaedah triangulasi, data temu bual dijadikan sebagai data utama manakala data pemerhatian dan dokumen dijadikan sebagai data sokongan (Darusalam & Hussin, 2015). Nasution (2003) menyatakan bahawa kaedah triangulasi digunakan untuk memeriksa kesahihan data sesuatu kajian. Penyelidik akan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen seperti senarai semak bagi menjawab persoalan kajian yang dijalankan. Teknik triangulasi memantapkan pengumpulan data yang sepadu seperti ditunjukkan dalam 3.6 berikut:



Berdasarkan rajah 3.5, kaedah triangulasi digunakan untuk memastikan kesahihan dapatan kajian. Analisis data mula dijalankan pada pemerhatian dan pembacaan dokumen pertama. Proses ini dijalankan berterusan sepanjang masa kajian. Kaedah pemerhatian membolehkan penyelidik merasai suasana yang sebenar (Nana, 2005). Penyelidik bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini dimana penyelidik melibatkan diri dengan aktiviti yang sesuai dengan situasi. Penyelidik menganalisis dokumen seperti teks bacaan dan teks yang menggunakan *Comic Strips* yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidik mengkaji data daripada pemerhatian dan temu bual bagi mengukuhkan kesahihan dan kebolehpercayaan data dan tema. Hal ini kerana, melainkan data daripada temu bual, data daripada kaedah pemerhatian dan analisis dokumen dijadikan sebagai data sokongan. Penyelidik menumpu kepada proses pembelajaran dan pengajaran sebanyak tiga kali dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Laporan daripada hasil pemerhatian semasa proses pembelajaran dan pengajaran digabungkan dengan senarai semak disebabkan data yang dikumpul tidak banyak. Suseela (2001) menjelaskan kaedah triangulasi

bagi pungutan data dengan menggunakan dokumen boleh menyokong dan menambahkan kesahihan sesuatu dokumen dari pelbagai sumber.

Supriyana Johan (2013) menjelaskan kaedah triangulasi bagi mendapatkan sesuatu data membolehkan data yang dikumpul asli dan sahih melalui penggunaan pelbagai instrumen. Beliau turut menyatakan kaedah triangulasi terdiri daripada empat jenis seperti kaedah triangulasi sumber data, triangulasi kaedah, triangulasi penyelidik dan triangulasi teori. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, penyelidik hanya menggunakan dua jenis kaedah triangulasi sahaja iaitu triangulasi sumber data dan triangulasi kaedah. Pengujian data dengan cara memeriksa melalui sumber seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen tergolong dalam triangulasi sumber. Dalam kajian ini, penyelidik membandingkan data yang diperoleh daripada hasil pemerhatian dengan hasil temu bual. Dengan ini, penyelidik dapat menentukan kesamaan dan perbezaan data yang dapat daripada hasil kajian. Data primer dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data primer yang dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian akan digabungkan dengan data temu bual yang berkaitan dengan penggunaan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil. Penyelidik seterusnya akan mengutip hasil teks bacaan murid dan senarai semak sebagai data analisis dokumen.

Zanathon, Salasiah Hanin, Tengku Intan dan Mohd Noor (2016), menyatakan kaedah triangulasi boleh digunakan dalam kajian kualitatif. Data yang dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen dapat dilakukan melalui triangulasi di antara kaedah dengan menggunakan pelbagai teknik. Dalam ini, penyelidik perlu menyertakan bukti daripada pemerhatian, temu bual sebagai sumber bukti kajian yang merangkumi maklumat yang sama. Meriam (2001) Proses ini akan

diulang beberapa kali melalui pemerhatian dan diikuti dengan temu bual terhadap setiap responden kajian. Hal ini kerana, melalui pengulangan ini, perubahan dalam responden dapat diperhatikan. Hasil dapatan daripada kaedah akan lebih sahih dan tidak dapat diragui. Triangulasi antara kaedah ini dapat meningkatkan hasil dapatan data yang membolehkan penyelidik membanding keputusan yang dikumpul daripada pelbagai sumber yang lain.

3.10. Data Pemerhatian

Penyelidik akan melakukan pemerhatian di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Sepang. Penyelidik melakukan pemerhatian pada hari persekolahan biasa semasa waktu mata pelajaran bahasa Tamil. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) dalam kajian kualitatif, penyelidik akan melakukan pemerhatian berperanan yang mana pemerhatian ini melibatkan proses kajian yang menentukan interaksi sosial antara penyelidik dengan subjek kajian. Kidder (1981) menyatakan kaedah pemerhatian boleh dibahagikan kepada empat bahagian tujuan kajian digunakan bagi mencapai objektif kajian, perancangan rapi dibuat, data dapat direkodkan dengan betul dan kesahan dan kepercayaan kajian dapat ditentukan (Sakinah Ismail Zarawi, 2012).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik pemerhatian melalui penglibatan (*Participant Observation*) yang mana penyelidik telah melibatkan diri dan memainkan peranan sebagai guru semasa kajian dijalankan. Penyelidik telah merakam aktiviti pembacaan dengan menggunakan perakam video yang mana rakaman video dijadikan sebagai bukti kajian penyelidik. Penggunaan alatan rakaman seperti perakam video membolehkan penyelidik merakam semua perkara yang penting yang berlaku di kawasan penyelidikan mengutip data supaya tidak berlaku keciciran data (Piaw, 2006). Penyelidik tidak akan mengalami sebarang

kesukaran semasa menjalankan kaedah ini kerana penyelidik sendiri mengajar mata pelajaran tersebut. Oleh itu, penyelidik dapat mengumpul data semasa mengajar kelas tersebut. Penyelidik mencatatkan semua maklumat dengan memerhatikan setiap perkara semasa perbualan dengan responden. Penyelidik membuat senarai semak berdasarkan objektif kajian supaya menjadi panduan dan memudahkan penyelidik semasa membuat pemerhatian.

Penyelidik menyediakan kod bagi setiap hasil video yang dirakam untuk dijadikan sebagai rujukan. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan contoh pengkodan yang digunakan oleh penyelidik.

Jadual 3.1

Pengkodan Video Kajian

Pengkodan	Kod	Huraian
VH1/M1/K1- 20/8	VH1 M1 K1 20/8	• Merujuk kepada video hari pertama • Merujuk kepada murid 1 • Merujuk kepada kali pertama • Merujuk kepada tarikh merakam video

3.10.1. Data Temu Bual

Dalam pengumpulan data kualitatif, salah satu instrumen yang penting ialah kaedah pemerhatian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Penyelidik menggunakan kaedah temu bual sebagai satu instrumen kajian dalam mengumpulkan data kajian.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik temu bual mendalam yang melibatkan penyelidik dengan subjek kajian. Penyelidik telah menemu bual dua orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil. Penyelidik terlebih dahulu memperkenalkan diri masing-masing sebelum memulakan sesi temu bual. Teknik

temu bual yang dijalankan oleh penyelidik teknik bersemuka dan tidak mematuhi protokol. Penyelidik sentiasa membuat catatan ringkas pada ruangan yang disediakan sekiranya terdapat maklumat-maklumat tertentu atau yang kurang jelas. Responden kajian akan ditanyakan soalan yang disediakan mengikut urutan yang disediakan oleh penyelidik.

Penyelidik menjalankan temu bual dalam dua fasa. Dalam fasa yang pertama penyelidik menanya soalan yang berkaitan mengenai pengajaran mata pelajaran bahasa Tamil. Dalam fasa kedua, soalan yang dikemukakan oleh penyelidik berkaitan dengan penggunaan *Comic Strips* dalam pembacaan teks bahasa Tamil. Penyelidik merakamkan keseluruhan sesi temu bual supaya segala butiran temu bual tidak tercicir. Rakaman dibuat dengan menggunakan alat perakam Audio MP3. Jadual 3.2 merupakan draf temubual yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian.

Jadual 3.2

Draf Temubual Kajian

Bil	Jenis Soalan	Huraian	Contoh	Catatan
1.	Soalan Pengenalan	Pengenalan peserta kajian	“Salam sejahtera, bolehkah cikgu memperkenalkan diri terlebih dahulu?”	
2.	Soalan Transisi	Soalan berkaitan dengan kajian yang dijalankan dan meminta responden memberikan maklum balas terhadap pengetahuan yang sedia ada mengenai perkara tersebut.	“Pernahkan cikgu mengetahui mengenai penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam proses pengajaran dan pembelajaran?” “Bolehkah cikgu berkongsi tentang kaedah pengajaran yang digunakan untuk membaca teks Bahasa Tamil?”	
3.	Soalan Kunci	Soalan berkaitan dengan jawapan kepada soalan	“Bagaimanakah cara untuk membantu murid membaca teks Bahasa Tamil?”	

Jadual 3.2 Draf Temubual Kajian (sambungan)

		kajian	“Pada pendapat cikgu, apakah kebaikan penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam pembacaan teks Bahasa Tamil?”
4.	Soalan Tambahan	Soalan kepastian yang berkaitan dengan kajian penyelidikan	“Pada pendapat cikgu, berapa lamakah masa yang diambil oleh murid untuk membaca teks Bahasa Tamil?”
5.	Soalan Penutup	Soalan yang berkaitan dengan ulasan dan pendapat responden kajian	“Adakah cikgu ingin memberikan pendapat lain kepada soalan yang ditanyakan sebentar tadi?”

Penyelidik telah menyediakan kod bagi setiap temu bual untuk dijadikan sebagai rujukan. Jadual 3.3 merupakan contoh pengkodan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.3

Pengkodan Temu Bual

Pengkodan	Kod	Huraian
RK(1)-20/8	RK (1) 20/8	• merujuk kepada responden kajian • merujuk kepada temu bual pertama • merujuk kepada tarikh diadakan temu bual

Penyelidik akan mencatat setiap maklum balas yang diberikan oleh responden dengan teliti. Proses ini mempunyai tiga peringkat dimana pada peringkat pertama penyelidik akan mentranskrip data temu bual dengan menganalisisnya dengan mendengar daripada rakaman suara. Pada peringkat kedua, penyelidik telah mencatat maklumat dalam bentuk kod untuk dianalisis. Pada peringkat ketiga, penyelidik telah

membuat rumusan bagi setiap item soal yang ditanya kepada responden kajian. Kesimpulan akan dibuat untuk menyokong keputusan dengan menganalisis hasil dapatan kajian.

3.10.2. Data Senarai Semak

Senarai semak yang digunakan oleh penyelidik adalah terdiri daripada senarai semak pembacaan teks bahasa Tamil. Senarai semak ini ditanda selepas melihat aspek yang diuji oleh penyelidik. Senarai semak dirujuk di bahagian lampiran. Penyelidik telah menyediakan kod bagi setiap senarai semak untuk dijadikan sebagai rujukan. Jadual 3.4 menunjukkan contoh pengkodan hasil senarai semak yang diperoleh dari kajian ini.

Jadual 3.4

Pengkodan Senarai Semak

Pengkodan	Kod	Huraian
SS/M1-20/8	SS M1 20/8	• merujuk kepada senarai semak • murid 1 • merujuk kepada tarikh membuat catatan

3.10.3. Data Nota Lapangan

Penyelidik telah membuat nota lapangan semasa responden-responden kajian membaca teks. Hasil pemerhatian yang dicatatkan oleh penyelidik dijadikan sebagai nota lapangan dalam kajian ini. Nur Fatin Fariha Zarawi (2012) menyatakan penggunaan nota lapangan membolehkan penyelidik mendapat maklumat terperinci dan pemahaman mendalam tentang pelaksanaan kajian. Diyana (2015) menyatakan nota lapangan ini boleh berada dalam bentuk deskripsi, peta minda atau rekod oleh penyelidik. Penyelidik menyediakan nota lapangan yang mempunyai kriteria seperti

lokasi pemerhatian, tingkah laku murid sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran, perubahan dan nada suara murid semasa membaca teks. Ini boleh dirujuk pada borang pemerhatian (Lampiran)

Penyelidik menjelaskan lebih lanjut mengenai kaedah penganalisaan data dengan menggunakan instrument kajian seperti PM (pemerhatian), TB (temu bual) dan DK (dokumen) seperti jadual 3.6 yang dipaparkan di bawah:-

Jadual 3.5

Matriks Metodologi Kajian Berdasarkan Soalan Kajian

Soalan Kajian	Instrumen Kajian			Penganalisaan
	PM	TB	DK	
1. Sejauh manakah penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil?	√		√	Perbandingan
2. Sejauh manakah penglibatan penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat?	√	√	√	Perbandingan
3. Adakah penggunaan <i>Comic Strips</i> dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil meningkatkan penguasaan murid?	√	√	√	Perbandingan

3.11. Kesahan dan Kebolehpercayaan

Cohen, Manion dan Morrison (2000) menjelaskan bagi memastikan kerberkesanan sesuatu kajian, kesahan memainkan peranan yang penting. Dalam kajian ini, penyelidik memastikan kesahan dengan mengubah soalan, menstruktur semula ayat, mencari kesalahan ejaan sebelum diberi kepada responden kajian. Othman (2006) menjelaskan gambaran jelas mengenai peristiwa atau suasana yang dikaji menjadi petunjuk kepada sesuatu kajian. Dalam kajian ini, penyelidik terlebih dahulu membuat semakan dengan seorang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Tamil mengenai isi kandungan soalan temu bual bagi mendapatkan kesahan alat pengukuran. Dengan ulasan yang diberikan oleh pakar tersebut, penyelidik mengubah suai soalan temu bual sebelum diberi kepada responden kajian.

Kamarul Azmi Jasmi (2012) menerusi Fraenkel dan Wallen (1996) menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian dapat ditentukan melalui instrumen kajian. Kaedah seperti memastikan ukuran yang digunakan mempunyai semua ciri berkaitan dengan konsep dan mengukur ketepatan sesuatu ukuran dapat menentukan kesahan sesuatu kajian.

Kesahan instrumen juga digunakan bagi tujuan seperti berikut:-

- I. *Defensibility* – Ketahanan atau maklumat bagi mendapatkan hasil kajian yang betul dan tepat.
- II. *Accurancy* – Ketepatan dalam menjawab soalan kajian.
- III. *Appropriatetness* – Kesuaian instrumen yang berkaitan dengan tujuan kajian.
- IV. *Meaningfulness* - Pemberian makna yang tepat terhadap data yang dikumpul.
- V. *Usefulness* – Kebolehan membuat keputusan berkaitan dengan soalan dan hasil melalui keputusan dan penilaian yang tepat yang boleh mengukur pembolehubah yang hendak diukur.

VI. *Usefulness*- suatu keadaan dimana keputusan boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai cara berdasarkan penilaian. Keadaan membolehkan keputusan yang dibuat boleh memberi maklumat yang tepat mengenai tajuk yang ingin dikaji

Sabitha (2005) menjelaskan kebolehpercayaan sesuatu kajian dapat ditentukan melalui soal selidik yang menjadi alat ukur kajian. Kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian digunakan bagi mengetahui ukuran yang digunakan dapat memberikan yang tepat apabila mengukur kaedah yang kepada sampel atau responden kajian. Kebolehpercayaan data kualitatif melalui pemerhatian mempunyai ketekalan. Ketekalan merujuk kepada dapatan data yang terbahagi kepada dua iaitu ketekalan dalaman dan luaran. Ketekalan luaran merujuk kepada pengedahan melalui pemerhatian yang menggunakan pelbagai kaedah. Manakala, Bogdan dan Biklen (2003) menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan melibatkan beberapa langkah seperti pengesahan soalan pakar, triangulasi data, nota atau catatan nota lapangan serta pengesahan daripada penyelia yang boleh digunakan oleh penyelidik dalam kajian kualitatif.

Selain itu Osman (2009) menyatakan hasil dapatan sesuatu kajian membolehkan penyelidik mengetahui gambaran dengan tepat dan kesahan dalam kajian kualitatif juga dapat membantu dalam kajian. Chua (2006) menjelaskan dalam kajian kualitatif dapatan kajian boleh diterima menerima persetujuan daripada orang yang lebih berpengalaman. Lincoln dan Guba (1985) dalam Osman (2009) menyatakan dalam kajian kualitatif penyelidik memberi tumpuan dalam menyediakan deskripsi mengenai isi kajian berbanding dengan isu sebenar bagi mendapatkan kesesuaian dalam situasi yang dihadapi oleh penyelidik. Penyelidik yang menjalankan kajian kualitatif perlu memastikan tiada sebarang keraguan ada

pada dapatan kajian dengan mengumpul bukti yang kukuh semasa menjalankan kajian. Hal ini bagi mengelakkan berlaku percanggahan dapatan data yang tidak tepat (Supriyana Johan, 2013).

Chua (2006) menjelaskan kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan ialah apabila pengukuran yang sama diulang, kajian itu akan memperoleh nilai serupa. Walau bagaimanapun, dalam kajian kualitatif yang mana data yang tidak statik menyebabkan kebolehpercayaan adalah sukar untuk ditentukan dengan tepat walaupun kajian melalui beberapa pengulangan. Oleh itu, beberapa kaedah dikenal pasti bagi mengatasi situasi ini seperti penggunaan kaedah triangulasi, analisis data dengan perisian Nvivo, pemeriksaan data oleh rakan yang berpengalaman, pemerhatian yang berulang dengan nota yang terperinci bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data penyelidikan dalam penyelidikan (Supriyana Johan, 2013).

Pengesahan dengan tanda tangan terhadap data yang dikutip boleh meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif utama yang dikutip oleh penyelidik (Bogdan & Biklen, 2003). Kaedah seperti rakaman yang dijalankan oleh penyelidik dalam kajian ini boleh dibahagikan dua iaitu rakaman suara dan rakaman video. Penyelidik menggunakan rakaman suara semasa menjalankan sesi temu bual dengan izin responden kajian. Manakala, rakaman video dijalankan tanpa pengetahuan responden. Rakaman video dijalankan bagi mendapatkan perubahan kelakuan dan ekspresi muka responden kajian semasa menjalankan kajian. Laporan dalam bentuk nota lapangan disediakan yang mana penyelidik mentranskrip rakaman suara setiap responden. Penyelidik menyerahkan salinan teks yang ditranskrip yang mempunyai isi perbualan kepada responden kajian. Data temu bual yang telah

disahkan oleh responden ini menjadi kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data meningkat.

Semua method yang digunakan untuk mengambil data selalunya dibincangkan dengan penyelia. Perbincangan dengan penyelia membolehkan penyelidik dapat membetulkan kesalahan yang ada pada item-item soalan temu bual serta memperoleh maklumat balas dengan sempurna.

3.12. Etika Kajian

Idris (2010) menyatakan etika sebagai aspek yang penting bagi menjalankan sesuatu kajian tindakan pendidikan di mana subjek penyelidikan terdiri daripada penglibatan manusia. Selain itu, bagi mengatasi masalah peserta penyelidikan tidak dibebani sebarang masalah, penyelidik perlu mengambil kira (Kassim, 2015). Oleh itu, etika dalam penyelidikan merupakan langkah-langkah penyelidik yang perlu dipatuhi supaya kajian yang dijalankan adalah betul dan tepat.

Antara etika yang dipatuhi dalam kajian ini adalah bagi mendapatkan persetujuan daripada penyelidik dalam data yang diberi yang mana penyelidik dapatkan kebenaran dalam bentuk lisan dan bertulis daripada responden kajian. Penyelidik memberi Surat Kebenaran Subjek Kajian seperti yang terdapat dalam Lampiran C. Selain itu, bagi tidak menjejaskan maklumat responden tidak terjejas, penyelidik merahsiakan nama responden. Butiran seperti nama, latar belakang, lokasi kajian dan dapatan hasil telah dirahsiakan dan menggunakan kod-kod tertentu penyelidik terlebih dahulu maklumkan kepada responden kajian.

3.13. Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah kajian dimana penyelidik menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif dianggap paling sesuai untuk mengkaji dan memahami penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil. Penyelidik berharap kaedah kajian ini memudahkan penyelidik melihat keberkesanan penggunaan *Comic Strips* terhadap murid-murid tahun empat. Hasil dapatan dalam kajian ini akan dibincang dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1. Pendahuluan

Pada kajian ini, penyelidik telah menggunakan pelbagai instrumen untuk mencapai objektif kajian. Penyelidik menggunakan instrumen kepada responden kajian untuk melihat hasil sama ada sesuai untuk digunakan dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil atau sebaliknya. Oleh itu, bagi mencapai objektif tersebut, antara instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti pemerhatian, temu bual dan senarai semak. Instrumen ini digunakan secara satu persatu bagi melancarkan proses kajian yang dijalankan. Penyelidik telah menjalankan kajian ke atas empat orang murid tahun empat yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil.

Penyelidik juga menyediakan borang temu bual dan pemerhatian bagi menganalisis kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan menggunakan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat. Sejurus itu, penyelidik juga telah mengadakan sesi temu bual dengan dua orang guru bagi menjawab soalan dan memberikan pandangan tentang tajuk serta persoalan kajian. Kedua-dua orang guru ini mempunyai pengalaman mengajar lebih 15 tahun mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.

Pemerhatian merupakan satu sumber penting yang dijalankan dalam sesuatu kajian untuk mendapatkan data secara langsung. Hal ini kerana, perkara yang dianggap penting untuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat ditemui dan data ini akan memberi pemahaman dan penjelasan yang dapat membantu kajian. Pemerhatian dapat merekodkan melalui kelakuan responden kajian semasa kajian lapangan dilaksanakan serta maklumat yang tidak dapat dinyatakan oleh responden

semasa sesi temu bual (Teh, 2015). Pemerhatian kelas merupakan salah satu sumber utama bagi meneliti kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat untuk data kajian. Menurut Rensburg (2007) bagi mendapatkan perkara atau keadaan yang benar berlaku dalam bilik darjah, kaedah pemerhatian merupakan langkah perlu diamalkan dalam sesuatu kajian. Selain itu, nota lapangan juga dikenali sebagai data yang diperolehi melalui pemerhatian yang mengandungi maklumat mengenai apa yang diperhatikan. Senarai semak telah digunakan semasa pemerhatian dijalankan supaya penyelidik dapat melihat kelakuan dan perkembangan positif atau negatif oleh responden kajian. Selain itu, video dan gambar juga digunakan semasa membuat pemerhatian dan kamera ditutup dengan buku supaya murid tidak menyedari bahawa rakaman sedang berlangsung. Pemerhatian kajian ini bersifat *Participant Observation* dimana penyelidik melibatkan diri dan memainkan peranan sebagai guru semasa kajian dijalankan.

4.2. Analisis Pemerhatian

Dalam kajian ini, bagi merekod perubahan tingkah laku murid, penyelidik melakukan pemerhatian semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Instrumen pemerhatian dalam bentuk borang digunakan oleh penyelidik. Berikut adalah Gambar Rajah yang menunjukkan keadaan responden kajian semasa proses pengajaran berlaku:



Gambar 4.1 Aktiviti membaca teks Bahasa Tamil



Gambar 4.2 Aktiviti membaca teks Bahasa Tamil

Gambar 4.1 dan 4.2 di atas menunjukkan aktiviti membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat. Pemerhatian satu telah dilakukan semasa proses pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan teks bacaan tanpa *Comic Strips*. Semasa sesi pemerhatian dijalankan kepada responden kajian, penyelidik telah

merakam video dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Penyelidik mendapati bahawa semua responden kajian bekerjasama sepanjang kajian dijalankan.

Dalam kajian ini, penyelidik bertindak sebagai guru. Penyelidik menggunakan instrumen pemerhatian dalam bentuk berstruktur yang berada dalam bentuk borang pemerhatian yang menggunakan jawapan “Ya” atau “Tidak”. Melalui data yang diperoleh, penyelidik dapat melakukan penerimaan murid terhadap kemahiran membaca teks bahasa Tamil. Analisis pemerhatian semasa proses PdP tanpa menggunakan *Comic Strips* ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.1 di bawah :

Jadual 4.1

Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Tanpa Menggunakan Comic Strips

Bil	Item	Ya	Tidak
1	Kesedaran murid dalam kelas sebelum waktu PdP bermula	2	2
2	Murid memberi perhatian semasa guru mengajar	2	2
3	Murid membaca teks bacaan yang diedarkan.	0	4
4	Murid dapat membaca teks dengan lebih mudah	0	4
5	Emosi murid sepanjang PdP berlaku	2	2

Berdasarkan jadual 4.1, didapati hanya dua responden kajian yang berada dalam keadaan bersedia untuk memulakan sesi pembelajaran selepas guru memasuki kelas. Hanya dua responden yang memberi perhatian terhadap pengajaran guru. Tiada responden yang membaca teks yang diedarkan oleh guru dan mengambil masa yang lama untuk memberi tumpuan dalam pelajaran. Keempat-empat responden kajian tidak dapat membaca teks dan menunjukkan sukar untuk mengingat


perkataan dalam teks yang diedarkan. Analisis pemerhatian semasa proses PdP selepas penggunaan *Comic Strips* ditunjukkan seperti jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2

Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Selepas Menggunakan Comic Strips

Bil	Item	Ya	Tidak
1	Kesedaran murid dalam kelas sebelum waktu PdP bermula	4	0
2	Murid memberi perhatian semasa guru mengajar	4	0
3	Murid membaca teks bacaan yang diedarkan.	4	0
4	Murid dapat membaca teks dengan lebih mudah	4	0
5	Emosi murid sepanjang PdP berlaku	4	0

Berdasarkan jadual 4.2, didapati bahawa penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil menarik minat responden semasa PdP. Sebelum permulaan sesi pembelajaran responden berada dalam keadaan bersedia dan memberi perhatian yang sepenuhnya pada sesi pengajaran. Responden juga lebih bersedia dan tidak mengalami kesukaran untuk membaca teks bacaan. Responden lebih seronok dengan pengajaran yang dijalankan.



Rajah 4.1 Analisis Pemerhatian Semasa Proses PdP Tanpa dan Dengan Menggunakan Comic Strips

Berdasarkan rajah 4.1, boleh dijelaskan pada item1, semua responden berada dalam keadaan bersedia untuk memulakan sesi pembelajaran selepas menggunakan *Comic Strips* jika dibandingkan sebelum menggunakan *Comic Strips* yang mana hanya dua orang responden yang berada dalam keadaan bersedia. Selain itu, pada item ke -2, dapat diperhatikan kesemua responden memberi perhatian semasa sesi pembelajaran berlangsung berbanding apabila dua orang responden sahaja yang memberi perhatian sebelum penggunaan *Comic Strips*. Pada item 3, semua responden melibatkan diri secara aktif dalam sesi pengajaran membaca teks selepas menggunakan *Comic Strips* dalam teks bacaan yang diedarkan. Begitu juga dengan item 4, yang mana responden dapat membaca teks dengan lancar tanpa menghadapi sebarang masalah. Seterusnya, item 5 menunjukkan responden seronok membaca teks dan penggunaan *Comic Strips* menarik minat responden untuk membaca dengan

lebih lancar. Berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang proses pengajaran, murid-murid dilihat sangat gembira dan seronok membaca teks yang diubah suai dalam bentuk *Comic Strips*. Justeru, dalam aktiviti ini, penyelidik telah berjaya mengembangkan kemahiran membaca murid. Gambar 4.3 dan Gambar 4.4. menunjukkan contoh teks bacaan dan aplikasi yang digunakan oleh penyelidik:

சீனர்களின் முக்கிய விழா சீனப்புத்தாண்டு ஆகும். சீனப்புத்தாண்டின் முதல் நாள் இரவு குடும்ப உறுப்பினர்கள் அனைவரும் சேர்ந்து உணவு உண்பர். அன்றைய தினத்தில் இளையவர்கள் பெரியவர்களிடம் 'அன்பாவ்' பெறுவர். புத்தாண்டின் அன்று அதிர்ஷ்டத்தைத் தரும் சிவப்பு நிற ஆடைகளை அணிவர். இவ்விழாவின் போது வாழ்வில் எல்லா வளங்களையும் பெற ஆரஞ்சுப் பழச்செடியை வீட்டில் வைப்பர். அவர்களின் நாள்காட்டி பன்னிரண்டு விலங்குகள் அடிப்படையில் அமைந்திருக்கும்.



Rajah 4.2 Contoh Petikan Teks Bahasa Tamil

Perayaan tahun baru Cina adalah perayaan utama yang disambut oleh masyarakat Cina. Pada hari pertama sebelum perayaan, semua ahli keluarga akan berkumpul dan akan mengadakan majlis makan malam. Semasa hari perayaan, orang dewasa akan memberi “Ang Pau” kepada kanak-kanak. Masyarakat Cina juga akan memakai pakaian yang berwarna merah. Selain itu, pokok mandarin diletakkan dalam rumah. Kalender masyarakat Cina juga didasarkan pada dua belas ekor haiwan



Rajah 4.3 Contoh Inteprestasi Petikan Teks Bahasa Tamil

SINAPPUTHANDU

Created By SHANTHINI SREE



This comic strip was created at MakeBeliefsComix.com. Go there to make one yourself!

Rajah 4.4 Aplikasi yang Digunakan untuk Mengubah Teks Bacaan Bahasa Tamil

Semasa sesi pemerhatian dijalankan, penyelidik telah merakam video dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Penyelidik mendapati bahawa kesemua responden kajian bekerjasama sepanjang kajian dijalankan. Empat-empat responden kajian didapati menunjukkan keputusan yang baik pada hari keempat aktiviti membaca teks.

Video VHI/R/K1 menunjukkan kesemua responden mengalami kesukaran untuk membaca teks yang diedarkan. Video VH3/R/K4 menunjukkan kesemua responden dapat membaca teks dengan mudah dengan penggunaan *Comic Strips* dalam teks yang diedarkan. Pemerhatian penyelidik terhadap video ini menunjukkan responden kajian berjaya membaca teks dengan mudah melalui penggunaan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil.

Boleh dirumuskan bahawa pemerhatian dalam kajian amat penting dalam pengumpulan data. Oleh itu, pemerhatian ini dijadikan bukti sebagai kelakuan yang sebenar yang ditunjukkan oleh responden sepanjang kajian dijalankan. Melalui pemerhatian juga, penyelidik dapat melihat sikap responden sepanjang kajian dijalankan.

4.3. Analisi Temu bual

Hasil kutipan maklumat yang seterusnya adalah melalui kaedah temu bual guru. Melalui hasil kutipan ini, responden menerangkan peningkatan kemahiran membaca teks bahasa Tamil murid tahun empat dengan penggunaan *Comic Strips* dengan lebih terperinci. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab 3, penyelidik telah menemu bual 2 orang guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Analisis data sesi temu bual dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:-

I. Bahagian satu

Soalan berkaitan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil Tahun 4.

II. Bahagian dua

Soalan berkaitan kaedah-kaedah yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca teks bahasa Tamil.

III. Bahagian tiga

Soalan berkaitan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil tahun empat.

4.3.1. Soalan kajian 1: Sejauh manakah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil?

Persoalan pertama ialah “Sejauh manakah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil?” Penyelidik bertanya kepada responden bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut, “Bagaimanakah cara untuk membolehkan kemahiran membaca dalam kalangan murid meningkat terutamanya membaca teks bahasa Tamil?” Maklumat yang diperoleh hasil temu bual dalam kajian ialah pendapat guru yang lebih berpengalaman.

Kaedah pengajaran seperti penggunaan bahan interaktif membantu murid untuk mengubah sikap, tingkah laku, memperoleh ilmu pengetahuan, menanam minat yang murid. Golongan guru harus menyediakan diri dalam menyampaikan proses pengajaran yang dapat mengatasi masalah keupayaan murid dan dapat meningkatkan minat dan cara fikiran muridnya. Tugas seorang guru adalah untuk melaksanakan kaedah pengajaran dengan mudah dan murid faham apa diajar dengan senang yang mana ia boleh menarik minat murid. Murid meluaskan ilmu pengetahuan dengan mudah dan dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka

melalui pemilihan kaedah pengajaran yang betul. Menurut responden kajian R1, menyatakan semasa proses pengajaran, pelbagai kaedah perlu dipraktikkan seperti berikut:

“Ok....Kita boleh mengamalkan kaedah-kaedah seperti „role play“, „pair reading“ dimana proses pembacaan berlaku secara berpasangan dan murid-murid akan menolong antara satu sama” (R1/28/5/18).

Begitulah juga bagi responden kajian R2, yang mana beliau menjelaskan petikan yang rumit akan diubah dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid. Beliau menjelaskan:

“Seperti yang saya katakan tadi, saya selalunya akan meringkas, memudahkan teks itu dalam bentuk „peta minda“ dan „bubble map“ dengan meringkaskan isi penting dari teks supaya budak lebih memahami teks tersebut” (R2/30/5/18).

Seterusnya, bagi responden kajian R1, juga berpendapat jika guru dapat menyelitkan unsur-unsur yang boleh menarik minat murid, proses pengajaran akan berlaku secara berkesan seperti penggunaan *Comic Strips*. Responden R1 menyatakan:

“Comic Strips patut digunakan sebab ia mengandungi satu siri gambar di dalam kotak yang mempunyai cerita yang boleh menarik minat murid.”(R1/28/5)

Responden kajian R2, menjelaskan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang menarik membolehkan murid baca teks dengan tekun dan ia merupakan kebijaksanaan guru dalam meningkatkan bakat bagi menjadikan pengajaran lebih seronok. Hal ini dinyatakan oleh responden kajian R2:

“Ok...boleh juga. Idea yang bagus kalau ada Comic Strips dengan watak-watak komik dan perbualan yang mungkin murid akan lebih berminat hanya sebab ada watak-watak kartun dalam itu.”(R2/30/5/18)

4.3.2. Soalan kajian 2: Sejauh manakah penglibatan penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat?

Penyelidik juga menyelidik hasil temu bual bagi mendapatkan penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat. Dapatan kajian mendapati responden kajian mudah memahami, berasa seronok dan pengajaran dapat diterima dengan mudah dengan menyatakan pandangan mereka. Penjelasan dan penerangan yang mudah dapat diterima oleh murid. Responden kajian R1, juga membandingkan teks bacaan bahasa Tamil dengan teks bahasa Inggeris seperti berikut:

“Hmmm...sebagai contohnya baru-baru ini, dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, kementerian telah menggantikan buku teks dengan buku „Supr Minds” dimana kebanyakan teks bacaan dalam buku ini terdiri daripada Comic Stripsdialog-dialog yang menarik minat murid.Hmm...jadi, penggunaan Comic Strips dalam kemahiran membaca teks boleh menyebabkan murid-murid tahun empat untuk membaca teks dengan lebih mudah dan meminatinya.”(R1/28/5/18)

Seterusnya bagi responden kajian R2 berpendapat penggunaan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil tahun empat memudahkan mereka baca tanpa rasa susah. Gabungan kaedah sebegini dalam bacaan teks bahasa Tamil akan menghasilkan kesan yang baik dalam sesuatu proses pembacaan. Beliau berpendapat:

“Hmmm... selalunya kalau dalam buku teks kita tengok dia ada petikan secara linean macam teks sahaja jadi jika kita menggunakan Comic Strips hmmm... dia akan menjadi lebih menarik dan minat murid bertambah dan murid berminat dalam watak kartun dimana teks yang nak disampaikan. Secara langsung murid akan mula menjadikan amalan membaca sebagai satu tabiat dalam kalangan mereka.”(R2/30/5/18)

Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil membuktikan penggunaan *Comic Strips* dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Murid-murid tahun empat juga menunjukkan minat terhadap penggunaan *Comic*

Strips dalam membaca teks. Kedua-dua responden bersetuju dengan penggunaan *Comic Strips* dapat meningkatkan minat murid dalam membaca teks bahasa Tamil. Murid mudah memahami isi kandungan teks yang diajar dan berasa seronok belajar semasa berada dalam kelas.

4.3.3. Soalan kajian 3: Adakah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil meningkatkan penguasaan murid?

Pada soalan kajian ini penyelidik mendapati responden kajian memberi pandangan mengenai hasil penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam meningkatkan penguasaan murid. Responden kajian menyatakan wujud perubahan positif dalam kalangan murid dengan menggunakan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil. Bagi responden kajian R1, berpendapat *Comic Strips* mampu meningkatkan kemahiran membaca murid. Keberkesanan langkah ini boleh dilihat dalam kata-katanya:

“Hmmm... Comic Strips ini ialah teks yang merangkumi gambar-gambar dan illutrasi-illutrasi yang menarik di mana ia akan dapat menarik minat murid untuk membaca. Jadi...hmmm... Mereka akan mengambil inisiatif sendiri untuk membaca petikan itu.”(R1/28/5/18)

Responden kajian R1, berpendapat penggunaan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil membolehkan murid mengambil usaha sendiri untuk membaca apa yang cuba diterangkan dalam petikan.

Seterusnya, responden kajian R2 berpendapat sesi pengajaran dapat dijalankan dengan baik melalui gabungan kaedah yang diaplikasikan serta boleh menarik minat murid. Beliau menyatakan:

“Hmm...Ya....saya rasa ia dapat menarik minat....Comic Strips ini kadang-kadang boleh menarik minat murid itu untuk membaca, jadi secara tak langsung dia bolehlah menambah baikkan proses pembelajaran.”(R2/30/5/18)

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa pendapat dua orang guru sebagai responden kajian ini, berpendapat penggunaan *Comic Strips* ini mewujudkan kesan positif dan menambahkan kemahiran membaca teks murid-murid tahun empat. Pengajaran yang disampaikan menarik dan mudah difahami ini boleh menggalakkan murid untuk menerokai ilmu pengetahuan yang baru dan sentiasa menunggu sesi pembelajaran yang seterusnya. Selain itu, ia juga memberi kesan yang positif dalam tingkah laku murid yang mana pemerhatian dapat dibuat tanpa melibatkan keputusan peperiksaan.

4.4. Analisis Senarai Semak

Selain video, penyelidik telah menyediakan senarai semak untuk memudahkan penyelidik menulis maklumat daripada keempat-empat responden kajian. Contoh senarai semak pembacaan teks bahasa Tamil seperti dalam lampiran.

Dalam senarai semak pembacaan teks bahasa Tamil, Murid 1 dan Murid 2 didapati tidak boleh mengenali huruf bahasa Tamil. Penyelidik mendapati pada hari pertama Murid 1 dan Murid 2 mencapai tahap yang sederhana dalam membaca teks yang diedarkan. Namun selepas penyelidik mengubah teks bacaan dalam bentuk *Comic Strips* Murid 1 dan Murid 2 didapati boleh membaca teks dengan baik (SS/M1-25/8/18). Manakala Murid 3 dan Murid 4 didapati boleh mengenali huruf dan boleh membaca teks.

Berdasarkan senarai semak pembacaan teks, Murid 2 tidak mempunyai pengalaman terdahulu iaitu murid 2 tidak pernah mengenali huruf bahasa Tamil di mana penyelidik mendapati Murid 2 mencapai tahap yang lemah dalam mengingat teks bacaan tersebut. Namun begitu, pada hari keempat dan kelima Murid 2 telah

mencapai tahap baik dalam membaca teks bacaan dengan penggunaan *Comic Strips* (SS/M2-2/9/18).

Berdasarkan senarai semak pembacaan teks bahasa Tamil, Murid 3 dan Murid 4 mempunyai pengalaman terdahulu yang mana kedua-dua murid mengenali huruf bahasa Tamil. Murid 4 dan Murid 5 didapati mencapai tahap yang baik dalam membaca teks tersebut. Namun begitu, pada hari keempat dan kelima didapati murid 3 dan murid 4 mencapai tahap yang baik dalam membaca teks bacaan selepas diubah suai dalam bentuk *Comic Strips*.

Menerusi penggunaan senarai semak ini, rumusan yang dapat dibuat ialah kandungan dalam senarai semak akan perlu dikembangkan bagi mendapatkan hasil yang boleh diterima dan difahami umum. Oleh itu, setiap kandungan terdapat dalam senarai semak yang digunakan penyelidik perlu sesuai dan menepati terhadap kajian penyelidik.

4.5. Kesimpulan

Pada bab ini, penyelidik telah menjelaskan hasil daripada dapatan dikumpulkan melalui pelbagai cara yang berkaitan dengan kajian. Dapatan kajian juga selaras dengan objektif kajian ini. Selain itu persoalan kajian dalam kajian ini mengutamakan tiga persoalan seperti penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil, penggunaan *Comic Strips* dan hasil penggunaan *Comic Strips*. Kaedah triangulasi digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan secara kualitatif. Selain itu, kaedah pemerhatian sebelum dan selepas digunakan sebagai dapatan kajian bagi penyelidikan penggunaan *Comic Strips* dalam teks bacaan bahasa Tamil serta rekod temu bual dengan responden kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian, boleh dikatakan bahawa pencapaian murid dalam membaca teks

bahasa Tamil sebelum dan selepas menggunakan *Comic Strips* mengalami perubahan dan pencapaiannya adalah lebih baik selepas menggunakan *Comic Strips*. Selain itu, berdasarkan hasil dapatan kajian juga, boleh dirumuskan responden kajian yang terlibat berasa seronok dan minat untuk membaca teks yang menggunakan *Comic Strips* berbanding sebelumnya dimana menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan penerimaan murid terhadap penggunaan *Comic Strips*. Diharap dengan penggunaan *comic strip* boleh menambah minat murid-murid dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dan menjadikan mata pelajaran bahasa Tamil diminati oleh semua golongan murid. Perbincangan dan kesimpulan kajian akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1. Pendahuluan

Dalam Bab ini, perbincangan berkaitan dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dalam Bab 4. Selain itu, perbincangan juga diagihkan kepada ringkasan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, ulasan kajian dan cadangan dan kajian lanjutan yang boleh dilakukan terhadap mata pelajaran lain dan diakhiri dengan kesimpulan yang boleh merumuskan keseluruhan kajian. Selain itu, penyelidik juga mencadangkan beberapa pendapat kepada pihak yang terbabit untuk membuat kajian lanjutan. Dalam Bab 4, penyelidik telah membincangkan hasil maklumat yang dikumpulkan daripada data, temu bual dan senarai semak. Selain itu, dalam bab ini beberapa cadangan telah dinyatakan oleh penyelidik yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik lain pada kajian di masa hadapan. Akhir kata, menerusi kajian ini ketiga-tiga objektif kajian yang telah ditetapkan dalam bab 1 telah dijawab.

5.2. Rumusan Hasil Kajian

Bagi mengenal pasti kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat kajian ini dijalankan. Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci, kajian kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini. Seajar dengan itu, seramai 4 orang murid tahun empat dan 2 orang guru telah dilibatkan demi mengenal pasti tahap penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil. Rumusan yang diperoleh melalui keseluruhan dapatan kajian adalah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil tahun empat amat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membaca

teks bahasa Tamil. Penggunaan grafik seperti *Comic Strips* yang mempunyai watak kartun yang mampu meningkatkan daya tumpuan murid semasa berada dalam kelas serta minat dalam mempelajari mata pelajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Jacobs (2007) yang mana beliau menyatakan komik mempunyai keupayaan untuk melibatkan murid dengan teks dan juga pembelajaran di luar bilik darjah.

5.3. Perbincangan Hasil Kajian

Tiga persoalan kajian dibincangkan bersama dengan hasil dapatan kajian yang berpandukan penggunaan *Comic Strips*. Antara hasil dapatan kajian yang diterangkan dari persoalan kajian adalah seperti berikut:

- I. Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca eks bahasa Tamil.
- II. Penerimaan penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil oleh murid-murid tahun empat.
- III. Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil meningkatkan penguasaan murid.

5.4. Penggunaan *Comic Strips* Dalam Kemahiran Membaca Teks Bahasa Tamil

Kajian ini menunjukkan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid tahun empat. Penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dapat memahirkan murid untuk mengenali huruf dan membolehkan murid teks dengan mudah. Responden dalam kajian ini menggunakan teks bacaan yang telah diubah suai dalam bentuk *Comic Strips*. Leong Hamzah (2012) turut menyokong hasil dapatan kajian yang mana *Comic Strips*

sebagai bahan visual dapat menarik minat murid dan murid senang mengingat sukatan yang diajar dalam kelas.

Hasil kajian yang dibuat mendapat penyelidik telah menggunakan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil. Semasa teks bacaan diubah dalam bentuk *Comic Strips* murid-murid menunjukkan semangat dan perhatian yang sepenuhnya. Oleh itu, penggunaan *Comic Strips* semasa pembelajaran teks dapat digunakan kepada murid-murid tahun empat mengikut kesesuaian topik yang dipelajari dalam sesi pengajaran. Penyelidik menyedari murid-murid dapat membaca teks dengan lancar dan baik dengan penggunaan *Comic Strips*. Murid-murid dapat mengingat suku kata dengan baik berbanding dengan teks dalam bentuk petikan.

Kenyataan dapat mengukuhkan melalui kajian yang dijalankan oleh Sherman dan Wright (1999) yang mana penggunaan *Comic Strips* menggalakkan pemikiran beraras tinggi serta penggabungan perkataan-perkataan dan gambar memudahkan murid mengingat petikan dengan lebih mudah.

Justeru, penggunaan *Comic Strips* pembelajaran dan pengajaran bahasa Tamil dalam kemahiran membaca teks oleh guru mampu memberi dorongan kepada murid. Pembelajaran teks dengan menggunakan *Comic Strips* meningkatkan kemahiran pencarian maklumat dalam pelbagai pencarian bahan sokongan oleh murid dalam boleh membantu murid untuk mengenali suku kata. Hal ini selaras dengan pendapat McVicker (2005) yang mana *Comic Strips* sebagai struktur teks mempunyai unsur-unsur grafik membolehkan murid memahami teks bacaan dengan mudah.

Penggunaan *Comic Strips* juga menambahkan pemahaman dan meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran membaca. Semasa pemerhatian, semua responden menunjukkan kesan yang positif semasa proses pembelajaran berlaku. Hasil dapatan kajian ini juga sama dengan kajian Kabapinar (2005) yang mana beliau

menyatakan penggunaan *Comic Strips* dalam pendekatan konstruktivis untuk mengajar konsep-konsep sains. Sejalan dengan itu, hasil kajiannya, menunjukkan murid lebih minat belajar mata pelajaran Sains.

Hasil dapatan kajian oleh Kamarul Azmi Jasmi (2007) menunjukkan penentuan terhadap sesuatu kaedah pengajaran membolehkan murid cenderung dalam mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta dapat dilihat tingkah laku dan sikap murid berubah. Murid akan menanam minat dan nilai yang diingini terhadap mata pelajaran tersebut. Bagi para guru, kaedah yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu maklumat perlu selaras dengan aras pemikiran murid. Objektif pengajaran tidak dapat dicapai dan sempurna sekiranya kaedah pembelajaran dan pengajaran tidak diubah mengikut taraf murid. Penggunaan *Comic Strips* dapat dilihat melalui respon yang positif yang ditunjukkan oleh murid semasa kajian dijalankan. Selain itu, proses pembelajaran dan pengajaran terhadap murid tahun empat, penyelidik melihat reaksi murid semasa teks bacaan diedarkan bagi tujuan mengenali minat murid agar dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang positif ditekankan dalam kajian ini.

Akhir sekali, dapat dinyatakan bahawa tahap penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil memberi impak yang baik. Selain itu, dapat dilihat hasil kajian lepas turut mengesahkan bahawa penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan guru menunjukkan tahap yang seragam dan murid-murid menerima penggunaan *Comic Strips* sebagai alat yang dapat membantu mereka membaca teks dengan lancar. Bagi guru, setiap aktiviti pengajaran perlu dipelbagaikan dan langkah pembelajaran yang boleh menarik minat murid untuk membaca teks bacaan. Kajian-kajian yang lepas juga menerangkan guru yang menggunakan kaedah pengajaran

dalam bentuk grafik dan visual membolehkan murid suka untuk mempelajari mata pelajaran tersebut.

5.5. Penerimaan Penggunaan *Comic Strips* Dalam Membaca Teks Bahasa

Tamil oleh Murid-murid Tahun Empat

Kamarul Azmi Jasmi (2012) turut menyokong hasil dapatan kajian dengan menyatakan keutamaan terhadap sesuatu kaedah pengajaran mampu merangsangkan tahap pemikiran para murid dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti serta dapat mengubah kelakuan dan minat terhadap ilmu yang dipelajari akan meningkat. Guru sebagai pendidik perlu menggunakan kaedah pengajaran aras mampu meningkatkan tahap pemikiran muridnya. Kurikulum yang tidak selaras dengan pembelajaran dan pengajaran tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Sesi pengajaran di sekolah yang dijalankan oleh guru adalah berbeza mengikut kreativiti masing-masing. Pencapaian objektif pembelajaran berkait rapat dengan penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai. Oleh itu, bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, pemilihan kaedah pengajaran yang menarik juga aspek yang penting. Penggunaan aplikasi grafik yang mempunyai watak kartun menjadikan tahap pemahaman murid bertambah dan murid menghayati pembelajaran yang berlangsung. Pamarhatian yang dilaksanakan dalam kajian ini menunjukkan murid membaca teks bahasa Tamil menggunakan kaedah *Comic Strips*, didapati murid begitu teruja dan aktif dalam membaca teks. Hal ini berbeza ketika menggunakan teks bacaan yang biasa yang mana murid kelihatan diam dan tidak mengambil apa-apa tindakan serta tidak memberi perhatian semasa membaca. Sepanjang pemerhatian dijalankan, penyelidik dapat melihat sendiri perkembangan yang dilihat daripada responden kajian. Oleh itu, hasil perkembangan positif daripada responden kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Comic Strips* ini

meningkatkan masalah yang dihadapi oleh murid dalam membaca teks. Mereka juga memahami teks bacaan yang dipelajari dalam masa yang singkat.

Selanjutnya, bahan bantu belajar yang digunakan sebagai alat sokongan pada proses pembelajaran dan pengajaran membantu murid untuk membaca teks. Dapatan ini menjamin bahawa bahan bantu mengajar adalah boleh membantu guru untuk mengajar dengan lebih baik dimana guru tidak akan bergantung sepenuhnya kepada buku teks dan papan tulis dan meluaskan kemahiran mereka dalam menggunakan media dan grafik seperti yang dinyatakan oleh Mustapha Kamal (2012). Hal ini disokong kajian oleh Ranker (2007) yang mana komik sebagai alat visual yang paling berkesan berhubung dengan bahasa dan bahan bantu mengajar.

Dalam konteks hasil analisis penglibatan penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil, penyelidik lebih melihat kepada pelaksanaan semasa proses itu berlaku. Hal ini kerana, penyelidik ingin melihat bagaimana penglibatan penggunaan *Comic Strips* menarik perhatian murid. Sepanjang pemerhatian yang dilakukan, murid-murid boleh menerima dengan baik penggunaan *Comic Strips* yang digunakan oleh penyelidik dalam teks bahasa Tamil. *Comic Strips* yang digunakan adalah satu pendekatan yang tepat bagi membantu penguasaan murid-murid tahun empat. Hal ini kerana, dalam mengembangkan kemahiran membaca teks dalam diri murid, penyelidik telah menggunakan kaedah *Comic Strips* sebagai satu alat untuk mendidik mereka. Murid-murid juga dilihat memberi tindak balas yang positif seperti memberi perhatian dan seronok membaca semasa pengajaran dilakukan. Penerimaan juga dapat dilihat melalui daya ingatan hasil dari pengubahsuaian teks bacaan dalam bentuk *Comic Strips*. Selain itu, kejayaan murid-murid mengingat teks bacaan mereka adalah bukti penerimaan yang baik oleh para murid ketika proses pembelajaran. Dapatan ini menyokong pendapat Drolet (2010)

yang menyatakan penggunaan komik pada tahap sekolah rendah dan sekolah menengah murid ESL (*English as Second Language*) yang mana kajiannya membuktikan bahawa pembacaan murid-murid di peringkat sekolah rendah bertambah baik melalui penggunaan komik.

Dalam perbincangan mengenai pandangan guru yang mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan pengajaran berkesan, hasil dapatan kajian menunjukkan murid mudah memahami kandungan, seronok belajar dan menjadikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rashid (2007) yang mana pengajaran yang baik berada selaras dengan matlamat yang ditetapkan dalam kurikulum.

Secara kesimpulannya, boleh dijelaskan bahawa dapatan kajian ini selaras dengan teori bahasa visual Neil (2007) yang menjadi asas kepada kajian ini yang menekankan penggunaan lukisan bahasa bukan verbal dalam pengajaran di sekolah rendah. Penerimaan penggunaan *Comic Strips* oleh guru membolehkan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih kondusif. Responden kajian juga dapat menggunakan pelbagai aplikasi untuk menghasilkan *Comic Strips* semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Seperti yang dinyatakan oleh Safuan dan Fong (2003) melalui Jamaludin dan Hashimah (2009) penggunaan alat yang menarik mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik. Kaedah pembelajaran dan pengajaran menentukan kelangsungan sesuatu proses pengajaran. Penggunaan pelbagai aplikasi grafik perlu dikuasai oleh para guru di selaras dengan kaedah pengajaran dan topik yang diajar oleh guru. Kaedah ini membolehkan murid untuk menumpu sepenuhnya perhatian semasa proses pengajaran berlangsung.

5.6. Penggunaan *Comic Strips* Dalam Kemahiran Membaca Teks Bahasa Tamil Meningkatkan Penguasaan Murid.

Hasil pemerhatian mendapati murid-murid sangat seronok apabila melihat teks bacaan yang mengandungi *Comic Strips*. Sepanjang menjalankan kajian ini, penyelidik membimbing responden kajian untuk membaca teks bersama-sama dan berusaha untuk mengingati teks yang dibacakan. Semua responden menunjukkan respon yang positif terhadap penggunaan *Comic Strips* dalam membaca teks bahasa Tamil. Responden kajian yang mengalami kesukaran mengenali huruf dan membaca teks yang panjang boleh membaca teks dengan penggunaan *Comic Strips*. Keadah ini meningkatkan keyakinan murid untuk membaca teks dengan yakin dan minat murid juga bertambah.

Proses pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan *Comic Strips* mampu mewujudkan suasana yang baik dan sesuai dengan murid dengan penggunaan *Comic Strips*. Hasil dapatan kajian menunjukkan pengajaran membaca teks dengan menggunakan *Comic Strips* sangat menyeronokkan. *Comic Strips* yang digunakan oleh penyelidik ketika proses pembelajaran menyebabkan murid seronok dan dapat menguasai kemahiran membaca teks bahasa Tamil. Sepanjang kajian ini, semasa menggunakan *Comic Strips* murid menunjukkan minat dan tidak sabar untuk pelajaran yang seterusnya dalam pembelajaran bahasa Tamil. Penggunaan *Comic Strips* membolehkan teks yang dipelajari oleh murid dapat beringat dengan lebih lama dan mudah.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan tingkah laku murid berubah dari segi emosi dan fizikal. Perubahan emosi berlaku berdasarkan pemerhatian oleh penyelidik yang mendapati responden kajian melalui mimik muka semasa proses pengajaran berlaku. Sebelum penggunaan *Comic Strips*, penyelidik mendapati

responden menunjukkan mimik muka bosan dan memberitahu teks bacaanya panjang berbanding dengan selepas teks bacaan diubah dalam bentuk *Comic Strips* responden dilihat gembira dan mengambil inisiatif sendiri untuk membaca teks bacaan.

Dari aspek penguasaan murid melalui penggunaan *Comic Strips* pula, didapati, proses pembacaan teks oleh murid-murid tahun empat telah berjaya memberi impak yang positif dalam membaca teks bahasa Tamil. Sepanjang pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan murid-murid mampu membaca teks dengan baik dan lancar. Bahan yang dipilih oleh penyelidik dilihat sesuai dengan topik yang ingin ditekankan. Seterusnya, kajian Vassilikpoulou (2012) turut menyokong hasil ini yang mana berbanding kaedah tradisional, penggunaan *Comic Strips* dalam pembelajaran tidak membosankan dan merangsang minda murid untuk berfikir dengan harmoni.

Hasil dapatan kajian menunjukkan, semasa kajian dijalankan penyelidik mendapati responden kajian dapat menumpukan perhatian sepenuhnya pada sesi pembelajaran. Dalam kajian ini yang mana responden yang terdiri daripada murid-murid tahun empat yang meminati sesi pembelajaran bahasa Tamil yang menerusi penggunaan *Comic Strips*. Semasa kajian ini dijalankan, penyelidik mendapati bahawa responden kajian sangat meminati teks yang diubah dalam bentuk *Comic Strips*. Apabila penyelidik menanyakan soalan berkaitan teks, responden kajian dapat menjawab kandungan teks dengan betul. Selain itu, hasil temu bual dengan bersama guru juga menunjukkan keberkesanan terhadap pembacaan teks bahasa Tamil yang menggunakan *Comic Strips*. Kenyataan ini disokong oleh Michael (2004) yang menyatakan bahawa penggunaan *Comic Strips* sebagai alat pembelajaran menunjukkan kemampuan murid untuk membaca dan menulis dan minat belajarnya meningkat. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik, didapati murid-

murid dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan bahasa iaitu dari segi mengingat teks yang dibaca. Kenyataan ini disokong oleh Noor Aini Ahmad (2014) yang mana dalam kajian menyatakan bahawa pembelajaran murid menjadi lebih berkesan hasil penggunaan aplikasi grafik.

Secara keseluruhannya peningkatan tahap pembacaan responden yang sangat menggalakkan selepas penggunaan *Comic Strips* menunjukkan bahawa *Comic Strips* sangat berkesan dalam menambahkan kemahiran membaca murid. Murid-murid tahun empat yang menjadi responden kajian boleh menyebut dan membaca perkataan dengan mudah selepas proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan dengan bantuan *Comic Strips*. Berdasarkan kajian oleh Baharudin dan Zaidatun (2001) penggunaan bahan grafik membolehkan maklumat disampaikan dengan mudah dan jelas.

5.7. Cadangan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan bagi menguji keberkesanan bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat. Kajian ini juga memberi hasil dapatan kajian yang berguna dan positif. Pemerhatian yang berlangsung semasa menjalankan kajian ini, boleh dilihat terdapat penambahan dari segi kemahiran membaca murid dan kesan yang baik dalam kalangan murid. Pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik semasa sesi pembelajaran dan pengajaran melalui penggunaan *Comic Strips* serta analisis temu bual, kajian pada masa hadapan boleh dijalankan bagi mendapatkan keputusan atau hasil kajian yang lebih baik. Oleh itu, penyelidik menyatakan beberapa pendapat yang boleh digunakan pada kajian pada masa hadapan kepada beberapa pihak yang tertentu seperti berikut:-

5.7.1. Cadangan Kepada Guru

Guru merupakan modal insan untuk melahirkan generasi yang berkualiti. Guru haruslah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang akademik supaya murid dapat meningkatkan potensi dan cemerlang dalam bidang pendidikan. Guru yang produktif dan berkualiti akan menguasai media pendidikan yang sesuai dengan murid-murid yang selaras dengan matlamat pendidikan. Bagi setiap isi pelajaran yang dipelajari oleh murid, penggunaan bahan bantu belajar mampu meningkatkan bakat murid dan menambahkan pengetahuan murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Guru-guru bahasa Tamil haruslah mengambil inisiatif untuk memperbaiki kaedah pengajaran di dalam kelas agar murid lebih cenderung dan minat mempelajari bahasa Tamil.

5.7.2. Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Seterusnya, pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sekolah harus mendorong guru untuk menggunakan kaedah baru buat perubahan dalam menyampaikan pelajaran dengan lebih berkesan. Pihak pentadbiran juga haruslah menggalakkan guru-guru berusaha untuk menambahkan penggunaan aplikasi grafik yang sesuai dengan arus perkembangan dunia pendidikan. Di samping itu, pihak pentadbir juga seharusnya memahami keperluan guru untuk menyediakan media pendidikan yang terbaik dan sesuai kepada murid-murid.

5.7.3. Cadangan kepada Penyelidik

Kajian ini lebih berfokus terhadap murid tahun empat yang mengalami kesukaran dalam pembacaan teks bahasa Tamil. Oleh itu, penyelidik berharap kajian-kajian seterusnya dapat dijalankan dalam mata pelajaran yang lain. Kajian terhadap mata pelajaran lain yang mempunyai bilangan murid yang ramai dan hasil dapatan

kajian boleh memberi langkah penyelesaian yang lebih efektif selain meningkatkan kebolehpercayaan serta kesahan kajian.

5.8. Kajian Lanjutan

Penyelidik telah melihat kesan terhadap kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* dalam kalangan murid tahun empat. Terdapat beberapa kesan positif yang menunjukkan perkembangan yang baik dalam diri murid-murid tahun empat. Oleh itu, penyelidik ingin menyatakan pendapat bagi aspek yang tidak dinyatakan dalam kajian ini. Kajian yang dilakukan terbatas ke atas bahan interaktif yang digunakan terhadap satu sekolah sahaja. Kajian yang sama dicadangkan supaya dijalankan di sekolah-sekolah yang ada opsyen bahasa Tamil supaya perbezaan atau persamaan dapat diketahui dengan lebih lanjut. Dapatan kajian yang diperolehi dapat memberi faedah kepada banyak pihak seperti guru bahasa Tamil, murid-murid dan pihak pentadbiran sekolah.

Seterusnya, negara Malaysia masih lagi kekurangan kepakaran dan bahan-bahan akademik yang berkaitan dengan media pendidikan khususnya bahasa Tamil. Dengan itu, disarankan untuk memperbanyakkan lagi kajian-kajian sama ada dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif yang menggunakan kaedah pengajaran grafik dalam bahasa Tamil. Diharap isu-isu yang dikaji akan memperluaskan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan grafik dan dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang.

Seterusnya, metodologi kajian yang digunakan dalam kajian dicadangkan supaya diubahkan pada masa akan datang. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, maka pada masa akan datang kajian boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Hasil kajian ini dapat

menyumbang kepada hasil dapatan yang mempunyai kesahan yang tinggi. Kajian sebegini jika dijalankan dengan banyak mampu mengetahui kekurangan dan kelebihan masalah yang dihadapi dalam bidang akademik.

5.9. Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik menyatakan jawapan kepada tiga objektif kajian yang telah dinyatakan seperti yang terdapat dalam bab satu. Tiga objektif yang berjaya dikaji ialah penggunaan *Comic Strips* dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid-murid tahun empat, *Comic Strips* dalam penglibatan murid untuk membaca teks bahasa Tamil dan peningkatan penguasaan murid dalam kemahiran membaca teks bahasa Tamil menerusi penggunaan *Comic Strips*. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik dan temu bual dengan dua orang guru beropsyen bahasa Tamil.

Penggunaan bahan grafik seperti *Comic Strips* sangat sesuai untuk digunakan dalam sesi pembelajaran khususnya dalam kemahiran membaca teks dalam kalangan murid-murid. Keadaan ini akan mewujudkan suasana pembelajaran yang digemari oleh murid dan memberi perhatian yang sepenuhnya semasa proses pembelajaran. Penggunaan *Comic Strips* membolehkan murid membaca teks dengan mudah. Seterusnya, penggunaan bahan grafik seperti *Comic Strips* menyebabkan murid lebih cenderung untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Tamil. Berdasarkan analisis yang dibuat dalam kajian ini, boleh dirumuskan kemahiran membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan *Comic Strips* menambah kemahiran membaca dalam kalangan murid tahun empat dengan jayanya.

Di samping itu, guru merupakan individu yang penting dalam menjayakan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses pembelajaran. Kepelbagaian penggunaan

bahan grafik akan mampu meningkatkan kualiti pengajaran serta meningkatkan minat murid-murid. Akhir kata, hasil kajian dapat membantu golongan pendidik untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran yang lebih kreatif.

Universiti Malaya

RUJUKAN

- Abdul, R. J., (2011). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ), 1(1), 1-12.
- Anderson, H. (2005). Myths about "Not- Knowing". *Family Process*, 44(4), 497-504.
- Aminordin. C. L., Grafik Dalam Pembelajaran. Modul 3C Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran, www.sahc.kedah.edu.my. 16/07/2010. www.umplib.ump.edu.my. 25/07/2010
- Ang, K. H. (2016). *Pengenalan Rangka Kerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 17-23.
- Azalina. A. W., (2013). Konteks, Input, Proses Dan Hasil Penggunaan Kaedah Ilustrasi Komik Terhadap Murid Tingkatan Empat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Muridan Sejarah Di Salah Sebuah Sekolah Di Daerah Papar: Satu Kajian Kes. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*, (UMS, 29 – 30 Ogos 2013).
- Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat, & Bahaman Abu Samah. (2009). *Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional ke Atas Pencapaian Matematik dan Sikap Matematik di Kalangan Murid Berisiko*. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*, 5 (2005), 79-89.
- Bayrei b. Asrin, Jered b. Yutui, Kamillah Mohamed, Norhayati Mohamad, Siti Salbiah bt. Shafie. (2008). Kemahiran membaca & Dalam sukatan muridan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan impaknya kepada persediaan guru di dalam bilik darjah. Retrieved from <http://www.inodelko.tcoin>.
- Berkowitz, J., & Packer, T. (2001). *Heroes in the Classroom: Comic Books in Art Education*. National Art Education Association, 54(6), 12-18.
- Blodgett, M. A. (2010). *Action Research: Data Analysis*. Retrieved from https://www.academia.edu/9074156/Action_Research_Data_Analysis
- Chandler, P. & Sweller, J. (1991). *Cognitive Load Theory and the Format of Instruction*. *Cognition & Instruction*, 8(4), 293-332. http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1207/s1532690xci0804_2
- Chiera-Macchia, & Rossetto, M. (2011). "Visual Learning Is the Best Learning--It Lets You Be Creative while Learning": Exploring Ways to Begin Guided Writing in Second Language Learning through the Use of Comics. *Babel*, 45(2), 35-40.
- Cohn, N. (2012). *Comics, Linguistics, and Visual Language: The Past and Future of a Field*. neilcohn@emaki.net. www.emaki.net. An abridged version of this paper appears in: F. Bramlett (Ed.), *Linguistics and the Study of Comics*. New York: Palgrave MacMillan.

- Cohn, N. (2007). *Comics, Linguistics, and Visual Language: The Past and Future*.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* ^{4th}. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dayang Hajjah Tiawa Awang Ahmad, Abdul Hafidz Omar, Rio Sumarni Sariiffudin. (2005). *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. <http://eprints.utm.my/2220/>
- Dera Fimansyah, Winti Ananthia, & Susilowati. (2016). *Penggunaan Media Komik Dalam Pembelajaran Writing di Sekolah Dasar. Program Studi Pendidikan Guru Sekolah Dasar: Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung*.
- Derrick, J. (2008). Using Comics with ESL/EFL Students. *The Internet TESL Journal*. <http://iteslj.org/Techniques/Derrick-UsingComics.html>
- Drolet, C. A. (2010). Using Comics in the Development of EFL Reading and Writing. SungKyul University.
- Eisner, W. (1985). *Comics & Sequential Art*. Florida: Poorhouse Press.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education* ^{8th}. New York: McGraw- Hill.
- Fewell, N. (2011) The educational benefits of integrating comics into English language Learning. Ryudai Review of Euro-American Studies No. 55.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* ^{9th}. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hashimah Mohd Yunus, & Ahmad Ramli Saad. (2012). *Kajian Tindakan: Strategi Penambahbaikan Pengajaran. Perkembangan Profesional*, 5(1).
- Hassanirokh.F, Yeganehpour, P. (2016). The Effect of *Comic Strips* of Turkish EFL Learners Reading Comprehension. *The Journal of International Education Science*, 3(6), 256-263. Retriever from http://www.inesjournal.com/Makaleler/1557331965_17-id-217.pdf
- Johanes Bulot, (2015). Instrumen Kajian Dalam Penyelidikan Kualitatif. <http://jabatansenivisualmuzik.blogspot.my/2015/02>
- Jones, E. (2010). *The Use of Comic Book Style Reading Material in an EFL Extensive Reading Program: A Look at the Changes in Attitude and Motivation to Read in English in a Japanese University*. *Language Education in Asia*, 2010, 1(1), 228-241. <http://dx.doi.org/10.5746/LEiA/10/V1/A19/Jones>.
- Judith Nesamalar Tharumaraj, & Nooreen Nordin. (2011). Analysing Teachers' Reading Habits and Teaching Strategies for Reading Skills. *Malaysian Journal of ELT Research (MaJER)*, 7(1).

- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Memasang Dan Mengenali NVIVO. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 2*, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim, 1-7.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif*, 1, (2012).
- Kementerian Muridan Malaysia (2006) (edisi pelancaran). *Pelan induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.
- Kilik Gantit (2014). Kajian Kualitatif. Retrieved from http://kiliknote.blogspot.my/2014/12/kajian-kualitatif_5.html.
- Kress, G., Leeuwen, T. V. (2006). Reading Images. The Grammar of Visual Design. *Conaplin Journal Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 1(1).
- Leong, F., N. & Amir Hamzah bin Sharaai. (2012). *Penggunaan Komik Strip bagi Meningkatkan Pencapaian Murid Dalam Topik Kitaran Air Tahun Lima*. Institut Pendidikan Guru, Kampus Tunku Bainun, Pulau Pinang.
- Lin, C. H. (2003). *Literacy Instruction through Communicative and Visual Arts. ERIC Digest*. <https://eric.ed.gov/?id=ED477612>
- Liu, J. (2004). *Effects of Comic Strips on L2 Learner's Reading Comprehension. TESOL Quarterly*, 38(2), 225-243.
- Mangubhai, F. (2001). *Book Floods and Comprehensible Input Floods: Providing Ideal Conditions for Second Language Acquisition*. *Journal of Educational Research*, 35, 147-156.
- Masdiono, T. (1998). *Empat Belas Jurus Membuat Komik*. Jakarta: Creative Media Jakarta.
- Mathialathan, S. (2014). *Use OF Comic in Reading Form Four Short Stories*. Tesis master yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.
- Mc Cloud, C. (1993). *Understanding Comics*: HarperCollins McVicker, C. (2015). *Visual Literacy and Learning to Read: Using Comic Stripss for Reading Instruction*. International Visual Literacy Association, Orlando.
- Megawati, F., & Anugerahwati, M. (2012). *Comic Strips: A Study on the Teaching of Writng Narrative Texts to Indonesian EFL Students. TEFLIN Journal*, Volume 23.
- Min, D. (1998). *Using Comic Strips on the Internet for English Teaching: A New Data Base. Primary English Education*, 4(1), 153-166.
- Mohd Ekram Al Hafis Bin Hashi. (2014). *Kesan Penggunaan Komik Bergerak Terhadap Murid Dalam Mata Muridan Sejarah*. Laporan Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Multimedia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mustapha Kamal Ahmad Kassim. 2015. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muthiah, V. V. (2005). Minat Murid Tingkatan Empat di Kawasan Seremban Terhadap Mata Muridan Bahasa Tamil. Tesis master yang belum diterbitkan, Universiti Malaya.
- Nur Fatin Fariha Zarwawi. (2015). *Pelaksanaan Pembelajaran Melalui Buku Teks Digital Dalam Memperkasakan Pengajaran Guru di Sekolah*, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Nurul Aliya. (2012). Makalah Bahasa Indonesia Komik Sebagai Media Pembelajaran biologi materi kingdom Animalia untuk Siswa Smp Kelas vii. Prodi Pendidikan Ilmu Pengetahuan Alam Fakultas Matematika Dan Ilmu Pengetahuan Alam Universitas Negeri Yogyakarta.
- Nor Azura binti Mohd Zaki. (2008). Menerangkan konsep istilah penting dalam mata murid dan Pengajian Perniagaan tingkatan 6 dengan inovasi "My Aura Map". Retrieved from <http://ilmu.edublogs.org/2008/07/10/myaura-map-menerangkan-konsep-istilah-penting-dalam-mp-pengajianperniagaan>
- Norhayuza Mohamad. (2001). *Masalah Ingatan: Satu Kajian Kes Murid Dewasa Bahasa Arab*. Tesis master yang belum diterbitkan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nor Sakinah binti Ismail Zawawi, (2015). Keberkesanan komik dalam pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. Universiti Malaya.
- Noval Sufriyanto Talani, (2014). Gaya Bahasa Visual Kartun Editorial. Seminar Besar Nasional Komunikasi oleh Ikatan Sarjana Komunikasi Indonesia (ISKI), 694-701
- Olson JC. 2008. The *Comic Strips* as a Medium for Promoting Science Literacy. <http://www.csun.edu/120/coursework/697/projects/OlsonActionResearchFinal.pdf>.
- Ousselin, E. (1997). "Ils sont frais, mes menhirs": *Comic Strips* in the business French class. *Journal of Language for International Business*, 8(2), 22–35.
- Pandian, A. (2007). Teaching English in Rural Schools: Reflections and Best Practices. *2007 Southern Thailand English Language Teaching/Cultural Change Conference*
- Rajagopal, K. (1989). Persepsi Murid Terhadap Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah. Tesis master yang belum diterbitkan, Universiti Malaya.

- Ranker, J. (2007). Using Comic Books as Read-Alouds: Insights on Reading Instruction from an English as a Second Language Classroom. *The Reading Teacher*, 61(4), pp. 296–305.
- Rashidah Awang. (2015). Apa itu Kajian Kualitatif? Retrived from <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>
- Richardson, J. T. E. (2003). *Dual coding versus relational processing in memory for concrete and abstract words. European Journal of Cognitive Psychology*, 15(4), 481-509.
- Shaharuddin Md Salleh, Salim Pakheri, & Roslinda@Syaida. (2010) *Kajian kes: tahap kreativiti bakal guru menggunakan seni grafik di kalangan murid tahun akhir*, *Journal of Science & Mathematics*, 1–6.
- Siti Fatimah Saad, (2013). Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Rendah. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*.
- Siti Fatimah binti Zainol, (2011). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Membuat Ulasan Nilai Murni Dengan Menggunakan Pengurusan Grafik. Tesis master yang belum diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Smith, A., (2006). *Teaching With Comic*. University Of Lethbridge, Canada.
- Sones, W. (1944). The Comics and Instructional Method. *Journal of Educational Sociology*, 18, 232-240.
- Taman Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Jamaludin Badushah. (2010). Masalah Membaca Murid-Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 77-85.
- Thacker, C. (2007). How to Use Comic Life in the Classroom. Retrived from http://www.homepages.dsu.edu/mgeary/comics/Comic_Life_in_Education
- Valdes, M. (1986) *Cultural bound*. Cambridge University Press. ISBN: 0521310458.
- Vassilikopoulou, M., Retalis, S., Nezi, M., & Boloudakis, M. (2011). *Pilot Use of Digital Educational Coming in Language Teaching. Educational Media International*, 48 (2), 115-126
- Versaci, R. (2001). How Comic Books Can Change the Way Our Students See Literature: *One Teacher's Perspective English Journal*, Volume 91, Number 2, pp.61-67 Wiley
- Wright, G. & Sherman, R. (1999). *Let's create a comic strip. Reading Improvement*, 36(2), 66-72.
- Wright, G., & Sherman, R. (1994). What is black and white and read all over? The funnies! *Reading Improvement*, 31(1), 37–48.

- Wright, G., & Sherman, R. (1999). Let's create a *Comic Strips*. *Reading Improvement*, 36(2), 66-72.
- Zimmerman, E. (2009). *The Effect of Comics as a Learning Tool: A Literature Review*. Oakland University.
- Zulkifli. (2010). *Pengaruh Media Komik Terhadap Hasil Belajar Kimia Siswa Pada Konsep Deaksi Redoks*. (Tesis Yang Diterbitkan) Fakultas Ilmu Tarbiah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri UIN, Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Universiti Malaysia